



TEMUBUAL SEJARAH LISAN  
MENGENAI SEJARAH KAMPUNG ORANG ASLI SEGAMAT KECIL, SEGAMAT,  
JOHOR BERSAMA ENCIK ARIFIN BIN NONG

DISEDIAKAN OLEH:

AIMI FAHANA BINTI MD ALI

AZURA BINTI AMER

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA:

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT UNIVERSITI

TEKNOLOGI MARA, CAWANGAN JOHOR KAMPUS SEGAMAT

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS DOKUMENTASI SEJARAH LISAN-

IMR604

SEMESTER 05 (SEPT 2017 – JAN 2018)

## ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	
1.0 ABSTRAK.....	1
2.0 SINGKATAN KATA.....	2
3.0 BIODATA PENULIS.....	3
4.0 PENGENALAN.....	5
4.1 Objektif kajian.....	5
4.2 Kaedah kajian.....	5
4.3 Kampung Orang Asli Segamat Kecil, Segamat, Johor.....	6
4.3.1 Kemudahan asas:.....	7
5.0 TRANSKRIP WAWANCARA.....	8
6.0 LOG WAWANCARA.....	101
7.0 KRONOLOGI.....	108
8.0 BIODATA PENGKISAH.....	110
9.0 SENARAI SOALAN.....	111
10.0 RALAT.....	121
11.0 RUMUSAN.....	122
12.0 SENARAI RUJUKAN.....	124
13.0 LAMPIRAN.....	125
14.0 INDEKS.....	129

# **PENGHARGAAN**

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Illahi, dengan limpah kurniaNya dapat kami menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Pelbagai cabaran dan dugaan yang telah kami tempuhi bagi menyiapkan tugas ini. Namun, ia adalah suatu hadiah yang tidak ternilai yang kami dapat berikan kepada pihak fakulti. Ia adalah sesuatu informasi yang berharga kepada kepentingan negara. Ia adalah satu kejayaan yang besar bagi kami setelah dapat menyiapkan tugas ini.

Seterusnya, ribuan terima kasih dan sebesar-besar penghargaan diberikan kepada insan yang bertanggungjawab dalam membantu kami untuk menyediakan dan menyiapkan tugas ini. Insan yang mulia ini adalah Encik Mohd Zul Azmi bin Ishak. Beliau merupakan tenaga pengajar bagi subjek IMR604, iaitu Dokumentasi Sejarah Lisan. Beliau adalah seorang yang berdedikasi dalam menyampaikan maklumat mengenai subjek ini. Beliau juga amat mudah untuk didekati dan sentiasa memberikan respon yang positif apabila kami mengemukakan pertanyaan kepada beliau. Apabila kami menghadapi masalah mengenai tugas ini, beliau adalah sumber rujukan kami selain dari bahan-bahan bacaan lain. Semua teguran yang diberikan beliau membuatkan kami sentiasa bersemangat untuk menyiapkan tugas ini. Kami hargai semua teguran yang beliau berikan kepada kami.

Setinggi-tinggi penghargaan di berikan kepada insan yang menjadi nadi dalam tugas ini. Beliau adalah Encik Arifin bin Nong, yang merupakan ketua kampung atau lebih dikenali sebagai tok batin di Kampung Orang Asli Segamat Kecil. Kami berterima kasih kepada beliau, kerana sudi berkongsi pengalaman beliau sebagai salah seorang ketua kampung dan seorang penduduk yang mengetahui segala selok belok di kampung tersebut. Segala sejarah dan latar belakang Kampung Orang Asli Segamat Kecil diketahui oleh beliau sejak beliau mula berminat mengenai isu perkampungan. Pengalaman beliau menjadikan tugas ini amat istimewa buat kami dan kami berharap hasil wawancara bersama beliau ini dapat dijadikan sumber rujukan kepada generasi akan datang.

Beliau amat mesra dan sentiasa memberi kerjasama yang baik terhadap kami samada semasa wawancara atau pun dalam hal berkaitan tugas ini. Beliau bukan sahaja berkongsi mengenai pengalaman beliau, malah turut memberikan kata-kata nasihat kepada kami, dan itu adalah suatu pemberian yang tidak ternilai buat kami.

Tidak lupa juga kepada sahabat kami yang sentiasa memberikan pertolongan kepada kami samada sebelum, semasa dan selepas wawancara ini diadakan. Mereka semua bagaikan pembakar semangat kami dalam menyiapkan tugas ini. Mereka sentiasa memberikan nasihat dan dorongan kepada kami. Akhir sekali, kepada kedua ibu bapa kami, kerana sentiasa menjadi tulang belakang kami, dalam melakukan apa jua tugas selama kami bergelar seorang pelajar.

Sekian terima kasih.

# **1.0 ABSTRAK**

## 1.0 ABSTRAK

*Abstrak: Transkrip ini mengandungi temubual bersama Tok Batin Arifinbin Nong mengenai Kampung Orang Asli Segamat Kecil yang terletak di Segamat, Johor. Transkrip temubual ini dijalankan di sebuah rumah yang beralamat Kampung Orang Asli Segamat Kecil, No 51, Jalan Surau, 85111 Segamat, Johor. Temubual berikut dijalankan pada jam 12.00 tengah hari sehingga jam 2.20 petang pada 30 November 2017. Beliau merupakan salah seorang tok batin di Kampung Orang Asli Segamat Kecil. Transkrip ini menyentuh berkenaan dengan sejarah kampung dan waktu penubuhannya dan juga serba sedikit tentang latar belakang beliau serta pengalaman beliau sepanjang menjadi tok batin di kampung ini.*

## **2.0 SINGKATAN KATA**



**2.0 SINGKATAN KATA**

<b>NO</b>	<b>SINGKATAN</b>	<b>MAKSUD</b>
1.	JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
2.	UMNO	United Malay Nation Organization
3.	JKK	Jawatan Ketua Kampung
4.	SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
5.	RISDA	Rubber Industry Smallholders Development Authority
6.	SPA	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
7.	UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
8.	FELCRA	Federal Land Consolidation and Rehabilitatios Authority
9.	YDP	Yang Di Pertua
10.	AADK	Agensi Antidadah Kebangsaan
11.	PPRT	Projek Perumahan Rakyat Miskin Tegar
12.	KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
13.	JKR	Jabatan Kerja Raya
14.	ICU	Intensive Care Unit

## **3.0 BIODATA PENULIS**

**3.0 BIODATA PENULIS**



*Nama* : *Azura Binti Amer*

*Matrik Nombor* : *2016648638*

*No. Kad Pengenalan* : *950405045442*

*Tarikh Lahir* : *5 April 1995*

*Tempat Lahir* : *Melaka*

*Nombor Telefon* : *014-9678097*

*Alamat* : *Batu 21 ½ Kampung Bukit Sengeh 7750 Selandar  
Melaka*

*Jurusan* : *Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat Dan Rekod  
Universiti Teknologi Mara Cawangan Johor*



*Nama* : *Aimi Fahana Binti Md Ali*

*Matrik Nombor* : *2016648704*

*No.Kad Pengenalan* : *951111025360*

*Tarikh Lahir* : *11 November 1995*

*Tempat Lahir* : *Kedah, Darul Aman*

*Nombor Telefon* : *017-4791259*

*Alamat* : *No 6, Kampung Kuala Segantang Garam, 08100 Bedong,  
Kedah, Darul Aman.*

*Jurusan* : *Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat Dan Rekod  
Universiti Teknologi Mara Cawangan Johor*

## **4.0 PENGENALAN**

#### **4.0 PENGENALAN**

##### **4.1 Objektif kajian**

- Memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai kampung-kampung yang terdapat di daerah segamat.
- Menambah ilmu pengetahuan tentang bentuk muka bumi yang ada di negeri Johor khususnya daerah Segamat.
- Menghargai peranan generasi terdahulu didalam membangunkan kawasan kampung rangkain di Segamat.
- Mendapat maklumat sebenar tentang masalah yang dihadapi oleh enduduk kampung.
- Membantu mengubah persepsi masyarakat luar mengenai peranan dan fungsi kampung yang terdapat diseluruh Malaysia.

##### **4.2 Kaedah kajian**

Kaedah yang telah kami gunakan dalam memastikan perlaksanaan temubual ini adalah seperti berikut:-

- Melalui pembacaan dari pelbagai sumber seperti internet, jurnal, surat khabar, dan buku.
- Melakukan rujukan bersama pensyarah berkaitan tentang prosedur serta nasihat dalam memberikan kelancaran terhadap kajian ini.
- Memperoleh keizinan dan persetujuan daripada wakil kampung melalui surat rasmi serta panggilan telefon.
- Melaksanakan dua sesi pertemuan dengan tok batin atau ketua kampung iaitu bertujuan untuk sesi suai kenal manakala untuk ses yang kedua adalah prses temubual secara rasmi.

#### **4.3 Kampung Orang Asli Segamat Kecil, Segamat, Johor.**

Kampung Orang Asli Segamat Kecil dahulunya dikenali sebagai Kampung Tuang Kajang. Kampung ini pada asalnya mula diteroka pada tahun 1940 oleh seorang Tok Batin yang dikenali sebagai Tok Batin Sebah. Kampung ini berkedudukan di tepi Sungai Segamat dan ianya terdiri daripada masyarakat orang asli suku kaum jakun. Terdapat kira-kira pada masa itu sebanyak tiga puluh buah keluarga orang asli berkampung di kawasan ini. Mereka giat menjalankan kehidupan yang harmoni dengan masyarakat melayu berjiran. Asal usul Tuang Kajangpula adalah Tuang membawa maskud memasuk atau mencurah sesuatu benda ke dalam acuan atau bekas manakala Kajang adalah daun mengkuang yang dianyam untuk dijadikan atap rumah atau dinding sebagai pelindung penduduk di kampung ini. Sebenarnya nama ini diambil apabila berlaku peristiwa Tok Batin menuang atau mencurah biji durian dengan banyaknya ke dalam bekas tersebut. Demikianlah nama Tuang Kajang itu ditubuhkan. Setelah berberapa tahun kemudian, nama Tuang Kajangini ditukar menjadi Kampung Orang Asli Segamat Kecil. Demikian adalah sempena nama Sungai Segamat itu sendiri. Sungai Segamat merupakan sungai yang berdekatan dengan kawasan perumahan orang asli pada masa itu hingga kini. Ianya ditukar kerana sungai tersebut lama kelamaan semakin sempit dan kecil keluasannya. Oleh yang demikian Segamat Kecil bererti sungai yang dahulunya sangat luas dan lebar dan kini menjadi semakin kecil.

Selain daripada itu, kawasan Kampung Orang Asli Segamat Kecil ini adalah bersebelahan dengan Felda Redong. Kawasan persekitarannya dipenuhi dengan pokok getah dan penempatan penempatan orang asli yang tidak berapa mewah. Kampung ini pernah dinobatkan sebagai Desa Indah pada tahun 2016. Di Johor ini terdapat sembilan buah kampung orang asli yang mana semuanya boleh dikatakan agak maju. Keluasan bagi keseluruhan Kampung Orang Asli Segamat Kecil ini ialah 248.889 hektar. Keluasan tanah yang diusahakan adalah sebanyak 212.459 hektar, kawasan perumahan pula sebanyak 30.430 hektar. Dari segi kawasan pertanian atau pun mudah dikenali sebagai kawasan yang telah diteroka oleh penduduk ini adalah 6 hektar. Manakala dari segi perternakan adalah 2 hektar daripada keseluruhan Kampung Segamat Kecil ini.

**4.3.1 Kemudahan asas:**

- Sekolah Rendah Kebangsaan Segamat Kecil
- Balai Raya Kampung Orang Asli Segamat Kecil
- Rumah tumpangan
- Pos kawalan rela Kampung Segamat Kecil
- Balai rawatan
- Surau
- Tabika KEMAS



## **5.0 TRANSKRIP WAWANCARA**

### **5.0 TRANSKRIP WAWANCARA**

Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan bersama Tok Batin Arifin yang merupakan ketua kampung bagi Kampung Orang Asli Segamat Kecil, Segamat, Johor. Beliau adalah seorang yang berwawasan tinggi dan mempunyai pelbagai perancangan untuk kemajuan dan kesejahteraan penduduk serta kampungnya. Rakaman ini dijalankan di Kampung Orang Asli Segamat Kecil, No. 51, Jalan Surau, 85000 Segamat, Johor pada 30 November 2017 bermula pada jam 12.00 tengah hari. Wawancara ini dikendalikan oleh Azura binti Amer dan Aimi Fahana binti Md Ali. Dengan segala hormatnya kita mulakan temuramah ini.

**Azura: (bunyi kipas) Selamat tengah hari Encik.**

**Tok Batin Arifin: (bunyi kipas) Selama tengah hari.**

**Aimi: (bunyi kipas) Boleh kami tahu apakah nama penuh Encik?**

**Tok Batin Arifin: (bunyi kipas) Aaa nama penuh saya aa Arifin bin Nong (bunyi helaian kertas) Arifin bin bin Nong (ulangan).**

**Aimi: (bunyi kipas) Adakah encik mempunyai nama singkatan atau gelaran?**

**Tok Batin Arifin: (bunyi kipas) Aaa kalau dikalangan rakan-rakan saya diluar sana tu [itu] panggil saya tok pin aje [sahaja]. Tok pin (ulangan).**

**Aimi: (bunyi kipas) Bolehkah kami panggil Encik dengan gelaran tersebut?**

Tok Batin Arifin: (bunyi kipas) Boleh boleh.

**Aimi: (bunyi kipas) Boleh saya tahu berapa usia tok sekarang?**

Tok Batin Arifin: (bunyi kipas) Aaa saya da [sudah] masuk ke lima puluh lima (55) tahun.

**Aimi: (bunyi kipas) Boleh kah aa boleh kah kami tahu bilakah tarikh lahir tok?**

Tok Batin Arifin: (bunyi kipas) Aaa saya dilahirkan pada dua puluh tiga (23) haribulan Disember sembilan belas enam puluh dua (1962).

**Aimi: (bunyi kipas) Dimanakah tok sebenarnya dilahirkan?**

Tok Batin Arifin: (bunyi kipas) Saya memang dilahirkan di Kampung Segamat Kecil.

**Aimi: (bunyi kipas) Tok dilahirkan di hospital atau di rumah?**

Tok Batin Arifin: (bunyi kipas) (mecelah) Aaa di di di (ulangan) kampung di rumah.

**Aimi: (bunyi kipas) Boleh tok nyatakan nama lokasi atau rumah tersebut?**

Tok Batin Arifin: (bunyi kipas) Aaa saya pun dah [sudah] tak [tidak] berapa ingat tapi boleh la juga sikit saya cite (cerita) Aaa saya dilahirkan dulu di kampung pertama tu [itu] dulu kampung Tuang Kajang. Aaa Segamat Kecil ni [ini] baru di di ditukar nama. Aaa Masa tu [itu] saya Aaa dengar ceritanya di dilahirkan di rumah pondok lah tak [tidak] da [ada] lah rumah-rumah (ulangan perkataan sama) macam ni [ini] aaa memang rumah pondok masa tu [itu] dulu masyarakat orang asli ni [ini] rumahnya kebanyakannya atap daun aaa nipah daun nipah, kemudiannya lantai kebanyakan daripada buluh, pastu [selepas itu] dinding nya kebanyakannya daripada kulit .

**Azura: (bunyi kipas) Maaf nak bertanya kampung apa tadi?**

Tok Batin Arifin: (bunyi kipas) Tuang Kajang

**Azura: (bunyi kipas) Kampung Tu-an Ga-jah?**

Ecik Arifin: (bunyi kipas) Tuang-Tuang

**Azura: (bunyi kipas) T-u-a-n-g G-a-j-a-h**

Encik Arifin: (bunyi kipas) Tu-ang Kajang (suara latar “Kampung Tuang Kajang”)

**Aimi: (bunyi selakan helaian kertas) Adakah tok sudah berkahwin?**

Tok Batin Arifin: (bunyi kipas) Aaa dah (sudah)

**Aimi: (bunyi kipas) Boleh saya tahu tok mendirikan rumah tangga pada tahun bila ya?**

Tok Batin Arifin: (bunyi kipas) Aaa saya dah [sudah] apa nama tarikh saya berkahwin pada dua puluh tiga (23) haribulan November sembilan belas tujuh puluh sembilan (1979).

**Aimi: (bunyi kipas) Hingga ke hari ini?**

Encik Afrin: (bunyi kipas) Ha hingga hari hari ini (suara mencelah)

**Aimi: (bunyi kipas) Sudah berapa lamakah tok dan isteri mendirikan rumah tangga?**

Tok Batin Arifin: (bunyi kipas) Aaa tujuh sembilan (79) hampir ke tiga puluh (30) lebih tahun lah rasa kut (kurang kepastian akan tempoh tersebut).

**Aimi: (bunyi kipas) Berapakah usia tok dan isteri tok ketika itu?**

Tok Batin Arifin: (bunyi kipas) Aaa masa tu [itu] masing-masing aa tujuh belas tahun (17) tahun.

**Aimi: (bunyi kipas) Boleh saya tahu siapakah nama isteri tok?**

Tok Batin Arifin: (bunyi kipas) Aaa nama isteri Cecas atau Rokiah binti Yen, Cecas aaa atau Rokiah binti Yen ye betul.

**Azura: (bunyi kipas) Rokiah binti?**

Tok Batin Arifin: (bunyi kipas) Binti Ye (mengeja) Y-E-N.

**Azura: (bunyi kipas) Y-E-N (mengeja)**

Tok Batin Arifin: (bunyi kipas) Tarikh lahir sama (bunyi pintu) Aaa samalah bulannya sama tahun sama haa. (bunyi kucing)

**Aimi: (bunyi kipas) Berapakah umur beliau sekarang?**

Tok Batin Arifin: (bunyi kipas) Sama lima puluh lima (55).

**Aimi: (bunyi kipas) Adakah tok dan isteri tinggal di kampung yang sama?**

Tok Batin Arifin: (bunyi kipas) Aaa isteri di kampung orang asli apa nama ni [ini] kampung Kudung di Bekok sana, dia memang asalnya orang sana.

**Aimi: (bunyi kipas) Tok dan isteri beragama apa?**

Tok Batin Arifin: (bunyi kipas) Saya setakat ini tak [tidak] de [ada] agama apa tu [itu] dipanggil ani apa animisma anemisma (keliru) gitulah.

**Azura: (bunyi kipas) Etis etis (ethiesme) tak [tidak] da [ada] agama ok (baiklah).**

**Aimi: (bunyi kipas) Isteri tok pula?**

**Tok Batin Arifin: (bunyi kipas) Sama-sama tak [tidak] ada agama.**

**Aimi: (bunyi kipas) Boleh kami tahu serba sedikit tentang pendidikan isteri tok? (bunyi helain kertas)**

**Tok Batin Arifin: (bunyi kipas) Aaa isteri saya dia sekolah sampai darjah tiga (3), lepastu [selepas itu] aa kemungkinan pada masa tu [itu] saya rasa dari segi apa nama ni [ini] penganggutannya agak susah jadik [jadi] dia berhenti, sebab aaa daripada kampung dia ni ke sekolah jaraknya lapan (8) ke sembilan (9) kilo kilometer gitu [begitu] lah. Pada masa tu [itu] kadang kadang dia ke sekolah jalan kaki. Saya sekolah dulu [dahulu] pun sama sama. (bunyi motor)**

**Aimi: (bunyi kipas) Adakah tok sudah mempunyai anak?**

**Tok Batin Arifin: (bunyi kipas) Saya punyai empat (4) orang anak tiga (3) perempuan satu (1) laki [lelaki]. (bunyi motor)**

**Aimi: Bolehkah tok nyatakan nama anak-anak tok?**

**Tok Batin Arifin: Yang tua lebih kurang dalam empat puluh (40) tahun aaa Zakiah binti Arifin, yang kedua aaa Zakilah binti Arifin lebih kurang tiga puluh sembilan (39) tahun yang ke tiga (3) Zaidin bin Arifin aaa umur baru dua (2) ohh tiga puluh dua (32) yang**

akhir sekali Zahrina binti Arifin dia baru lepas SP (keliru) SPM (Sijil Plejaran Malaysia).

**Aimi: Hmm boleh saya tahu dimakah tempat mereka bekerja atau belajar?**

Tok Batin Arifin: Aaa ke empat empat (4) ni semuanya dah [sudah] dah (ulangan) tak [tidak] dah [sudah] tak [tidak] tak (ulangan) bekerja tak [tidak] tak (ulangan) belajar, yang sorang [seorang] ikut suami di kampung orang asli kat Azhar aaa yang nombor dua (2) tadi ada kat [dekat] kat (ulangan) rumah tu [itu] dia suri rumah tetap anak laki [lelaki] setakat ni [ini] dia tak [tidak] bekerja tapi dia ada buat kerja ternakan bela lembu yang pompuan [perempuan] yang yang (ulangan) bongsu sekali tu [itu] dia sekarang ni [ini] tunggu panggilan untuk Aaa kerja ni [ini] bidang perhotelan sebab itu hari dia pergi ke Seremban selama tiga (3) bulan berkursus di dalam bidang perhotelan sementara nunggu [tunggu] apa ni [ini] panggilan sebabnya dia ni [ini] ada isi borang SPA.

**Aimi: Adakah mereka sudah mendirikan rumah tangga?**

Tok Batin Arifin: Aaa dua (2) dah [sudah] sorang [seorang] yang laki [lelaki] sorang [seorang] yang bongsu tu [itu] belum.

**Aimi: Boleh tok ceritakan serba sedikit tentang keperibadian mereka?**

Tok Batin Arifin: Aaa saya pun susah nak [hendak] apa ni [ini], contoh anak saya yang aaa yang pertama tu [itu] yang si Zakiah Aripin yang dulu, Aaa dia ni [ini] sekolah hanya tingkatan tiga (3) Aaa pada masa itu pun di Kampung Segamat Kecil ni [ini] dari segi pengangkutanannya agak aaa agak susah kita cuma dibekalkan pada masa itu



sebuah van jalan nya pula tak [tidak] tak (ulangan) elok , jadi Aaa masa ke sekolah tu [itu] agak tersekat bunyi motor) sekat , bila cuaca kerana hujan kebanyakan murid-murid di sekolah eh (keliru) di Kampung Segamat Kecil ini tak [tidak] dapat kesekolah, van tak [tidak] dapat masuk. Lama kelamaan budak -budak ni [ini] saya rasa dia [anak beliau] macam agak rimas dia berenti, dia cuma sampai tingkatan tiga (3) yang kedua pulak sampai SPM (Sijil Pelajaran Malaysia), pernah mohon apa nama ni [ini] Aaa pernah mohon jawatan Misi [Misi Tentera Darat] dah [sudah] pergi temuduga malahnya pendek pulak [pula] tak [tidak] cukup tinggi. Bila dah [sudah] berkahwin lansung tak [tidak] jadi apa, terus ikut suami. Yang ketiga ini pulak [pula] si Zaidi ni [ini] itu yang saya kata, kalau aa saya boleh cincang saya cincang kan dulu hati punya panas, saya hantar ini (bunyi ketuk meja) atas pilihan dia sendiri aaa temuduga di Pejabat Risda Segamat, jadi dia ni [ini] pilih bidang apa nama landskap, pergi lah sana lebih kurang dalam empat (4) bulan gitu [begitu] lah , saya pun dah bayar tujuh (7) lapan (8) ribu, tah [entah] macam mana dia di sana tu [itu] dia kena demam sakit jadi hantar ke klinik ke hospital tak [tidak] elok, Bawak [bawa] pergi berubat kampung, bila dah [sudah] elok nak suruh balik ke sana dah [sudah] taknak [tidak mahu], jadi saya pun masa tu [itu] saya tak tahu apa nama boleh di tahu rupanya bila aaa pengurus apa nama tu [itu] aaa kolej RISDA... yang datang ke rumah dia cerita cerita (ulangan) rupanya mula di tahu saya masa tu [itu] memang tak [tidak] tahu rupanya boleh tah (tersasul) tahu “selama setahun dalam setahun kita kena pujuk budak ni “dia [Pengurus kolej anaknya] kata jadi terlepas lah peluang.

**Aimi: Kira daripada situ dia sakit dia berhenti lepastu [selepas itu] kira dia tak [tidak] sambung (suara mencelah) ke kolej [asrama] tu [itu] lah.**

Tok Batin Arifin: Aaa tak [tidak] sambung lepastu [selepas itu] dia ni [ini] saya melalui kawan melalui kawan kawan dia dapat tawaran bekerja dengan Pejabat FELCRA, Aaa dengar katanya pegawai lah jugak [juga] pun tak [tidak] tau lah apa pangkatnya, jadi pengurus FELCRA pun datang ke rumah cite [cerita] cite (ulangan) dengandia mula

katanya nak [mahu] lepas lepastu dah [sudah] tak [tidak] nak [hendak] pulak, tu [itu] pun satu pada saya satu kerugian lah pada dia sendiri.

**Azura: Betul (menyokong sambil mengangguk kepala)**

Tok Batin Arifin: (sambungan) Lepastu [selepas itu] dia ditawarkan jadi [menjadi] kerani pulak [pula] Aaa ni [ini] dengar kerja di ladang swasta yang tu [itu] dia kerja. Malangnya pulak [pula] dah [sudah] apa nama ni [ini] tak [tidak] sama dengan pertama yang dijanjikan pada dia mulanya kata kerani kerja di pejabat bila dia pergi dua (2) hari ke tiga (3) hari duduk di pejabat lepastu dia di dah macam pekerja biasa, Aaa nanam [tanam] benih getah pergi siram benih getah, jadi dah [sudah] tak [tidak] tak (ulangan) apa tak [tidak] betul dengan apa yang dia di diceritakan pada awalnya. Jadi dia berhenti kerja sebulan dia pastu berhenti. Gaji pun agak boleh lah sebab dia bujang seribu (1000) seribu (ulangan) tiga ratus (1300). Jadi dia rasa tak [tidak] sesuai dia berenti, jadi saya pun nanya [tanya] apa sebab berhenti “Aaa tak [tidak] sesuai abah dengan apa yang cina tu [itu] cakap dah [sudah] dah (ulangan) lari jauh, jadi saya jumpa balik cina tu saya tanya “Tak apa lah tok” dia [cina tersebut] kata “itu you [awak] punya anak sudah tak [tidak] minat tak [tidak] apa” lagi pun malas nak cakap banyak. (ketawa sinis)

**Aimi: Jadinya sekarang dia aa buat apa?**

Tok Batin Arifin: Dia menternak ni [ini] sebenarnya dah [sudah] lama, masa dia dalam sekolah tu [itu] pun dah [sudah] saya nampak dah [sudah] timbul minat aa mentarnak, tu [itu] pertama (1) yang ke dua (2) nya dia ni [ini] berminat aaa didalam (bunyi motor) bidang masakan, dia kalau masak masak ni [ini] dia dia (ulangan) paling suka, hiasan makanan pengantin apa tu [itu] dia memang suka aaa.

**Aimi:** Boleh saya tahu hasil penternakan anak tok tu [itu] dibawa ke mana ya?

Tok Batin Arifin: Diorang [mereka] sini kalau hasil ternakan tu [itu] kadang kadang tu [itu] dia apa nama ni [ini] pembeli daripada luar tu [itu] dia datang nanya [bertanya] nak [hendak] beli lembu dia dia (ulangan) tak [tidak] de [ada] tetap tetap (ulangan) siapa nak [hendak] beli dia ambil jual. Baru-baru ni [ini] ada seorang tok (pemilik kedai) tu aa entah [tidak tahu] haji apa nama dia dari pada Melaka dia agak lama -- (bunyi motor). Harga pun tinggi, dia sekali dia beli pun banyak berbelas belas ekor apatah lagi kalau dalam musim perayaan memang dia beli banyak sampai berpuluh puluh ekor kadang kita sini pun diorang [mereka] ni [ini] tak [tidak] cukup lembu nak [hendak] jual, yalah kalau nak [hendak] jual habis tu [itu] ada tapi bila [apabila] (ketawa) jual habis habis (ulangan) lah tak ada tu [itu].

**Azura:** Boleh kami tahu anak tok ternak haiwan haiwan tersebut dekat mana?

Tok Batin Arifin: diorang [mereka] di kebanyakan menumpang di separuhnya menumpang di Felda Redong dan ada separuhnya menumpang di Persatuan Nelayan Negeri Johor dalam yang nelayan ni [ini] dia bagi seribu ekar [hektar] untuk kawasan ternakan dan dalam sawit yang di Felda Redong ni [ini] dia takda [tidak ada] had, cuma dia turun bawah lembu tu [itu] jangan musnahkan tanaman tu [itu] dah [sudah] tanaman tapi diorang [mereka] ni [ini] ada buat kandang jugak jugak walaupun dalam sawit tu [itu].

**Aimi:** Jadinya hari hari lah

Tok Batin Arifin: (suara mencelah) haa hari-hari dia pergi tengok, dia bergilir gilir akak [kakak] ni [ini] pun dia ada bela juga sekali.

**Aimi:** Adakah anak tok sahaja yang buat penernakan tu [itu] atau dia ada pekerja dia sendiri?

Tok Batin Arifin: Aaa dia ni [ini] ada kumpulan, sini ada empat (4) kumpulan yang bela [menternak] lembu satu kumpulan tu [itu] ada dua puluh (20) orang yang belas belas orang orang ada tujuh (7) lapan (8) orang. Dia tak [tidak] semua dapat lah. Ada yang satu group (kumpulan) di Persatuan Nelayan ni [ini] diorang [mereka] ni [ini] dapat aaa bantuan daripada Jabatan Veterina bantu. Dulu sebenarnya benih baka lembu ni [ini] daripada aaa Jabatan Kemajuan Orang Asli pada masa tu dipanggil Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Aaa kalau tak [tidak] silap [salah] saya pertama dulu-dulu, empat belas (14) ekor aja [sahaja] lembu itu di bagi-bagi bila kita bela [menternak] dah [sudah] dah (ulangan) lembu beranak kita bagi orang lain, ibu atau anak dia bagi bagi bagi (ulangan tiga kali) sampai lah sekarang. Saya rasa dah [sudah] hampir tiga puluh (30) tahun jugak [juga] lah lembu ni [ini]. Pada masa tu [itu] saya belum belum berkahwin lagi lembu ni [ini] dah [sudah] dah (ulangan) ada. Dah [sudah] lama diorang [mereka] ternak ni [ini] dah [sudah] bertukar tukar berganti ganti.

**Aimi:** Boleh saya tahu adakah Ibu dan bapa tok masih ada?

Tok Batin Arifin: Aaa kedua dua orang dah [sudah] takda [tidak ada]. Saya pun dah [sudah] tak [tidak] ingat tarikh Aaa tarikh orang tua meninggal, dah [sudah] dah (ulangan) lupa dah [sudah] lama sangat Aaa kalau mak saya dulu dia ninggal [meninggal] di Hospital Segamat ayah meninggal [meninggal] di Kampung Orang Asli Sungai Bekok ayah sana dulu orang Sungai Bekok sana, berhampiran kampung orang rumah [isteri] saya bersebelahan.

**Aimi:** Boleh kami tahu semasa mereka masih ada apa pekerjaan mereka?

Tok Batin Arifin: Aaa kalau dulu dulu masyarakat orang asli ni [ini] kebanyakannya cari rotan dan damar. Itu pekerjaan yang pertama sebab dulu aa kebun-kebun getah ni [ini] memang kalau di Segamat Kecil ni memang boleh katakan takda [tidak ada], ada pun cuma berberapa tuan ja [sahaja] yang ada. Kebanyakan diorang [mereka] Aaa pergi cari rotan dan cari damar, ada yang duduk dalam hutan ada yang balik hari, masa tu [itu] Aaa kalaa tak [tidak] silap saya, saya Aaa sekat.. masa tu kira sekat damar lima puluh (50) sen, rotan pulak [pula] dia tengok jenis rotan.

**Aimi: Tok boleh saya tahu, damar tu [itu] sebenarnya apa?**

Tok Batin Arifin: Damar ni [ini] dia banyak -banyak jenis yang ada yang macam kaca ada yang macam plastik yang macam kaca tu [itu] dia dia (ulangan) kemungkinan dia dia (ulangan) buat bahan kaca, yang mcm plastik tu [itu] dia buat bahan plastik ahah dia kalau yang macam plastik tu [itu] dia bakar dia nyala makan api, dia banyak-banyak warna hitam ada yang macam daging ada, damar tu [itu] sebenarnya sekarang ni laku [laris] tapi cuma kebanyakan orang asli sekarang ni [ini] dah [sudah] tak nak [tidak mahu] ke hutan. Sekarang ni [ini] dah dengar cite [cerita] dah seringgat setengah sekilo (RM1.50) nak jak (tersusul) satu halnya cari jauh nak [hendak] dapat pun susah, dah [sudah] habis benda tu dah [suda] berkurangan, ada ada tapi jauh.

**Aimi: Apa kegunaan damar ni sebenarnya?**

Tok Batin Arifin: Aaa damar ni [ini] ada yang ada yang yang boleh dibuat Aaa gam, ada yang itu tadi buat bahan plastik buat bahan kaca. Dulu masa dulu-dulu memang di Segamat Kecil ni [ini] cina yang beli tu [itu] dia buatkan store [gudang] memang penuh dengan damar penuh dengan rotan. Sekarang ni [ini] dah [sudah] agak berkurangan permintaan damar dan rotan ni [ini], mungkin boleh sebab benda ni pun dah [sudah] dah (ulangan) terlalu sikit dah [sudah] tak [tidak] ada.

**Aimi: Hmm boleh saya tahu nama ibu dan ayah tok?**

Tok Batin Arifin: Aaa ayah saya (bunyi motor) Nong bin Sebong ibu Aminah binti Altah.

**Aimi: Mereka sebenarnya beragama apa?**

Tok Batin Arifin: Aaa arwah ibu saya dulu sebelum dia Aaa berkahwin dengan ayah saya dia ni [ini] islam. Masa jaman-jaman [zaman-zaman] aaa diorang [mereka] dipanggil apa dulu kawasan hitam. Diorang [mereka] ni [ni] dulu [dahulu] Segamat Kecil ni [ini] kebanyakan penduduk masa jaman-jaman [zaman-zaman] Jepun banyak lari ke Kampung Melayu Kampung Tengah, Segamat. Bertahun-tahun duduk sana hinggak ada yang apa nama ni [ini] dapat mak [emak] angkat orang melayu apa semua lah aaa. Itu sebab mak [emak] saya dulu dia sampai khatam Al-Quran ni [ini], (bunyi motor) apabila dah [sudah] kawasan putih balik-balik ke Segamat Kecil ni [ini], jadi tenaga pengajar tu [itu] hubungan antara dia dengan Islam dah [sudah] agak renggang. Boleh katakan boleh jauh sekali lah renggang lepastu [selepas itu] bergaul dengan ayah saya jadi semua tu [itu] ditinggal dah [sudah] macam apa dah [sudah] macam dah [sudah] macam apa (ulangan) tak [tidak] memeluk Islam. Masa dia kahwin dengan bapak [ayah] saya dulu pun dah [sudah] tak [tidak] tak (ulangan) ikut cara Islam. (bunyi motor) Jadi selepas dah [sudah] berapa tahun bila [apabila] bila (ulangan) ninggal [meninggal] ja [sahaja] arwah bapak [ayah], saya mak [emak] saya ni [ini] berkahwin lagi aaa yang itu baru di Islam kan semula sebab suaminya pun Islam kan dia suami yang ke dua (2) (bunyi motor).

**Aimi: Tok mempunyai berapa adik beradik?**

Tok Batin Arifin: Saya ada Aaa adik beradik satu (1) mak [emak] satu (1) (bunyi kerusi) ayah ada empat (4) lepastu [selepas itu] Aaa adik adik (ulangan) beradik lain ayah ni [ini] ada dua (2) sorang [seorang] meninggal, sorang [seorang] masih ada.

**Azura: Oh maksud tok ayah tok kahwin lain?**

Tok Batin Arifin: Ayah lain yang adik yang ni [ini] ayah lain.

**Aimi: Oh kiranya tok ada dua ayah?**

Tok Batin Arifin: Ahaa ada dua (2) ayah.

**Aimi: Keseluruhan adik beradik (suara mencelah) tok berapa lelaki berapa perempuan?**

Tok Batin Arifin: Aaa lelaki tiga (3) perempuan dua (2), Laki [lelaki] tiga (3) perempuan dua (2) (ulangan).

**Aimi: Tok anak yang ke berapa?**

Tok Batin Arifin: Saya anak ke dua (2), anak yang pertama perempuan akak [kakak] akak (ulangan) saya. Semua masih ada lagi.

**Aimi: Apakah pekerjaan adik beradik tok sekarang?**

Tok Batin Arifin: Akak [kakak] saya yang tu [itu] dia meniaga [berniaga]. Niaga [berniaga] kedia runcit kecil-kecilan. Aaa adik saya yg nombor nombor (ulangan) tiga (3) dia tak (tidak) bekerja tapi dia berkebun sendiri lah noreh, [menorah] menorah (ulangan) getah. Aaa ni adik-adik saya dia ni [ini] sekarang ni [ini] bekerja dengan JAKOA [Jabatan Kemajuan Orang Asli] sebagai pembantu Aaa apa nama ni [ini] tadd (tersasul) tadika. Yang sorang [seorang] lagi pun dia dia (ulangan) ada kebun sendiri. Sekarang ni kebanyakan diorang [mereka] tak [tidak] tak (ulangan) da [ada] kerja tetap, tapi Aaa kebanyakan noreh [menorah getah].

**Aimi: Boleh saya tahu nama adik beradik tok?**

Tok Batin Arifin: Akak [kakak] tu [itu] Fatimah binti Nong aaa lepastu [selepas itu] Zain bin Nong, Zainah binti Nong aa yang lagi sorang [seorang] tu [itu] yang bapak [bapa] lain tu [itu] Sidek bin Mohamad Hanapiah.

**Aimi: Dimanakah mereka tinggal sekarang?**

Tok Batin Arifin: Aaa kalau sidek tu [itu] dia tinggal dengan akak [kakak] dia ni [ini] dengan Puan Zainah ni, akak [kakak] tu [itu] dia dah [sudah] rumah tangga sendiri yang sorang [seorang] lagi Zain bin Nong tu [itu] pun dah rumah sendiri. Tinggal di Kampung Segamat Kecil ni [ini].

**Aimi: Oh kira semua adik beradik tok ada dekat Segamat Kecil ni [ini]?**

Tok Batin Arifin: Aaa ada dekat Kampung Segamat Kecil ni [ini].



**Aimi:** Boleh saya tahu bagaimanakah hubungan tok dan adik beradik?

Tok Batin Arifin: Setakat ni [ini] takda [tiada] apa, biasa saja pada saya Aaa takda [tidak ada] apa pergaduhan takda [tidak ada] apa, memang kami sering aaa apa orang kata ni [ini] sering duduk bersempang bercerita andai kata ada masalah kami duduk bincang bersama.

**Aimi:** Boleh tok (bunyi batuk) nyatakan serba sedikit hubungan tok antara satu sama lain.

Tok Batin Arifin: Aaa saya kalau saya ni [ini] sebenarnya saya jarang ke rumah adik beradik ni [ini] ke rumah kakak, kecuali kalau saya ada ap ap (tersasul) ah ada aaah masalah ataupun saya minta bantu baru saya datang lah, sama juga pun dengan mereka ni [ini] tapi yang selalu datang ke rumah saya yang ni [ini] ah selalu, (bunyi motor) sebab aa saya aa di dalam tadika tu [itu] pun saya salah seorang aaa pengerusi, saya pegang dah [sudah] berapa berbelas tahun pengerusi apa nama ni [ini]. Jadi dia selalu datang tanya kalau ada masalah tadika ka apa masalah keluarga ka dia selalu datang baikpun -- (bunyi barang jatuh) pun sama. Ada empat (4) orang ehh tiga (3) tiga (ulangan) orang sedara saya ni [ini] memang sering lah datang rumah, yang sorang [seorang] ni [ini] dia agak macam susah sikit nak [hendak] datang ke rumah, yang zain ni [ini].

**Aimi:** Bagaimakah tok mengekalkan hubungan silaturahmi bersama adik beradik?

Tok Batin Arifin: Aaa pada saya tu [itu] Aaa memang kita kena kekalkan. Sebab ini salah satu aaa keluarga kita situ lah tempat kita minta tolong, kerja sama tu [itu] penting

lah adik beradik kalau kita apa nama ni [ini] masing-masing bawa hal saya rasa susah, pada saya saya kekalkan.

**Aimi: Seterusnya boleh saya tahu tentang pendidikan tok dari mula hingga ke akhir (bunyi motor)?**

Tok Batin Arifin: Saya pertama dulu seekolah di Sekolah Kebangsaan Segamat Kecil ni [ini] Aaa sampai darjah enam (6). Saya pertama saya sekolah dulu memang saya cerita betul lah ni [ini] pertama saya sekolah sampai darjah (6) satu (1) apa pun say saya saya (ulangan) a tak [tidak] tahu, saya tak [tidak] boleh membaca saya tak [tidak] boleh menulis dah [sudah] tamat darjah enam (6) ni [ini]. (bunyi motor) Kemudian tu [itu] Aaa pihak Jabatan aaa Jabatan Hal Ehwal Orang Asli pada masa itu Aaa dia hantar anak-anak orang asli di Segamat Kecil ni [ini] sekolah di Sekolah Menengah di Ch'aah, duduknya di Bekok berapa jauh tu [itu], tapi dia di sediakan kenderaan, jadi saya pergi lah ke Bekok, duduk di sana dia sediakan tempat tinggal apa semua Sekolahnya di caah. Bila saya hari pertama kedua ketiga tu , bila saya sam jejak kaki ke sekolah menengah ni [ini] saya ni [ini] macam apa ni [ini] heran saya memerhati kawan kawan di luar sana sebab kita tak [tidak] pernah campur saya heran tu [itu] tengok . Perasaan aaa takut ada malu ada, itu lah sebab bila ada kawan ajak kan kumpul duduk sama ajak makan sama eh tak nak [tidak mahu], nak tiga (3) orang ni [ini] pertama dulu saya bertiga di Segamat Kecil ni [ini] Sekolah Keluang saya ada tu [itu] kawan saya tu [itu] Jamil nama dia sorang [seorang] lagi Rahmah. Sekolah di di (ulangan) apa di Cha'ah, (bunyi motor) itu kemana saja [sahaja] bertiga lah tu [itu] aaa sebab malu nak [hendak] bercampur. Padahal kawan kawan ni [ini] ajak main apa semua ni [ini] main bola datang. Saya sekolah tak [tidak] habis tingkatan satu (1) berhenti, saya tak [tidak] habis tingkatan satu (1) saya saya berenti berhenti pun pada masa tu [itu] saya tak [tidak] boleh membaca saya tak [tidak] boleh menulis jadi saya berhenti tanpa pengetahuan mak [emak] saya, aaa dia ingat saya duduk sana aaa saya sekolah, rupanya saya aaa saya aaa pergi ikut abang sedara saya di sana. Duduk dengan diorang [mereka], tu [itu] kerja masuk hutan tu [itu] haa ikut dia berhutan ikut dia cari damar ikut dia masang

[memasang] jerat. Jadi mak [emak] saya ni [ini] agaknya dia heran, apa budak ni [ini] lama tak [tidak] balik apa semua masa tu [itu] handphone [telefon] ni tak [tidak] tak (ulangan) ada lagi, kemudian dia pergi pergi pergi pergi (ulangan) sampai kat rumah yang saya duduk untuk untuk sekolah tu [itu] tanya kat [dekat] situ saya tak da [tidak] ada] dah [sudah] pergi ikut abang sedara pergi sana aaa masa tu [itu] memang telinga panas la kena -kena marah, balik sini kena rotan lagi (ketawa).

**Aimi: Masa tok balik sini tu [itu] umur tok berapa?**

Tok Batin Arifin: Aaa masa tu [itu] saya tak [tidak] silap saya empat belas (14) ke lima belas (15) tahun.

**Aimi: Tok duduk dengan abang sedara tok kawasan tu [itu] tempat tu [itu] dekat mana?**

Tok Batin Arifin: Aaa Kampung Sungai Bekok, (bunyi motor) Kampung Sungai Bekok, aaa setahun saya di sana duduk dengan abang sedara, itu lah, selepas tu [itu] bila saya mak [emak] saya bawa balik saya ke mari saya duduk sini lebih kurang dalam tiga (3) bulan empat (4) bulan saya balik lagi kesana, dia suruh sekolah lagi saya pergi lagi pun saya tak [tidak] sekolah, tapi aaa saya duduk di sana, lama kelamaan saya ada rasa timbul minat untuk belajar (bunyi motor) membaca menulis tapi padahal saya dah [sudah] (bunyi motor) kena dibuang sekolah tu [itu], nama dah tak da [sudah tidak ada] di sekolah jadi bila kawan kawan belajar saya numpang [menumpang] ikut diorang [mereka] belajar ikut diorang [mereka] membaca. Lama-lama tu [itu] dah [sudah] boleh menulis sikit sikit saya boleh membaca Aaa saya rajin beli buku komik ah saya beli buku buku cerita saya baca sendiri mana yang tak [tidak] faham saya tanya dengan kawan, jenuh-jenuh saya belajar belajar dulu boleh lah juga membaca menulis, kalau tak [tidak] dulu tamat darjah enam (6) saya tak [tidak] tak (ulangan) boleh membaca tak [tidak] boleh menulis. Belajar di sekolah menengah saya sampai tingkatan satu (1)

tak [tidak] habis pun saya tak [tidak] boleh membaca tak [tidak] boleh menulis lagi, jadi lama kelamaan tu [itu] ada minat untuk belajar sendiri itu lah saya numpang [menumpang] kawan-kawan belajar bila malam diorang [mereka] belajar saya ikut belajar, ikut belajar menulis, belajar membaca, mengira. Lama kelamaan boleh juga.

**Azura: Maksud tok tok menumpang belajar tu [itu] tok belajar sendiri daripada diorang [mereka] la bukan pergi sekolah dengan cikgu (bunyi motor)**

Tok Batin Arifin: Tak [tidak] tak (ulangan) pergi sekolah, (bunyi motor) mulanya sekolah (ketawa) tapi sekolah tak [tidak] dapat apa pun, buntu masa tu [itu] tak [idak] ingat taktau [tidak tahu] lansung. Pertama saya, Aaa sebelum saya ke bekok tu [itu] masa tu [itu] aa UPSR tah [entah] di panggil apa lupa rasanya, pergi lah ke Labis aa periksa apa dulu dipanggil, pergi ke labis ni aaa tig (tersasul) tiga (3) hari, itu yang saya kata berani takut berani takut sampai kawan saya langgar dia langgar dia naik basikal, itu lari pada trektar yang motong motong rumput tepi jalan (ketawa) Sampai kawan terlangar dia naik basikal. Cikgu dah bagitahu aaa masa habis jangan jangan balik tunggu cikgu ambil, dia tak [tidak] jalan kaki pergi nak balik rumah cikgu.

**Aimi: Boleh saya tahu nama spesifik sekolah rendah tok dan sekolah menengah tok?**

Tok Batin Arifin: Aaa sekoleh rendah ni memang Sekolah Rendah Kebangsaan Segamat Kecil. Aaa sekolah menengah tu [itu] sekarang ni [ini] dah [sudah] di tukar nama dulu tah [entah] saya pun dah [sudah] tak [tidak] ingat dah [sudah] Sekolah Menengah Cha'ah tu yang yang pertama di Cha'ah. Saya pun dah [sudah] dah [sudah] tak [tidak] ingat dah [sudah] nama sekolah menengah Cha'ah tu.

**Aimi: Selepas menamatkan pengajian tok di sekolah apakah aktiviti yang tok lakukan?**

Tok Batin Arifin: Aaa saya selepas sekolah tu [itu] tau saya aa belajar sendiri selepas tu [itu] bila saya dah [sudah] balik kemari (bunyi seret kertas) aaa saya kebanyakan buat kerja sendiri lah, masuk hutan cari rotan cari damar, kemudiann tu Aaa lakunya kayu apa nama ni [ini] kayu gaharu ni. Aaa terus kerja kayu gaharu. (bunyi motor) Masa tu aaa kayu gaharu laku ni [ini] memang agak lumayan lah jugak, loarded [mahal] lah masa tu kalau sekali pergi tu [itu] nasib ada sampai berbelas ribu boleh dapat dengan masa dua tiga hari. Saya nampak di Segamat Kecil ni [ini] mula aaa ada perubahan ni [ini] tulah bila kayu gaharu ni [ini] laku jadi pada masa itu, aaa hasil pencarian diorang [mereka] ini mendapat tuntungan yang agak tinggi ada itulah mula beli motor mula buat kebun.

**Aimi: Aktiviti yang tok jalankan itu memang dekat Segamat?**

Tok Batin Arifin: Aaa memang di Segamat Kecil, selepas tu saya patah balik ke Bekok aaa saya di Bekok saya duduk lebih kurang setahun (1) itu lah temu aaa dapat jumpa orang rumah tu [itu], kerja kayu gaharu lah. Aaa duduk kat sana tumpang cari aaa kayu gahayu.

**Azura: Bekat Bekok tu [itu] tok duduk dengan siapa?**

Tok Batin Arifin: Aaa saya duduk dengan abang sedara.

**Azura: Oh abang sedara yang tadi tu [itu]?**

Encik Arifin: Haa abang sedara.

**Azura: Tok bekerja masuk hutan cari damar gaharu semua tu [itu] tok berseorangan atau dengan kawan-kawan?**

Tok Batin Arifin: Aaa saya berkumpul kadang tu empat (4) orang lima (5) orang. Paling ramai bila kita dah [sudah] jumpa sepokok kayu gaharu aaa tu sampai tujuh puluh (70) lapan puluh (80) orang ikut.

**Azura: Hasil daripada aa yang tok dapat daripada hasil hasil hutan tu [itu] macam mana tok bahagikan duit ka apa ka?**

Tok Batin Arifin: Kalau kayu gaharu tu [itu] dia terpulang pada nasib lah, kata dah [sudah] sepokok tu [itu] kita dah [sudah] tebang kita dah [sudah] bagi ni [ini] untuk saya untuk dia nasib lah tu [itu] ada ka tak[tidak] ada. Kalau rotan damar itu beradu pokok tan, macam saya boleh pikul dua ratus (200) helai haa dua ratus (200) helai sekali saya pikul.

**Aimi: Bekok tu [itu] dimana tok?**

Tok Batin Arifin: Bekok tu [it] masih dalam daerah Segamat Aaa dia simpang nya sebelum sampai pekan Cha'ah jalan nak pergi, pernah dengar Taman Negara Selai?

**Azura: Tak [tidak]!**

Tok Batin Arifin: Taman Negara Selai ni [ini] masuk daripada bekuk, di sana melalui Kampung Orang Asli pertama tu (bunyi motor) Kampung Temayang, Kampung Kudung, Kampung Damok, Kampung Temedak, Kampung Selai. Dekat sana tu [itu]

pihak apa nama ni [ini] ada buat chalet cukup lengkap lah sana, memang cantik tempatnya, taman negara.

**Aimi: Boleh saya tahu tok pergi ke aa macam pergi Bekok pergi tempat-tempat lain tu tok pergi naik apa?**

Tok Batin Arifin: Aaa pakai motor (bunyi motor).

**Azura: Ramai-ramai naik motor?**

Tok Batin Arifin: Masa tu [itu] saya dah [sudah] dah (ulangan) pakai motor dah [sudah], start [mula] kayu gaharu laku tu [itu] baru mampu beli motor. Ada yang beli cash [tunai] ada yang sama.

**Aimi: Sebelum tok menjadi tok batin di kampung ini apa kah pekerjaan tok?**

Tok Batin Arifin: Aaa itulah tadi yang saya kata tadi, saya sejak sejak saya bekerja saya tak [tidak] ada kerja tetap. Saya tak [tidak] minat makan gaji memang saya jenis saya saya tak [tidak] tak (ulangan) minat, saya masa tu [itu] saya kerja saya saya tak [tidak] suka di kongkong saya kerja saya suka bebas, kadang saya cari rotan cari damar cari kayu, itulah kerja saya sebelum saya jadi batin dulu pastu [selepas itu] saya dah [sudah] bila saya dah [sudah] dah (ulangan) berkahwin saya balik ke mari mula lah diorang [mereka] ini nampak saya pun saya tak [tidak] tak (ulangan) tau macam mana timbul aa minat saya untuk apa nama ni [ini] jadi bukan jadi lah, untuk memimpin masyarakat kampung ini sebab pada masa itu aaa batin aaa Segamat Kecil ni dulu bapa sedara saya abang kepada emak emak (ulangan) saya jadi ada satu hari tu [itu] dia panggil saya ke rumah jadi dia cerita gini [begini] gini (ulangan) Pin [nama samaran beliau]

kau pakcik tengok kau ni macam ada sikit ada keboleh lah dia kata daripada tu [itu] lah saya cuba belajar pimpin masyarakat kampung ni. Pada masa tu [itu] dia dah [sudah] tua tak [tidak] daya kalau ada kerja di luar dia suruh (bunyi motor) saya pergi kursus dia suruh saya pergi, kalau mula mula dulu saya nak bercakap ini pun tak berapa tu [itu] sangat saya pernah diuji dalam masa sepuluh (10) minit suruh bercakap sampai gigil rasa pun ada, (ketawa) pertama kali saya bercakap (ketawa), jadi bila saya rajin berkursus apa semua jadi boleh lah, lepastu [selepas itu] saya dilantik sebagai apanama ni [ini] wakil batin masa tu [itu] , itu lah saya sering bercakap dengan penduduk kampung ini kampung kita jaga sama-sama jangan harapkan saya seorang, kalau harap seorang memang susah. Memang saya pun tak [tidak] mampu kalau kalau saya seorang.

**Azura: Kiranya tok jadi tok batin tu [itu] daripada ciri ciri yang ada pada tok lah, orang yang lantik tok tu [itu] (suara mencelah) nampak tok boleh memimpin kampung ni [ini].**

Tok Batin Arifin: Masa perlantikan saya dulu, kita buat macam aaa sistem demokrasi mulanya dia kalau kalau ikut arwah batin dulu dia nak [mahu] apa nama ni [ini] bagi terus gitu [begitu]. Jadi aaa bila pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli ni [ini] dia duduk bincang-bincang panggil masyarakat kampung lebih baik kita buat undi buat demokrasi, jadi buat undi pada masa itu. Tak silap saya ada empat (4) calon masa tu [itu] empat [4] calon, jadi setelah diundi Aaa saya yang dapat lebih undi tu [itu], jauh beza lah dengan tiga (3) tiga (ulangan) orang (bunyi kerusi) tu [itu] jauh beza undi.

**Aimi: Tok ingat tak [tidak] berapa beza undian tu [itu]?**

Tok Batin Arifin: Aaa saya yang arwah nya Pak Berahim tu dulu dia cuma tiga (3) undi yang Din Renah ni [ini] dia dapat empat belas (14) aaa yang yang (ulangan) sorang [seorang] tu [itu] lansung tak [tidak] tak (ulangan) dapat, lain lebih saya, saya dua ratus (200), dua ratus tujuh puluh (270) lebih, Aaa memang (Azura mencelah "banyak")



jauh jauh beza. Pada masa itu saya Aaa tak [tidak] tak (ulangan) berkempen, dan dia orang ni [ini] kempen, saya tak [tidak] tak kempen tapi segala kerja untuk nak buat bagai mana cara buat mengundi bagai apa saya yang uruskan dengan dengan pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli Segamat, yang lain tu [itu] dia tengok lah saya kehulur kehilir kehilir, buat apalah dia ni duk sibuk-sibuk padahal saya tu [itu] untuk apanama ni [ini] nak buat buat kerja untuk perlantikan batin. Saya dulu sebenarnya tak [tidak] nak [mahu] jadi batin ni [ini] arwah mak saya pun kalau boleh, kau jangan lah Pin dia kata, sebab jadi batin ni [ini] bukan senang dia kata, saya pun orang dah [sudah] pilih saya tak [tidak] dapat elak, saya sebelum tu [itu] pun saya dah [sudah] cakap dengan arwah Pak Cik saya dulu arwah batin tu [itu] dulu, kalau boleh saya tak [tidak] nak [mahu] saya kata, dia kata eh “jangan batin tengok selain kau esok aaa susah sikit”. Jadi saya pada masa tu [itu] aaa dilantik pada tahun dua ribu (2000) dua ribu tiga (2003) aaa awal-awal tahun lah saya saya saya di lantik. Hingga lah ke hari ini.

**Aimi: Boleh saya tahu tok adalah tok batin yang keberapa di kampung ini?**

Tok Batin Arifin: Aaa saya di paham kan oleh arwah tok batin dulu saya dah dah yang ke lima (5) tapi sebelum itu dengar-dengar cerita ada dua (2) aa sesebelum makna jumlah nya sekali tujuh (7), tapi yang dua (2) ni [ini] tak [tidak] berapa tepat dia punya maklumatnya yang yang yang (ulangan) betul betul tahu lima (5) termasuk saya.

**Azura: Lagi?**

**Aimi: Boleh saya tahu apakah pekerjaan spesifik tok? (bunyi motor)**

Tok Batin Arifin: Aaa saya tugas saya, pertama saya kena jaga adap resam, baik dari segi perkahwinan, penceraian, kematian. Itu memang tugas tugas saya lah seandainya ada berlaku penceraian diorang [mereka] akan panggil saya untuk jadi apa ini hakim lah lebih kurang gitu [begitu] Aaa saya terpaksa bertanya apa sebab, apa apa dia punya

punca apa semua. Memang nak [mahu] nak (ulangan) kena bertanya aaa andai kata Aaa terdapat salah sorang tu [itu] buat-buat silap dia kena hukum lah, aa mcm tu, kematian cuma kalau saya aa dipanggil untuk saya menjatuhkan (bunyi ayam) apa nama ni Aaa undang-undang berkabung Aaa orang asli ni [ini] dia ada yang pegang pantang nya selama empat belas (14) hari , ada yang hanya ada yang sampai empat puluh (40) ada juga yang pegang pantang nya sampai seratus (100) (bunyi ayam) hari jadi contohnya kalau kita pegang dalam dalam empat puluh (40) hari itu dalam empat puluh (40) hari kita tak [tidak] boleh pergi mana mana, dalam rumah tak [tidak] boleh bergaduh tak [tidak] boleh bertengkar tak [tidak] boleh beli beli barang kemas ni [ini], itu pantang larang orang asli sini lah kalau berlakunya kematian. Andai kata ada majlis kenduri kawin, aa itu kita saya kena jumpa pihak aa tuan punya majlis, kena tanya lah kalau nak diteruskan dia dia kena bayar aa dia kena bayar tiga ratus enam puluh (360) sekarang ni, makna nya dia dah [sudah] langgar pantang. (bunyi motor) Kalau dia sanggup tanggung dia tanggung tapi kalau dah keadaan tinggal dua hari lagi memang terpaksa di teruskan, tapi tuan tuan rumah kek (tersasul) kena bayar lah tu.

**Azura: Kiraya kalau diorang [mereka] langgar pantang kena bayar?**

Tok Batin Arifin: Aaa kena bayar kena denda.

**Azura: Kena bayar pada siapa?**

Tok Batin Arifin: Aaa pada keluarga si mati, saya cuma jatuhkan hukuman dia bayar pada keluarga si mati, saya tak [tidak] ambil pun, saya tak [tidak] dapat satu sen.

**Aimi: Apa tindakan tok kalau mereka tak [tidak] bayar?**

Tok Batin Arifin: Aaa itu memang diwajibkan, kalau dia kalau dia contohnya dia kata aa saya memang tak [tidak] ada duit tak [tidak] apa saya tempohkan seminggu sebulan gitu [begitu] lah bayar tetap bayar, itu sebab zaman tua-tua dulu kalau dia tak [tidak] ada duit ni [ini] aa dia bagi sebilah parang, contohnya itu tandanya apa ni cagaran sebilah parang, sebilah lembing kadang-kadang itu sepokok durian dia bagi.

**Azura: Ooo itu sebagai cagaran sahaja lah kemudian baru bagi duit?**

Tok Batin Arifin: Aaa kemudian baru bagi duit.

**Aimi: Jika tok tak [tidak] keberatan boleh tak [tidak] tok berkongsi tentang pendapatan tok sebagai tok batin di kampung ni?**

Tok Batin Arifin: Aaa pendapatan (suara mencelah) gaji, saya pun susah nak cakap pendapatan tetap tu [itu] memang alaun Aaa alaun tok batin ni [ini] di bayar sembilan ratus (900) sebulan Aaa lepastu saya juga (bunyi motor) di kampung ni [ini] ada aa FELCRA saya salah seorang peserta FELCRA sebab FELCRA ini pun dia bayaran dia tak [tidak] tak (ulangan) menentu, dia bergantung pada hasil yang keluar. Kalau hasil tu [itu] banyak keluar banyak lah dapat. di bayar tiga (3) bulan sekali. Kalau masa harga hampir mencecah tujuh (7) ringgit sekilo dulu tiga (3) bulan tu hamper sepuluh (10) ribu dapat, tapi sekarang ni [ini] tiga (3) bulan Aaa dua (2) ribu lebih tiga (3) ribu lebih.

**Azura: Itu untuk apa tok getah ka apa?**

Tok Batin Arifin: Haa getah, saya purata gaji termasuk alaun leih kurang dalam seribu lapan (1800) ke seribu Sembilan ratus (1900) gitu [begitu] lah, purata sebulan.

**Azura: Macam mana tok boleh join FELCRA tu?**

Tok Batin Arifin: Aaa sebab Aaa apa nama dulu di Segamat Kecil ni banyak tanah terbiar... jadi Aaa pihak pihak apanama ni JAKOA pada masa tu dia tengok tanah ni terlalu banyak sangat terbiar, jadi aaa dia panggil masyarakat orang asli Segamat Kecil ni duduk bincang mcm mana andaikata tanah terbuang ni kita bangunkan melalui agensi kerajaan contohnya FELCRA bagi dengan FELCRA. Ada juga yang bagi dengan Risda, kalau bagi FELCRA ni itulah tadi dia bayar 3 bulan sekali 3 bulan sekali Aaa kalau Risda pula sawitnya dibayar tiap tiap bulan, Tapi sikit sebulan 300.

**Aimi: Memang pendapan tok adalah daripada FELCRA dan?**

Tok Batin Arifin: dan elaun tok batin.

**Aimi: Elaun tok batin tu diperoleh daripada siapa? Siapa yang bagi?**

Tok Batin Arifin: Aaa Jabatan Kemajuan Orang Asli yang yang bayar.

**Aimi: Aaa okay. Seterusnya saya nak tahu apakah sumbangan tok sebagai tok batin di kampung ini?**

Tok Batin Arifin: Sumbangan kepada?

**Aimi: Kepada kampung.**

Tok Batin Arifin: Aaa itulah banyak kan sebenarnya. Tapi aaa saya bukan nak muji muji [puji-puji] diri kadang kadang masyarakat ni [ini] dia dia tak [tidak] tak (ulangan) tau [tahu] ataupun senang cakap dia tak [tidak] menghargai. Sebenarnya pengorbanan aaa saya sebagai tok batin ini saya rasa bukan nak [mahu] puji diri lah, banyak pengorbanan saya, dari segi tenaga dari segi wang ringgit aaa itu dah memang sering contohnya ada apa apa berlaku di luar sana kes di hospital ataupun di mana mana sahaja. Saya terpaksa pergi Aaa kadang kadang itu tengah tak [tidak] ada duit ni saya terpaksa minjam [pinjam] dengan kawan-kawan pun ada. Saya pernah Aaa pergi nyelesaikan masalah masyarakat orang asli Segamat Kecil ni [ini] jugak di kampung apa tu dulu Aaa ni [ini] kes kes tangkap basah di sana aa jadi si laki [lelaki] ini apa nama ini duit tak [tidak] ada memang dia nak [mahu] kan perempuan ni [ini] tapi duit nya tak [tidak] tak ada. Mak bapa dia datang saya anak dia dah tahan sana orang tu [itu] tak [tidak] bagi balik, nak tak nak [mahu tidak mahu] duit saya lah keluarkan, keluarkan dulu. Jadi pengorbanan saya tu [itu] macam saya bukan minta minta di ganti rugi sekurang kurangnya apa tu orang kata aaa minta dikenang jadilah.

**Azura: dihargai (suara mencelah)**

Tok Batin Arifin: Dihargai ini kadang-kadang kita pula di dipersalahkan tapi kebanyakan aa masyarakat di Segamat Kecil ni kebanyakan dia memang susah sangat nak[mahu] apa nama ni [ini] susah sangat nak [mahu] menghargai pengorbanan seseorang tu. Pada saya tak [tidah] payah di cakap apa lah terima kasihlah tok masukkan saya nama saya dapat PPRT (Projek Perumahan Rakyat Miskin Tegar), sekurangnya cakap gitu [begitu] dah [sudah] dah cukup baik pada saya, ini kadang kadang pun tak [tidak] ada malahan kita dipersalahkan. Ini sebab saya kalau saya dapat bantuan bantuan daripada kerajaan ini sekarang ini aaa saya dah macam diorang [mereka] nak [mahu] kata saya pilih kasih pilihlah katalah. Jadi saya pilih orang yang aaa agak apa nama ni [ini] aktif agak yang campur masyarakat apa semua tu [itu] saya dahulukan. Bukan kata saya tak [tidak] nak [mahu] bagi saya bagi kemudian.

**Aimi: Tok memegang jawatan sebagai ketua kampung di sini di keseluruhan kampung ataupun di mukim mukim?**

Tok Batin Arifin: Aaa kalau di di kampung kampung di keselu (tersusul) keseluruhan Kampung Segamat Kecil. aaa dia batin orang asli ni [ini] dia cuma kampung aje [saja] dia tak [tidak] tak (ulangan) keseluruhan makna nya tak [tidak] tak seluruh Segamat.

**Azura: Maksud tok satu kampung satu batin?**

Tok Batin Arifin: Aaa satu satu kampung satu batin Segamat ni ada Sembilan (9) perkampungan orang asli, pertama aa Kampung Puting, dua (2) Segamat Kecil, tiga (3) Juaseh, empat (4) Sungai Reneh (bunyi loceng), lima (5) Temayan, enam (6) Kudong, tujuh (7) Tamok, lapan (8) Kemedak, (bunyi loceng) sembilan (9) Selancar. Dia ada sembilan (9) kampung.

**Azura: Tok boleh saya tahu aa macam mana hungungan tok batin sini dengan tok batin tok batin dekat kampung orang asli lain?**

Tok Batin Arifin: Aaa setakat ni [ini] agak payah kalau nak [mahu] berhubung aa saya dapat bertemu tok batin tok batin di daerah Segamat ni [ini] bila ada kursus ada apa apa majlis yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli mahupun ajensi-ajensi kerajaan yang lain ha tu [itu] baru dapat jumpa.

**Aimi: Tok ah merupakan orang atasan di kampung ini, jadi boleh saya tahu apa lagi jawatan lain yang wujud di bawah tok?**

Tok Batin Arifin: Aaa saya ada di Kampung Segamat Kecil ni saya ada aa apa nama ni [ini] Jawatan Kuasa Kemajuan Keselamatan Kampung aaa ada seorang pengerusi dan berberapa orang ahli jawatan kuasa. Aaa Pengerusi JKK ini aa Zamri (ulangan) Zamri bin Bbas dia ni [ini] orang yang kedua jadi yang pertama dulu dah dah meninggal. Dia ni [ini] pun mangku sebenarnya aa pemilihan pada tahun depan, bulan tiga (3) nanti pemilihan yang sebenarnya, dia ni [ini] mangku sek (tersasul) sementara, Zamri ni.

**Aimi: Adakah tok telah menetapkan pelapis sebagai ketua kampung di masa akan datang?**

Tok Batin Arifin: Aaa ini lah saya bingung, (ketawa) dalam ini saya milih [pilih] tengah tengah saya tengok tengok tengok (ulangan). Itu hari sibuk aa nak milih [pilih] siapa nak pegang jawatan Pengerusi JKK jadi saya terpandang yang Zamri bin Abas ni [ini] aa dia ini nampak aktif Aaa rajin keluar masuk pergi pejabat mana pun dia rajin pergi yang ke dua (2) dia sanggup berkorban daripada segi masa, tenaga, (bunyi anjing) wang ringgit saya nampak dia ini tak [tidak] berkira sangat. Jadi bila saya adakan mesyuarat tergepar itu hari saya saya cadangkan jadi tak [tidak] tak ada bantahan sebulat suara mengatakan dia ni layak jadi pemangku. Tak [tidak] tentu pun esok kemungkinan akan datang sebab setakat ni saya nampak peningkatan itu terus ada.

**Aimi: Jadi jik (tersasul) ciri ciri sebagai pelapis tok batin tu [itu] ada pada?**

Tok Batin Arifin: Ah ada ada pada si Zamri ini jadi saya aa pandangan saya cuma seorang tu la, andai kata saya tak [tidak] ada aa saya pun dah [sudah] dah cakap dengan penduduk kampung ha ini lah bakal pengganti itu kalau ada pilihan terpulanglah yang yang ada tinggal kalau dia nak [mahu] ubah apa yang saya cadang kan tu tu terpulang diorang [mereka] lah saya dah [sudah] tak [tidak] ada.

**Azura: Jadinya tok tak [tidak] buat aa pemilihan secara undian lah macam pengalaman tok dulu tu [itu]?**

Tok Batin Arifin: Aaa tapi sekarang ni [ini] memang apa macam pun dia buat demokrasi aaa demokrasi kalau tak [tidak] demokrasi pun contohnya di Kampung Leneng aaa dia suruh dia cari Lenang tu [itu] dia cari lima (5) calon aaa nama nama ni [ini] dia hantar ke sultan Johor sultan Johor yang akan pilih, tapi pokok pangkalnya sultan Johor ni [ini] pun dia tanya dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli, sebab sultan Johor pun dia tak [tidak] tahu lima (5) ni [ini] yang mana satu yang tu [itu] dia mesti tanya dengan pegawai Jabatan Kemajuan di dalam lima (5) ni [ini] dia tanya siapa yang agak tu [itu], dia memang dia dia mesti akan buat gitu [begitu].

**Azura: Tok boleh saya tahu kalau ada sebarang masalah orang kampung aa cari tok dulu kan, kalau tok sibuk pergi keluar ada urusan siapa pengganti tok untuk selesaikan masalah. (bunyi anjing)**

Tok Batin Arifin: Sementara ini saya wakilkan kepada itu lah Zamri Abas tu [itu] pengerusi JKK, kalau saya tak [tidak] ada saya bagitau dia mcm itu hari saya ke Asahan saya pergi tiga (3) hari jadi sebelum pergi saya dah [sudah] wakil.

**Azura: Encik Zamri tu [itu] bekerja tetap?**

Tok Batin Arifin: Tak [tidak] juga dia pekebun dia penternak, dia pendapatan lumayan, lembu saja tah [entah] berapa puluh ekor ada. (ketawa)

**Aimi: Encik Zamri sebagai pengerusi JKK tok sebagai tok batin apa perbezaan tok batin punya taraf dengan pengerusi JKK?**



Tok Batin Arifin: Aaa dia pada saya dia sama jaa cuma Zamri ni [ini] dia dia tugas dia banyak banyak berkisarkan tentang kemajuan kalau saya (bunyi selakan kertas) kemajuan tu ya juga lepastu adat rasam saya kena jaga. Lebih saya ke dari dari segi adat adat resam, padahal tugas tu hampir sama kalau contoh ada kami nak [mahu] mohon apa contoh nak [mahu] mohon jalan ka apa terpaksa benda ni [ini] dibawa ke dalam mesyuarat bulanan JKK duduk bincang sama sama, saya ah jarang saya buat keputusan sendiri seorang-seorang saya tak [tidak] pernah buat sebegitu, mesti duduk bincang aaa dengan ahli jawatan kuasa.

**Aimi: Bagaimana tok boleh melibat kan diri untuk aktif dalam hal perkampungan ni. Tercetusnya minat daripada mana?**

Tok Batin Arifin: Aaa seperti yang saya kata tadi lah pertamanya saya tak [tidak] tak (ulangan) sangka saya sendiri pun kalau boleh memang tak [tidak] nak [mahu], tapi apa bila saya nampak (bunyi selakan kertas) macam apa tak [tidak] ada orang yang nak [mahu] buat jadi lama lama tu [itu] saya cuba lah aaa sikit sikit sikit boleh pimpin pimpin pimpin (ulangan). Lama minat tu [itu] ada. Dulu pun saya sebenarnya saya tak [tidak] tak (ulangan) berminat sebab aaa jadi (bunyi motor) seorang batin ni [ini] sebenarnya senang cakap terkonkong jugak. Saya kalau saya nak [mahu] pergi rumah anak anak contoh nak pergi Asahan saya paling lama tiga (3) hari empat (4) hari lepastu mesti nak [mahu] balik takut ada hal walaupun ada pengerusi JKK. Sebab dia ada perkara yang boleh dia diselesaikan ada perkara yang tak [tidak] boleh diselesaikan itu nak [mahu] kena ada saya, kalau dia ni [ini] tau [tahu] dari segi adat resam sikit sikit tak [tidak] apa. Ini dia baru lagi tak [tidak] berapa faham, aaa itu sebab saya nak [mahu] kena ada. Kalau pengerusi yang lama dulu dia dia tahu sebab dah [sudah] umur dah [sudah] umur lebih lebih dia, saya lagi lagi rendah, aa pengerusi JKK dulu tu [itu] dia daripada bekas polis sampai bersara dah bersara pun (bunyi motor) dah habis sepuluh (10) tahun balik kemari aaa semua dah [sudah] tahu senang, jadi kalau saya tak [tidak] ada dia ada.

**Azura:** Okay seterusnya kita pergi kepada maklumat kampung lah, okay tok saya nak (batuk) tahu boleh tak tok ceritakan tentang sejarah asal susul Kampung Orang Asli Segamat Kecil ini?

Tok Batin Arifin: (bunyi selakan kertas) Segamat Kecil ni [ini] dulu sebelum dipanggil Segamat Kecil ianya dipanggil Kampung Tuang Kajang, Kampung ni [ini] mula diteroka disekitar tahun tahun Sembilan belas empat puluh (1940). Pada masa itu oleh Tok Batin Sebah. aa berkedudukan di tepi Sungai Segamat terdiri dari masyarakat Orang Asli suku kaum Jakun terdapat kira kira pada masa itu aaa tiga puluh (30) keluarga orang asli berkampung di di kawasan ini aa kehidupan yang harmoni dengan masyarakat melayu berjiran. Menyebabkan Aaa mereka ni [ini] sangat popular dan dihormati oleh masyarakat melayu pada masa itu. Asal usul Tuang Kajang ni pulak (bunyi motor), aaa Tuang Kajang membawa maskud memasuk atau mencurah sesuatu benda ke dalam Aaa acuan atau bekas manakala kajang adalah daun mengkuang yang dianyam untuk dijadikan atap rumah atau dinding sebagai pelindung penduduk Aaa ya penduduk Aaa nama ini diambil apa bila berlaku peristiwa tok batin menuang atau mencurah biji durian dengan banyaknya ke dalam bekas tersebut. Aaa itu sebab apa tuang tu memang Tuang Kajangtu [itu] maknanya bekas yang di anyam melalui daun apa mengkuang.

**Azura:** Tuang Kajang?

Tok Batin Arifin: Ah Tuang Kajang, mengkuang itu di panggil kajang

**Azura:** Kiranya peristiwa yang tok ceritakan tu lah teretusnya Kampung Segamat Kecil (suara mencelah)? Waktu tu Tok tahu tak [tidak] berapa ramai yang ada dekat kampung ni [ini]?

Tok Batin Arifin: Masa tu keluarga lebih kurang tiga puluh (30) keluarga aaa masa tu [itu] saya berada di Tuang Kajangsaya saya rasa tak [tidak] lama aa sebab saya dah ditukar di Segamat Kecil ni pun saya masih dalam ingat lupa ingat lupa lah masa saya di Tuang Kajangtu [itu] saya rasa memang saya masih kecil haa.

**Azura: Kawasan Tuang Kajangtu [itu] di kawasan Segamat Kecil ni [ini] lah?**

Tok Batin Arifin: Aaa ni [ini] kawasan Segamat Kecil , dia tak [tidak] jauh dari dari pada sini apabila sana dulu berlaku banjir, aa pendduduk penduduk ini nak [mahu] apa berpindah tu [itu] agak jauh daripada bukit agak jauh daripada bukit itu sebab aa diorang [mereka] banyak berpindah ke sebelah sini sebab sini kawasannya banyak yang tinggi tinggi , kalau di Tuang Kajangini dulu tempatnya memang kebanyakannya rata dia dia tak [tidak] ada bukit jadi tempat pemindahan tempat diorang [mereka] nak [mahu] lari daripada banjir tu [itu] agak susah. Sini pernah empat (4) kali kena banjir besar.

**Aimi dan Azura: Di Segamat Kecil?**

Tok Batin Arifin: Di Tuang Kajang pada saya difahamkan pada sembilan belas tujuh puluh (1970) aaa tu [itu] pun banjir besar. Ada yang hampir hampir nak [mahu] lemas pun ada nak hanyut pun ada.

**Azura: Sembilan belas tujuh puluh (1970) tu di Tuang Kajang?**

Tok Batin Arifin : Aaa di Tuang Kajangitu masih di di Tuang Kajang. Ada saya dengar cerita tu [itu] satu keluarga tu [itu] aaa jenis degil tak [tidak] nak [mahu] lari ingat banjir ini biasa biasa saja jadi tunggu kat rumah air makin lama makin naik naik naik

dah [sudah] sampai tuan rumah nya (bunyi telefon bimbit) berapa dengan anak-anak duduk atas bumbung pada masa itu. Habis orang kampung lain nak [mahu] nak (ulangan) menyelamatkan diorang [mereka] ni [ini] macam mana masa tu [itu] perahunya tak [tidak] ada apa semua tak [tidak] ada semalaman duduk atas bumbung, air surut baru dapat turun, itu hujan ka apa terima lah. Habis orang orang nak [mahu] pergi macam mana, (bunyi motor) masa tu [itu] jalan ni [ini] pula tak [tidak] ada kenderaan yang boleh masuk lagi kalau ada ada pun masa tu [itu] -- melalui apa nama ni [ini] perhubungan lain dah [sudah] tak [tidak] ada, masa tu [itu] handphone [telefon] jauh sekali.

**Azura : Waktu tu [itu] jalan masih tanah merah atau pun tar?**

Tok Batin Arifin: Aaa tanah merah, tanah merah kalau dia rata tak [tidak] apa ni masih berlubang lubang berlopak lopak.

**Azura: Tok dekat Tuang Kajangtu [itu] sekarang ni [ini] ada orang ka dah [sudah] tak [tidak] ada?**

Tok Batin Arifin: Sekarang ni [ini] dah [sudah] tak [tidak] ada penduduk di sana cuma kebun sahaja lah jadikan kebun kawasan kawasan kampung tu [itu] dia tanam dengan getah di tanam dengan kelapa sawit tanam durian.

**Aimi: Tok pernah cakap tadi yang Segamat Kecil pernah banjir empat (4) kali. Boleh kami tahu daripada bila tarikh dia.**

Tok Batin Arifin: Ok aaa saya tarikh tu [itu] saya dah [sudah] tak [tidak] berapa ingat tapi tahun tu [itu] saya ingat selepas sembilan belas tujuh puluh (1970) lepastu [selepas

itu] kena yang besar dua ribu enam (2006) lepas dua ribu enam (2006) awal dua ribu sebelas (2011) aaa awal dua ribu tujuh belas (2017) aaa awal awal dua ribu tujuh belas (2017) hari itu pun ini rumah ni [ini] pun (bunyi ketuk meja) hampir-hampir tenggelam betul betul bawah itu air dah semua sampai ke sini air itu tembok tembok surau tu [itu] lansung tak [tidak] nampak air sampai ke hujung atap. (suara mencelah)

**Azura : Jadinya tok kalau yang banjir mangsa mangsa banjir ni [ini] tok hantar kat mana?**

Tok Batin Arifin: Aaa mangsa banjir ni [ini] mana yang dia keluarga dia ada di tempat tempat tinggi banyak tumpang di rumah keluarga rumah anak contohnya yang lain tu [itu] dia diorang [mereka] banyak buat pondok di dalam apa nama ni [ini] kelapa sawit kat bukit, kat kawasan kawasan rumah saya tu [itu]. (bunyi motor) Jadi sebelum banjir ni [ini] pun aaa saya punya tu [itu] pengerusi JKKK dah keluarkan aaa arahan supaya diorang [mereka] ni [ini] bersiap sedia menghadapi banjir suruh diorang [mereka] ni [ini] buat Aaa kalau tak menetap di rumah sedara tu [itu] minta (bunyi telefon bimbit) buat pondok awal supaya nanti mudah lah diorang [mereka] pindah. Aaa setakat ni [ini] saya ada dewan terbuka tu [itu], jadi saya pun fikir Aaa kalau dewan tu [itu] pun tak [tidak] berapa sesuai oleh sebab dia dia terbuka tak [tidak] ada dinding kalau hujan saya rasa memang tempias masuk. Lagi pun saya nampak Aaa lebih boleh dalam tujuh (7) atau lapan (8) keluarga ja [sahaja] di kalau boleh duduk di dewan tu [itu], sebab sini kalau banjir besar mangsa keluarga yang terlibat tu [itu] mencecah ke enam puluh lapan (68) lapan puluh (80) keluarga gitu [begitu]. Jadi kalau dewan yang ada tu [itu] saya rasa pun tak [tidak] mencukupi.

**Azura: Tok berbalik kepada tempat nama Tuang Kajangtadi tempat tu [itu] masih di panggil Tuang Kajangatau dah tukar nama? (bunyi motor)**

Tok Batin Arifin: Aaa sekarang ni [ini] masih di panggil Tuang Kajang. Tapi sekarang kebanyakannya orang dah [sudah] apa ni [ini] dah [sudah] biasa dengan Segamat Kecil dipanggil Segamat Kecil ,yang mana masih ingat tu [itu] dipanggil Tuang Kajanglah.

**Azura: Kiranya orang lama lama lah dipanggil Tuang Kajang?**

Tok Batin Arifin : Aaa sebab projek FELCRA --- pun dipanggil Projek FELCRA Tuang Kajang.

**Azura: Projek macam mana tu [itu] tok?**

Tok Batin Arifin : Tanaman getah yang (suara mencelah) diusahakan oleh FELCRA jadi di panggil projek FELCRA Tuang Kajang. Bila dengar tu [itu] aa FELCRA Tuang Kajang tu [itu] haa ni [ini] lah Segamat Kecil .

**Azura: Tuang Kajangsama sama Segamat Kecil ?**

Tok Batin Arifin : Dulu orang orang luar luar tu [itu] sibuk mencari masa aaa nama Tuang Kajang ni [ini] terkenal aaa tok saya tumpang tanya nak [mahu] pergi Kampung Tuang Kajangsaya kata ni lah Tuang Kajang (ketawa) , sekarang ni [ini] dah [sudah] di panggil Segamat Kecil hah dah [sudah] Segamat Kecil lama lama kelamaan baru dah [sudah] apa Tuang Kajang ini hilang hilang hilang.

**Azura: Boleh saya tahu tak [tidak] (ulangan) boleh saya tahu tak [tidak] tok macam mana nama Tuang Kajangtu [itu] boleh hilang lepastu [selepas itu] timbul nama Segamat Kecil ?**

Tok Batin Arifin : Segamat Kecil ini dia berpandukan kepada sungai, dulu sungai sungai Segamat ni sebenarnya Sungai Segamat ni [ini] masa aa Tuang Kajangni [ini] masih masih wujud masih penduduknya belum pindah ke mari masa tu [itu] diorang [mereka] ini apa nama keluar masuk ikut sungai ada jalan kaki ikut darat pun ada. Masa ikut sungai dulu aaa sungai Segamat Kecil ini boleh kita naik apa ni [ini] perahu boleh pakai rakit masa tu [itu] diorang [mereka] jual getah memang pakai perahu atau rakit. Baik atau rotan ka apa ka ke Segamat sana pakai rakit. Lama kelamaan sungai ni [ini] dia makin kecil kecil makin surut surut surut surut (ulangan) sekarang ni [ini] dah [sudah] boleh katakan kalau time [waktu] surut-surut itu dah [sudah] air dia cetek sekali paling dalam pun paras lutut surut lagi pun ada. Itu sebab aaa di panggil sungai Segamat Kecil dan Kampung Segamt Kecil (bunyi pintu) sempena sungai.

**Azura: Sempena sungai?**

Tok Batin Arifin : Haa sempena sungai. Sungai tu [itu] makin kecil tak [tidak] macam dulu. Dulu luas sungainya. Sekarang ni [ini] dah dihipit oleh apa nama tu yang pokok pokok tepi sungai tu [itu] aaa. (bunyi motor) Kalau orang sini panggil aaa (bunyi motor) apa nama pokok keladah.

**Azura: Boleh saya tahu tak [tidak] tok macam mana proses pertukaran nama kampung ni dibuat atas persetujuan siapa**

Tok Batin Arifin : Aaa dulu yang panggil Segamat Kecil ni [ini] aaa salah seorang Pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli dah dah ninggal [meninggal] dah [sudah] dia, saya pun dah [sudah] lupa Cik Ismail tak [tidak] silap saya nama dia yang panggil nama Segamat Kecil .

**Aimi : Dia lah yang pencetusnya nama Segamat Kecil .**

Tok Batin Arifin : Haa dia lah yang yang panggil Segamat Kecil .

**Azura: Seterusnya kita beralih pada kemajuan kampung ni, (bunyi pintu) Aaa tok apa yang tok nampak aaa tentang kemajuan yang ada dekat Kampung Segamat Kaecil ni [ini].**

Tok Batin Arifin : Kemajuan ni [ini] ni (ulangan) kalau berkisarkan infrastruktur (tersusul) tu [itu] saya rasa Segamat Kecil ni [ini] tak [tidak] lah begitu ketinggalan dengan apa nama bangunan kerajaan, sekolah ada, balairaya ada, balai lawatan ada, tadikanya ada , bekalan elektriknya ada, paip air nya ada, malahan pula aa di bagi pula apa nama ini bantuan perumahan PPRT pun ada. Sini paling banyak lah (bunyi kerusi) PPRT hampir mencecah lima puluh (50) buah PPRT yang dibuat oleh pihak apa nama aaa kerajaan. Jadi kalau dari segi kemajuan di Segamat Kecil ni [ini] pada saya aaa tak [tidak] begitu jauh ketinggalan lah memang diambil berat oleh pihak kerajaan.

**Azura: Apakah faktor faktor yang menyebabkan Kampung Segamat ini maju? Apakah sebab sebab dia?**

Tok Batin Arifin : Aaa ini saya rasa pertamanya atas daya usaha aaa pemimpin itu sendiri aaa keduanya atas penerimaan aah apa nama penduduk kampung ini kalau



penduduk kampung ini pun dia tak [tidak] nak [mahu] menerima apa yang diberi oleh pihak kerajaan saya rasa aa tak [tidak] tak (ulangan) boleh pergi jauh jugak aaa saya saya (ulangan) rasa aaa apa yang dibantu oleh kerajaan untuk Segamat Kecil ini tak [tidak] pernah tolak tak [tidak] pernah tolak.

**Azura: Tok boleh saya tahu berapa jumlah keseluruhan penduduk Kampung Segamat Kecil yang sekarang yang terkini.**

Tok Batin Arifin : Yang terkini kita ada penduduknya ada aaa tujuh ratus dua (702) orang penduduknya aaa kecil besar lah tu [itu] campur campur sekali semua.

**Aimi: Keluasan Kampung Segamat Kecil ni [ini] tok tahu tak [tidak]?**

Tok Batin Arifin : Keluasan, (bunyi selakan kertas) keluasan keseluruhan lah Aaaa kita ada dua ratus empat puluh lapan point [perpuluhan] lapan lapan sembilan (248.889) hektar Aaa keluasan dia. Keluasan tanah yang diusahakan dua ratus dua belas perpuluhan empat lima Sembilan (212.459) hektar, perumahan kawasan perumahan tiga puluh perpuluhan empat tiga kosong (30.430) hektar, aaa pertanian (bunyi motor) ni [ini] termasuklah apa nama dalam kawasan apa nama ni [ini] aaa tanah yang diusahakan, kawasan premis awam ni [ini] kita ada en (tersusul) enam (6) hektar, perternakan lebih kurang Aaa ini dua (2) hektar ni [ini] masa dulu pertama lembu tu sampai, tapi sekarang ni [ini] dah [sudah] dah (ulangan) tak [tidak] ada ni [ini] dia banyak tumpang di Persatuan Nelayan dan apa nama Felda Redong .

**Azura: Besar juga kawasan dia ya, okay tok berbalik kepada penduduk Segamat Kecil ni, mereka semua berasal daripada sini atau ada daripada luar?**

Tok Batin Arifin : Aaa kebanyakan nya di Segamat Kecil ini dia banyak daripada luar contohnya daripada kampung kampung lain (bunyi ketuk meja). Kalau penduduk yang asal Segamat Kecil ni [ini] saya rasa tak [tidak] tak (ulangan) ramai lebih kurang dalam itu lah tadi dalam tiga puluh (30) aa keluarga itu tadi itu yang asal Segamat Kecil yang bila dia ni bermualanya daripada Tuang Kajang haa itu dia memang asal di Segamat Kecil .

**Azura: Kalau yang tak [tidak] berasal dari Segamat Kecil ni [ini] mereka berasal daripada mana tok tahu tak [tidak]?**

Tok Batin Arifin : Dia ada yang daripada Pahang, ada yang daripada contohnya daripada Bekok daripada Kampung Puting tapi kebanyakannya asal usul mereka ni [ini] yang yang daripada luar ni [ini] kebanyakannya daripada Pahang dari Kuala Rompin dari Keratong apa semua tu [itu].

**Azura: Kenapa mereka datang ke Segamat Kecil ni [ini] ?**

Tok Batin Arifin : Saya pun tak [tidak] berapa tahu tapi Aaa apa yang saya difahamkan (bunyi ayam) zaman-zaman dulu bila diorang [mereka] berdamar apa ni [ini] diorang [mereka] di dalam sana tu [itu] bertemu aaa jumpa jodoh ataupun jumpa aaa bila dah (bunyi ayam) kawan kawan (bunyi ayam) datang lah kampung ni [ini] aaa bila datang kampung ni jumpa jodoh di sini, orang sini jumpa jodoh di sana. Pada masa dulu pun bukan senang nak [mahu] nak (ulangan) datang. Sini dulu saya dengar saya saya di fahamkan kalau berlaku lah kematian ada pula sedara jauh jauh di contohnya di Bukit Serut sana kalau orang yang meninggal tu [itu] malam malam tu [itu] juga waris dia ni [ini] salah seorang atau berdua jalan kaki menempuh-nempuh hutan tu pergi jemput waris waris sana bagitau.

**Azura:** Kira jalan mereka tu [itu] jalan hutan laa .

Tok Batin Arifin : Haa jalan hutan masa tu [itu] memang hutan kalau belah belah sini memang hutan.

**Ai:** Aaa orang kampung yang daripada luar tu [itu] mereka menetap disini secara berdaftar ataupun tidak?

TBA: Aaa pertama dulu tak [tidak], pertama dia datang memang tak [tidak], tak [tidak] (ulangan) berdaftar, bila last-last [akhir-akhir], diorang [mereka] ni [ini] dah [sudah] lama, dah [sudah] macam, saya pun [juga], saya kadang-kadang saya dah [sudah] (berfikir) tak [tidak] anggap dia ni [ini] daripada mana-mana dah [sudah], memang orang sini, dah [sudah] lupa tu [itu] semua, memang sekarang ni [ini] banyak ber (gagap) berdaftar.

**Az:** Kebanyakan orang dekat Kampung Segamat Kecil ni [ini] aaa beragama apa ya tok?

TBA: Aaa sini yang ada yang islam, yang islam ada tiga puluh (30), sekarang ni [ini] dah [sudah] ada tiga puluh sembilan (39) keluarga, saya rasa yang memeluk islam ni [ini] pun [juga] hampir-hampir dua ratus (200) agaknya, aaa yang memeluk islam, sebab aaa apa nama ni [ini], ada anak-anak mereka ni [ini] pun [juga] ada yang dah [sudah] dah [sudah] (ulangan) pandai-pandai aaa bermain dengan ilmu apa, islam ni [ini], pernah mewakili sekolah aaa bertanding dalam apa nama saya pun [juga] dah [sudah] lupa aaa dapat nombor satu (1) dengan nombor dua (2). Masa tu [itu] dia tah [entah] tah [entah] (ulangan) baca Al-Quran di Batu Pahat.

**Az:** Selain daripada agama islam, aaa mereka beragama apa?

TBA: Aaa sini cuma aaa tu [itu] aje [sahaja], aaa islam.

**Az: Islam.**

TBA: Yang lain setakat ni [ini] saya tak [tidak] tak [tidak] (ulangan) dengar, saya kalau, sebab baru-baru ni [ini] saya pun [juga] pernah didatang oleh apa nama ni [ini] (berfikir) Kristian punya tah [entah] apa nama panggil, aaa saya tak [tidak] tak [tidak] (ulangan) benarkan dia masuk.

**Ai: Ooo.**

TBA: Saya terus halau dia. Pertama saya minta mana dia punya surat kebenaran daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli. Dia kata "Saya tak [tidak] pergi", "Awak tak [tidak] tak [tidak] (ulangan) (bunyi bersin) pergi, awak jangan masuk sini, awak mau [mahu] masuk sini, apa macam pun [juga] awak mau [mahu] kena minta sama itu saya punya pegawai di Segamat, Jabatan Kemajuan Orang Asli. Kalau dia dia (ulangan) bawa surat itu saya tak [tidak] halau. Jadi dia masuk gitu [begitu] aje [sahaja] saya halau. Sebab dia ni [ini] pun [juga] (mendecit) saya dengar-dengar cakap dia ni [ini] macam bawa perkara-perkara yang tak [tidak] elok juga lah.

**Az: Kiranya ada dua sajalah, agama islam dan yang tidak beragama?**

TBA: Aaa yang tidak beragama. Kalau ada pun [juga] saya rasa Kristian pun [juga] baru dua dua (ulangan) orang rasanya, itu pun [juga] dia tak [tidak] tak [tidak] (ulangan) apa tak [tidak] tak [tidak] (ulangan) hebahkan dia senyap-senyap gitu [begitu] aje [sahaja].

**Az: Ooo tapi tok tahu lah?**

TBA: Aaa, tahu. Sebab kalau sebab dia tu [itu] yang sorang tu [itu] orang daripada Sarawak, aaa Sarawak ni [ini] kebanyakan dia memang Kristian. Yang sorang ni [ini] dia dia (ulangan) daripada apa nama ni [ini] aaa Pekan Bekok kat [di] Asahan. Aaa dia memang dia masuk Kristian.

**Ai: OK, macam yang tok cakap tadi sebelum nak [hendak] masuk ke kampung ni [ini] kena rujuk ke JAKOA kan?**

TBA: Aaa kena rujuk ke JAKOA.

**Ai: Memang benda tu [itu] memang wajib dilakukan untuk masuk?**

TBA: Aaa memang wajib, itu wajib. Dia dia ada dua, dua cara, seelok-eloknya (bunyi selak kertas) aaa kalau sesiapa orang luar disana tu [itu] nak [hendak] masuk ke mari [sini] nak [mahu] buat majlis ke buat apa, aaa seeloknya jumpa pihak aaa Jabatan Kemajuan Orang Asli dulu lah minta kebenaran, minta surat. Kalau takut, terus berjumpa dengan tok batin aaa contoh jumpa sayalah. Baru saya cakap “Gini [begini] gini [begini] gini [begini] (ulangan)”. Saya suruh dia patah balik ke aaa pihak JAKOA tu [itu] dapatkan surat JAKOA tu [itu]. Kalau saya kalau saya kata boleh pun [juga] sebenarnya tak [tidak], apa tak [tidak] afdal lagi tu [itu] tak [tidak] tak [tidak] (ulangan) itu tak [tidak] diterima oleh pihak JAKOA, sebab dia takut orang yang datang ni [ini] bawa (mendecit) apa ni [ini] penyebaran yang tak [tidak] eloklah, hasutan ke apa semua.

**Az: OK. Dekat kampung ni [ini] ada apa-apa persatuan tak [tidak] tok?**

TBA: Aaa sini ada satu aje [sahaja], per (gagap) Persatuan Persatuan (ulangan) Wanita Segamat Kecil, aaa ya ya (ulangan). Persatuan Wanita Segamat Kecil, itu pun [juga] tak [tidak] tak [tidak] (ulangan) didaftar.

**Az: Ooo.**

TBA: Dulu ada ada tapi dah [sudah] benda ni [ini] dah [sudah] tenggelam lama dah [sudah], dah [sudah] tu [itu], dulu dipanggil aaa persatuan aaa apa nama ni [ini] aaa saya pun [juga] dah [sudah] tak [tidak] ingat apa nama persatuan apa dulu, selama tah berapa tahun, itu pun [juga] macam ada kepentingan. Bila diorang [mereka] ni [ini] dulu dapat aje [sahaja] kawasan balak lenyap gitu [begitu] aje [sahaja]. Sampai duitnya saya dengar ada lagi belasan ribu tak [tidak] di tak [tidak] dituntut oleh sebab aaa mesyuarat agung nya tah kemana, apa semua tah kemana, duit tu [itu] saya rasa kalau nak [mahu] tuntutan pun [juga], makan masa, dalam berbelas tahun, aaa Persatuan Kebajikan Orang Asli Segamat Kecil, dulu ada.

**Ai: Apa fungsi-fungsi (bunyi getaran telefon bimbit) persatuan wanita tu [itu] di kampung ini?**

TBA: Aaa diaorang ni [ini] dulu dia ada buat kutipan tiap-tiap [setiap] bulan, jadi kutipan tu [itu] diguna untuk beli perkakas aaa seperti perkakas masakan periuk kualiti apa semua lah untuk untuk (ulangan) masak. Sekarang ni [ini] aaa banyak dah [sudah] ada diorang [mereka] beli, sebab sini kalau buat kenduri dah [sudah] jadi hal, tak [tidak] tak [tidak] (ulangan) jadi hal untuk perkakas tu [itu] semua lengkap, dengan dapurnya, apatah lagi sekarang ni [ini] diorang [mereka] ni [ini] dapat bantuan daripada UMNO itu hari, UMNO bagi periuk lagi, dapur gas apa semua dapur dapur (ulangan) untuk masak.

**Az: Macam duit tu [itu] dapat daripada mana, yang kata beli perkakas semua tu [itu]?**

TBA: Aaa tu [itu] lah diorang [mereka] buat kutipan tiap bulan, dulu sebulan sepuluh sepuluh (10) (ulangan) ringgit satu keluarga.

**Az: Satu keluarga?**

TBA: Sebulan sepuluh (10) ringgit untuk satu keluarga.

**Az: Sekarang masih dijalankan?**

TBA: Aaa sekarang ni [ini] saya rasa dah [sudah] diberhentikan ni [ini], dah [sudah] diberhentikan, aaa (bunyi pen) oleh sebab apa nama ni [ini] itu hari ada yang cadangkan minta minta (ulangan) berhentikan.

**Ai: Jadi perkakasan tersebut tu [itu] dibahagi mengikut keluarga (bunyi selak kertas) ataupun ada tempatnya yang khas?**

TBA: Dia ada tempat khas nya, ada tempat khas nya.

**Az: Jadi semua penduduk boleh guna?**

TBA: Aaa boleh gunakan. Dia ada ada (ulangan) caranya pulak, contohnya kalau nama saya aaa saya boleh gunakan untuk majlis anak-anak saya, tapi kalau saya nak [mahu]

guna untuk anak saudara saya, dah [sudah] kira dah [sudah] tak [tidak] boleh, dah [sudah] kena sewa, boleh tapi kena sewa. Aaa jadi tu [itu] lah, dia guna untuk keluarga, untuk anak-anak aaa baru kita tak [tidak] payah sewa. Kalau kita guna untuk majlis anak saudara, kawan, kita kena sewa. Tak [tidak] mahal mana pun [juga] sewanya, seratus (100) dua ratus (200) gitu [begitu] lah.

**Az: Ooo sewa kena ada bayaran lah?**

TBA: Aaa –

**Az: Bayaran tu [itu] letak dekat tabung yang?**

TBA: Aaa kita bagi pada aaa pengerusi persatuan tu [itu] lah.

**Az: Ooo.**

**Ai: Tempoh sewaan tu [itu] berapa lama?**

TBA: Aaa dia kat (gagap) untuk majlis, kalau dalam dua (2) hari tu [itu], dua (2) hari tu [itu] la, jadi tu [itu] lah.

**Ai: Ooo.**

**Az: Macam mana kalau ada barang hilang ke?**

TBA: Ganti.



**Az: Ooo ganti.**

TBA: Aaa se (gagap) setiap pengeluaran nak [hendak] kena.

**Az: Tulis? Ooo.**

TBA: Tak [tidak] silap saya akak [kakak] ni [ini] tadi pengerusi (sambil menunjukkan kearah adiknya iaitu Puan Zainah).

**Az: Ooo. Macam tok cakap persatuan wanita, persatuan kebajikan tadi tu [itu] kalau mereka melakukan aktiviti ke apa, selalu kalau mereka ada mesyuarat kan, mereka buat dekat mana?**

TBA: Aaa balai raya.

**Az: Balai raya.**

TBA: Tapi aaa wanita ni [ini] dah [sudah] dah [sudah] (ulangan) apa dah [sudah] jam [tersekat] ni [ini] lama dah [sudah] tak [tidak] diorang [mereka] tak [tidak] mesyuarat.

**Az: OK.**

TBA: Saya pun [juga] dah [sudah] dah [sudah] (ulangan) lama tak [tidak] panggil, dulu bila saya mesyuarat JKK saya panggil. Sekarang ni [ini] saya tengok benda ni [ini] pun

[juga] agak lengkap apa semua, dulu selalu barang hilang hilang hilang (ulangan) tak [tidak] ganti tu [itu] sebab saya panggil, aaa sekarang ni [ini] saya nampak nampak (ulangan) dah [sudah] OK balik saya dah [sudah] saya tak [tidak] tak [tidak] tak [tidak] (ulangan) panggil. Dua (2) bulan, tiga (3) bulan sekali saya panggil, saya tanya lah, “Barang ni [ini] macam mana? ada ke tak [tidak] ada lagi?”. Sekarang ni [ini] saya nampak OK.

**Az: Mmm, tok kebanyakan aaa penduduk dekat kampung ni [ini] apa pekerjaan mereka?**

TBA: Aaa sekarang ni [ini] diorang [mereka] ni [ini] banyak menoreh sendiri, ada menoreh getah sendiri, ada kebun sawit sendiri. Dah [sudah] ke hutan ni [ini], dah [sudah] agak agak (ulangan) jarang. Boleh dikatakan tak [tidak] ada lah sekarang ni [ini]. Cuma budak-budak muda ni [ini] yang selalu ke hutan. Itu pun [juga] (berdecit) saya rasa disebabkan minat dia (gagap) diaorang ni [ini] ke hutan. Kadang diorang [mereka] pergi sampai ke Taman Negara Endau Rompin sana, cari ikan, cari burung, tu [itu] lah dia.

**Az: Mereka pergi ke taman negara tu [itu] macam mana? Jalan kaki ke naik motor?**

TBA: Aaa dari sini dia naik motor separuh jalan lepas tu [itu] jalan kaki.

**Az: OK. Aaa saya nak [mahu] tanya bagaimana pula dengan pendidikan anak-anak di kampung ini?**

TBA: Aaa pendidikan ni [ini] memang kalau di Segamat Kecil ni [ini], kalau mengikut rekod Jabatan Kemajuan Orang Asli aaa bukan sahaja di Segamat Kecil, tapi di seluruh Bekok ni [ini] masyarakat orang asli ni [ini] aaa memang aaa jauh ketinggalan dari segi

aaa pelajaran, khususnya di Segamat Kecil ni [ini], memang jauh. Aaa baru-baru ni [ini] aaa keputusan apa nama ni [ini] UPSR tu [itu] diumumkan (bunyi ayam) aaa apa yang dijangka oleh pihak sekolah ni [ini], tak [tidak] apa nama tak [tidak] mencapai, tak [tidak] mencapai tahap yang di yang di (ulangan) cadang-cadangkan. Mulanya ditarget ada tiga (3) atau empat (4) orang boleh skor lima (5) A, tapi cuma ada seorang aje [sahaja] yang dapat tiga (3) A, lain tu [itu] satu (1) dua (2) satu (1) dua (2) (ulangan). Tapi semua matapelajaran tu [itu] lulus.

**Az: Pandai.**

TBA: Peningkatan ada lah sikit [sedikit]. Jadi aaa untuk tahun lepas, tahun dua ribu tujuh belas (2017) ni [ini], aaa pelajaran di Segamat Kecil ni [ini] agak ada peningkatan sikit [sedikit]. Ini pun [juga] aaa perkara ni [ini] sebab di apa selalu disebut-sebut, selalu dibagi nasihat kepada apa nama ni [ini], mak bapak [ibubapa] pelajar. Saya puji aaa saya punya apa nama ni [ini] YDP saya tu [itu] dia memang rajin. Nampak dia ni [ini] macam nak [mahu] memaju (bunyi pen) aaa masyarakat orang asli. Dia tak [tidak] berhenti-henti, dia rajin dari rumah ke rumah bagitahu mak ayah [ibubapa] pelajar-pelajar ni [ini]. Apatah lagi masa dekat apa nama pelajar-pelajar ni [ini] nak [hendak] ngambil [mengambil] UPSR haritu. Lagi dia, pagi-pagi dia dah [sudah] pergi dari rumah ke rumah pada pelajar yang terlibat tu (bunyi batuk). Pasti kan budak ni [ini] hadir ke tak [tidak] hadir ke ke (ulangan) ---

**Az: Y (gagap) YDP tu [itu] siapa?**

TBA: Isteri pada Zamri Abas tadi. Isteri pada Zamri Abas. Dia kedua-dua ni [ini] saya nampak memang usaha tu [itu] ada untuk nak [hendak] aaa apa nama ni [ini] meninggikan tahap pelajaran dikalangan aaa ---

**Az: Anak-anak disini? (bunyi motosikal). Boleh saya tahu aaa sekolah rendah dan sekolah menengah mereka bersekolah dimana?**

TBA: Aaa sekolah menengah aaa diorang [mereka] belajar di Sekolah Menengah Tenang Station.

**Ai: Tenang Station?**

TBA: Tenang Station. Sekarang ni [ini] dah [sudah] senang, bas dah [sudah] dah [sudah] (ulangan) bas. Bas pagi pagi (ulangan) ambil, aaa petang dalam pukul dua (2), pukul pukul tiga (3) kang [nanti] hantar balik. Sebab diorang [mereka] ni [ini] lewat aaa bas ni [ini] dia ada bawa dua (2) dua (2) (ulangan) tempat, satu (1) di Felda Redong, dia kena turunkan pelajar di Felda Redong, pusing-pusing tu [itu] yang jadi lambat sampai ke mari [sini]. Kalau tak [tidak], cepat.

**Az: Ada bayaran tak [tidak] bas tu [itu]?**

TBA: Aaa bas ni [ini] ditanggung, kosnya ditanggung oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli.

**Ai: Sekolah rendah pula?**

TBA: Aaa sekolah rendah aaa dia ni [ini] di (gagap) Jabatan Kemajuan cuma bantu sebulan seorang pelajar tu [itu] lapan puluh ringgit.

**Az: Seorang pelajar lapan puluh sebulan?**

TBA: Lapan puluh ringgit. Lepas tu [itu], duit poket harian sehari dua (2) ringgit dia bagi. Sama dengan sekolah menengah. (suara mencelah). Maknanya aaa seorang pelajar tu [itu] datang baru dia ambil rekod pada cikgu. Bila cikgu hantar report [laporan] pada (bunyi pen) Johor Bahru aaa dia bayar ikut tu [itu] lah, ikut kehadiran.

**Az: Sekolah rendah mereka bersekolah di?**

TBA: Aaa di Segamat Kecil.

**Az: Segamat Kecil ini?**

TBA: Segamat Kecil ni [ini] pun [juga] sekolah dia pun [juga] dah [sudah] dah [sudah] (ulangan) macam sekolah bandar dah [sudah], jaman [zaman] saya dulu aaa apa nama ni [ini] dinding papan, kayu, jaman [zaman] diorang [mereka] ni [ini] dah [sudah] empat (4) tingkat. (suara mencelah) Sekolahnya dah [sudah] empat (4) tingkat.

**Az: Kalau macam cikgu-cikgu yang mengajar tu [itu] daripada dalam ataupun daripada luar?**

TBA: Aaa kebanyakan daripada luar, ada yang daripada Felda Redong, ada yang daripada Felda Kemelah, daripada Labis pun [juga] ada. Pelajar, eh guru orang asli pun [juga] ada seorang daripada Bekok. Dia berulang daripada kampung. (suara mencelah) Tapi tak [tidak] jauh mana pun [juga].

**Az: Bekok aaa Segamat Kecil tak [tidak] jauh?**

TBA: Tak [tidak] jauh. Lebih kurang dalam dua puluh enam (26) kilometer gitu [begitu].  
Tak [tidak] sampai satu jam.

**Az: Mmm. Boleh tak [tidak] saya tahu tok, mmm macam bila anak-anak dekat kampung ni [ini] diorang [mereka] dah [sudah] habis sekolah, apa yang diorang [mereka] buat?**

TBA: Aaa sini, kalau sini tu [itu] lah saya kata tadi, dari segi pelajarannya kalau yang (ulangan) lelakinya lah, selalu aaa tamat darjah enam (6), ada yang pergi menengah, lelebih [lebih-lebih] sampai tingkatan satu (1), dua (2), atau tiga (3) lepas tu [itu] berhenti. Aaa berhenti. Bila berhenti tu [itu] aaa mula menganggur, aaa kalau kalau mak bapak [ibubapa] yang aaa udah [sudah] anaknya sampai ke bior [biar], tapi ada setengah tu [itu] mak bapak [bubapa] suruh dia buat kerja kebun, bantu tu [itu] aaa, ada yang setengah tu [itu] dia melarat gitu [begitu] aje [sahaja]. Sebab saya, aaa saya pernah himpulkan mak bapak diorang [mereka] ni [ini] aaa berkenaan dengan gejala-gejala lepak ni [ini], banyak (bunyi batuk) anak muda mula dengan banyak melepak. Bila tiga (3) kali ke empat (4) kali dulu saya himpun himpun himpun (ulangan) diorang [mereka] ni [ini], bagitahu bagitahu (ulangan), nampak sekarang ni [ini] dah [sudah] berkurang dah [sudah] gejala lepak ni [ini]. Saya pernah saya aaa ugut budak-budak ni [ini], saya nak [mahu] suruh polis tangkap lah, suruh AADK masuk apa ni [ini], nampak sekarang ni [ini] dah [sudah] berkurang.

**Az: Itu aaa kalau yang lelaki, kalau yang perempuan biasa apa yang mereka lakukan?**

TBA: Aaa saya puji yang perempuan ni [ini] pula aaa walaupun dia tak [tidak] sekolah tapi dia tak [tidak] apa orang kata ni [ini] tak [tidak] suka berjalan, banyak bantu

dirumah. Kalau yang lelaki dia banyak suka keluar tak [tidak] tentu pasal. Yang perempuan ni [ini] yang bagusnya dia malam tak [tidak] pergi mana, semua bantu adik-adik kat [di] rumah, mak ayah [ibubapa] kat rumah, itu.

**Az: Tok boleh saya tahu, aaa apakah kemudahan-kemudahan yang ada dikampung ini selain sekolah tu [itu]?**

TBA: Aaa selain sekolah, kita ada aaa apa nama ni [ini] balai rawatan (suara mencelah). Aaa kita sini sebulan ada dua (2) kali, apa ni [ini] klinik bergerak tu [itu] masuk, dua (2) bulan sekali, eh dua (2) bulan sekali (bunyi ketawa) sebulan dua (2) dua (2) (ulangan) kali. Sebulan dua (2), dua (2) (ulangan) kali, lepas tu [itu] aaa apa nama ni [ini] kita kadang-kadang dimasuki oleh apa nama ni [ini] pihak KEMAS. Aaa apa nama ni [ini], aaa Kolej Komuniti Segamat tu [itu] kadang-kadang dia sering masuk untuk buat program. Dia ajar budak-budak (bunyi kereta) ni [ini] untuk buat apa ni [ini] aaa wiring [pendawaian], pihak KEMAS ni [ini] dia ajar ibu-ibu masak. Tak [tidak] silap saya tu [itu] sebulan sekali lah KEMAS tu [itu], aaa sebulan sekali dia masuk. Ajar ibu ni [ini] ma (gagap) masak, menjahit.

**Az: Program-program tu [itu] diuruskan aaa oleh pihak JAKOA ke macam mana?**

TBA: Aaa tu [itu] pihak KEMAS.

**Az: Oh pihak KEMAS.**

TBA: Tapi dia pun [juga] minta izin daripada JAKOA dulu aaa dia minta kebenaran.

**Az: OK. Aaa tok boleh saya tahu, ada tak [tidak] tarikan utama dekat kampung ni [ini] yang buat orang luar nak [mahu] datang?**

TBA: Saya rasa sini macam tak [tidak] tak [tidak] (ulangan) ada. Itu yang saya cakap aaa saya pernah didatangi oleh pelajar Universiti Terengganu, diorang [mereka] ni [ini] mencadangkan aaa supaya Segamat Kecil ni [ini] nak [mahu] dijadikan salah satu (1) apa nama ni [ini] tarikan aaa pelancong. Jadi saya pertama kali tu [itu] saya tak [tidak] terfikir, jadi saya, mula saya terima, last-last [akhir-akhir] tu [itu] aaa saya duduk bincang dengan pegawai JAKOA Segamat, dengan pegawai saya, “Tok terfikir ke Segamat Kecil tu [itu] apa aaa benda jadi yang aaa jadi tarikan tu [itu]”, saya terfikir tak [tidak] ada. Dia kata, pegawai-pegawai tu [itu] “Saya pun [juga] fikir tak [tidak] ada lah tok”. Habis macam mana aaa yang Universiti aaa apa nama ni [ini] Terengganu tu [itu] nak [hendak] buat aaa sini salah satu apa nama ni [ini] aaa tempat pelancongan. Jadi, gini [begini] lah saya kata, “Encik Yazid aaa kita kalau boleh kita batalkan lah benda ni [ini], kalau buat pun [juga] rugi” sebab aaa kos dia tinggi, kalau kita contohnya kita nak [hendak] buat chalet, buat apa tu [itu], memang belanja dia tinggi, kos, walaupun kita guna bahan-bahan kayu dalam hutan, tapi melibatkan pekerja. Kita nak [hendak] buat gotong-royong, sini gotong-royong, sekali gotong-royong, sekampung. Untuk duit makan pun [juga] tak [tidak] tak [tidak] tak [tidak] (ulangan) cukup seribu (1000). Saya itu sebab aaa, kalau bulan ni [ini] saya gotong-royong sa (gagap) saya kecilkan peruntukan. Dua (2) bulan, tiga (3) bulan selepas tu [itu] saya besarkan panggilan sekampung gotong-royong, nampak macam kerja kahwin pula.

**Az: Ooo.**

TBA: Sini kalau sebut gotong-rotong memang penuh.



**Az: OK. Berbalik pada tok kata aaa kerja tok batin tu [itu] khusus kepada adat resam dekat kampung ni [ini] kan, boleh saya tanya, macam mana perkahwinan dekat kampung ini dijalankan?**

TBA: Aaa sini dia ada dua cara, aaa pertama kalau aaa kata nak [mahu] meminang, jadi pihak lelaki ni [ini] dia, selalunya dia hantar seorang wakil dulu, kalau kalau melayu katalah, hantar perisik lah pergi pergi (ulangan) merisik aaa gitu [begitu], dia lebih kurang sama. Aaa bila kita dah [sudah] hantar risik risik (ulangan) kata keluarga perempuan ni [ini] setuju, aaa pihak lelaki datang sekali lagi bawa cincinnya pula, cincin tanda. Lepas tu [itu] baru da (gagap) dalam tu [itu] baru aaa kita bincang, belah perempuan ni [ini] nak [mahu] minta berapa, sanggup ke tak [tidak] sanggup pihak lelaki, kalau kalau (ulangan) dah [sudah] kedua-dua nya dah [sudah] setuju, aaa bila pula nak [hendak] nak [hendak] (ulangan) dihantar, aaa kalau sini hantaran duitnya tu [itu] boleh bayar dua (2) kali. Contoh katakan lah lima ribu (5000), aaa kali pertama “Saya hantar dua ribu setengah (2500) dulu tok” “Aaa tak [tidak] apa, esok dekat langsung, bawa lagi dua ribu setengah (2500) tu [itu] pun [juga] boleh”. Sekali harung pun [juga] boleh (bunyi meletakkan telefon bimbit). Yang kedua (2) nya pula tangkap basah (bunyi ketawa). Cara tangkap basah ni [ini] nampaknya simple [mudah], aaa tapi saya yang jadi susah. Sebab susah saya, macam-macam untuk saya nak [hendak] kena tanya. “Kenapa awak buat macam ni [ini]? Saya dulu kan saya dah [sudah] cakap, kalau boleh tangkap (bunyi letak telefon bimbit) basah ni [ini] saya tak [tidak] nak [mahu] dengar”. Tangkap basah ni [ini] contoh, ber (gagap) berdua-duaan ke tempat-tempat gelap, aaa apa nama berdua-duaan walaupun tempat-tempat tu [itu] agak terbuka tapi salah daripada pandangan itu pun [juga] boleh boleh (ulangan) ditangkap. Banyak tu [itu], memang kita nak [mahu] tanya “Agak mak bapak [ibubapa] awak ni [ini] tak [tidak] pedu (gagap) tak [tidak] ajar awak ke apa semua itu se (gagap) semua nak [hendak] se (gagap) semua nak [hendak] kena ambil tahu. Kalau andai didapati mak bapak [ibubapa] dia ni [ini] yang, senang cakap ber (gagap) apa subahat, aaa mak bapak [ibubapa] dia kita nak [hendak] harus hukum. Kena pula mak ayah [ibubapa] dia tu [itu]. Macam cuai sangat. Dah [sudah] andai kata dah [sudah] beres [selesai] apa semua, aaa dengar pula belah pihak perempuan nak [mahu] minta berapa. Dia aaa tangkap basah

ni [ini] dia takde [tidak] tinggi, paling tinggi dia keluarga perempuan ni [ini] boleh minta seribu (1000) hingga ke seribu lima ratus (1500), aaa lebih tak [tidak] tak [tidak] tak [tidak] (ulangan) boleh.

**Az: Ooo tok kiranya kalau mereka ditangkap basah, mereka memang kena kahwin ataupun macam mana?**

TBA: Aaa kebanyakan kahwin lah.

**Az: Kalau mereka tak [tidak] nak [mahu] kahwin?**

TBA: Tak [tidak] nak [mahu] tak [tidak] kan dia dia dia (ulangan) nak [mahu] buat. (bunyi ketawa)

**Ai: OK (bunyi tepuk tangan) tadi tok ada cakap yang perisik tu [itu] kan, aaa perisik tu [itu] daripada ahli keluarga sendiri ataupun siapa-siapa aje [sahaja]?**

TBA: Aaa selalunya kalau belah lelaki ni [ini] dia dia (ulangan) akan hantar hantar (ulangan) sekurang-kurangnya pangkat yang dia hantar tu [itu] pak cik aaa abang saudara. Dia pun [juga] dia tak [tidak] boleh direct [terus] jumpa mak ayah [ibubapa] si perempuan, dia kena jumpa bapa saudara perempuan ke, abang saudara perempuan tu [itu] ke aaa dia cerita situ lah, aaa baru yang bapa saudara atau abang saudara ni [ini] berjumpa (bunyi anjing) dengan mak ayah [ibubapa] si perempuan. Kalau ada persetujuan aaa dia akan contact [hubungi] balik balik (ulangan) wakil si lelaki tadi, diorang [mereka] bincang balik semula (bunyi anjing). Tapi lambat (bunyi anjing), kalau (bunyi anjing) nak [hendak] ikut betul-betul memang lambat. Tapi sekarang ni [ini] saya saya nampak (bunyi anjing) aaa dah [sudah] benda ni [ini] dah [sudah] agak

(bunyi anjing) berkurangan, tahu-tahu saya dipanggil dah [sudah] bawa cincin (bunyi ketawa) dah [sudah] tak [tidak] macam dulu, dulu saya rasa dalam dua (2) bulan tiga (3) bulan tak [tidak] tak [tidak] (ulangan) siap lagi kerja ni [ini]. Sekarang ni [ini] cepat, dah [sudah] jaman [zaman] canggih, hello hello hello (ulangan) dah [sudah] tahu bawa cincin (bunyi ketawa).

**Az: Ooo kiranya kalau berlaku perkahwinan tok batin kena ada dekat majlis tu [itu] (suara mencelah) wajib ada?**

TBA: Masa pertama masa diorang [mereka] nak [hendak] meminang, saya nak [mahu] kena ada, penyerahan aaa belanja tu [itu], kewangan tu [itu] saya nak [hendak] kena ada. Kalau majlis tu [itu] dalam majlis saya ada pun [juga] boleh tak [tidak] ada pun [juga] tapi diakhirnya (bunyi kereta) saya nak [hendak] kena ada.

**Az: Diakhirnya tu [itu] maksudnya?**

TBA: Aaa dihari penutup, lepas diorang [mereka] bersanding, lepas apa semua, saya nak [hendak] kena (bunyi tutup pintu) aaa amanatkan diorang [mereka] ni [ini], wakilkan diorang [mereka] ni [ini]. "Sekarang ni [ini] kau [awak] dah [sudah] berumah-tangga, dah [sudah] punya suami, punya isteri, jangan lagi buat perkara-perkara gini [begini] gini [begini] gini [begini] (ulangan)", itu itu (ulangan) tugas saya lah tu [itu] aaa nak [hendak] kena (bunyi ayam) amatkan dia kata-kata yang elok-elok lah. (bunyi ayam).

**Ai: Kalau tok takdak [tiada] akan diwakilkan kepada siapa?**

TBA: Aaa (bunyi ayam) saya kalau saya tak [tidak] ada, kalau pengerusi JKK (bunyi ayam) saya ni [ini] dia boleh, dia tahu, aaa wakilkan pada dia. (bunyi ayam) Kalau tak [tidak] saya nak [hendak] kena cari salah seorang orang (bunyi ayam) yang tahu adat resam.

**Az: OK. Itu bab perkahwinan, aaa ni [ini] kita beralih kepada kematian, kalau berlaku kematian apa (bunyi ayam) yang berlaku, apa yang keluarga si mati buat? (bunyi ayam).**

TBA: Aaa contohnya kalau ada satu-satu kematian, aaa pertama kita (bunyi ayam) kena bagitahu seluruh masyarakat kampung, mesti nak [hendak] kena bagitahu, (bunyi ayam) kalau malam, malam tu [itu] juga hebahkan semua.

**Az: Macam mana (bunyi ayam) proses bagitahu tu [itu]?**

TBA: Terpaksa lah pergi rumah ke rumah, kita gerakkan (bunyi ayam) apa nama selain daripada waris mati tu [itu], gerakkan (bunyi ayam) kita punya JKK tu [itu] pergi ke rumah ke rumah. Lepas tu [itu] aaa sementara tunggu ke pagi aaa itu kita berjaga lah, tunggu. Sampai ke pagi tak [tidak] tak [tidak] tak [tidak] (ulangan) tidur lah tu [itu]. (bunyi ayam)

**Az: Boleh saya tahu macam mana proses mayat si mati tu [itu] diuruskan?**

TBA: Aaa bila dah [sudah] pagi, (bunyi ayam) aaa apa nama ni [ini] ada yang pergi pergi (ulangan) apa nama beli (bunyi ayam) kain putih untuk buat kain kapan [kafan] tu [itu] lah. Saya saya (ulangan) tengok lebih kurang sama dengan orang islam ni [ini]. (bunyi ayam) Orang islam ni [ini] cuma di sembahyang kan, tapi daripada segi pemprosesan tu [itu] sama. Gunakan kapur barus, air mawar, (bunyi ayam) apa tu [itu]

semua sama, yang tak [tidak] samanya aaa islam disembahyangkan (bunyi ayam) kemudian aaa didalam kubur mayat aaa kalau islam di senget, orang asli tak [tidak], dia biasa, (bunyi meletakkan telefon bimbit) dia dia dia (ulangan) biasa telentang gitu [begitu]. Kalau lahad, lahad lah, kalau pakai apa tu [itu] keranda, keranda lah. Tapi lebih (bunyi ayam) senang keranda. Lahad kita nak [hendak] kena buat liang lahad lagi. Dia bentuk (bunyi ayam) kuburnya hampir sama. Cara pemprosesan mayat tu [itu] pun [juga] sama. Mandikan dulu, bersihkan apa semua, kapankan. Kalau tu [itu] bubuh [letak] kapur baru ke, (bunyi ayam) air mawar ke apa, (suara mencelah) siap tak [tidak] jauh beza.

**Az: Tanah tanah (ulangan) perkuburan dekat sini dekat mana tok?**

TBA: Aaa dari sini saya rasa lebih kurang dua (2) kilometer. Sini kalau berlaku kematian memang hantar dengan (bunyi ayam) lori.

**Az: Lori?**

TBA: Lori.

**Az: Pinjam lori?**

TBA: Ha, kita pinjam. Ada sebab orang sini ada sini ada dua (2) lori. Ada lori, kadang tu [itu] Hilux.

**Az: Aaa macam (bunyi ayam) contoh kalau ada berlaku kecemasan atau kemalangan, aaa selalunya orang kampung sini pergi hospital ke ataupun [juga] ada cara tersendiri?**

TBA: Aaa dia bergantung pada (bunyi ayam) apa nama kemalangan, kalau kemalangan tu [itu] agak ringan dia (gagap) diorang [mereka] atas sendiri-sendiri lah, kalau tu [itu] agak patah ke apa, dia, kalau sini ada kenderaan dia terus hantar, dia hantar, telefon ambulans sampai ke mari [sini].

**Ai: Ooo, sini ada tok bidan ataupun (bunyi ayam) aaa yang tradisional punya cara ubatan?**

TBA: Aaa dari segi ubat ni [ini], tradisional dengan bidan ni [ini], Segamat (bunyi ayam) Kecil ni [ini] saya rasa kalau ada pun [juga] ada tinggal seorang aje [sahaja] aaa yang boleh bidan aaa dia mengamalkan ubat tradisional. (bunyi ayam)

**Az: Dia masih buat lagi lah?**

TBA: Aaa masih buat lagi. Dia ubat tradisional dia pun [juga] guna akar-akar kayu, aaa bi (gagap) bidan –

**Az: OK. Aaa seterusnya kita beralih kepada mitos kampung. Aaa boleh (bunyi telefon bimbit) tak [tidak] tok cerita (bunyi ayam) kan, boleh saya tahu tak [tidak] kat [di] kampung ni [ini] ada mitos tak [tidak]?**

TBA: Aaa mitos tu [itu] contohnya?

**Az: Aaa maksudnya (bunyi ayam) macam kejadian, macam mana Aimi?**

**Ai: Kejadian-kejadian yang berlaku dikampung ni [ini] (suara mencelah) pada dahulu kala.**

**Az:** Mmm mitos macam aaa bukan cerita-cerita karut lah, macam (bunyi ayam) kepercayaan dulu-dulu ke?

TBA: Ooo kepercayaan, (suara mencelah) Segamat Kecil ni [ini] saya rasa, selain dari (gagap) daripada aaa (bunyi ayam) kepercayaan kepada keramat tu [itu], tak [tidak] ada. Tapi kalau aaa dari segi tempat-tempat aaa keramat tu [itu] memang aaa memang orang dulu-dulu percaya. Con (gagap) contohnya di Segamat Kecil ni [ini] ada satu tempat keramat tu [itu], pada masa dulu kalau orang (bunyi ayam) Segamat Kecil ni [ini] sakit, bila dah [sudah] dia berubat berjampi degan bomoh-bomoh, dukun-dukun ni [ini] tak [tidak] elok, dia pergi ke tempat tu [itu], keramat tu [itu], dia minta lah, dia jadikan api, bubuh [letak] dalam apa bekas mangkuk tu [itu], bara, dia buh [letak] kemenyan, dia dia (ulangan) apa nama dia minta lah. Jadi contohnya aaa, "Saya (bunyi ayam) datang sini mau [mahu] tujuan mak [ibu] saya (bunyi selak kertas) sakit boleh disembuhkan saya minta tolong sembuh. Andai kata dah [sudah] sembuh esok saya hantar pulut kuning ke apa ke tempat ni [ini]" macam tu [itu] lah. Itu sebab dulu aaa kawasan-kawasan keramat tu [itu] penuh dengan kain kuning kain putih. Dia (gagap) diorang [mereka] gantung (bunyi motosikal), dengan ayamnya, ayam ni [ini] kalau ayam putih, ayam putih lah sepasang lepas. Ayam tu [itu] sekejap aje [sahaja] ada, lepas tu [itu] dia tak [tidak] tahu kemana, dia hilang aaa. Itu yang baru-baru ni [ini] aaa tahun lepas ni [ini] ada aaa (bunyi jalan kaki) pangkat cucu lah, saya panggil dia cucu aaa dia jumpa ayam tu [itu]. (bunyi tetamu beri salam) (bunyi tetamu berbual) Dia dia (ulangan) apa ni [ini] dia tangkap bawa balik, tak [tidak] tahan ayam tu [itu] jahat aaa. (bunyi pintu dibuka) (bunyi suara tetamu) Ayam-ayam tu [itu] jahat, ja (gagap) jadi tuannya tak [tidak] tu [itu], yang tangkap tu [itu] tak [tidak] tahan, dia bila malam mimpi orang kacau, malam mimpi orang kacau, lepas kan (bunyi jalan kaki) balik, hantar balik tempat tu [itu] -- sampai sekarang ni [ini] elok. (suara mencelah) Tempat tu [itu] masih wujud.

**Az:** Ooo masih wujud lagi?

TBA: Aaa masih wujud.

**Az: Kira ayam putih yang tok kata tu [itu] (bunyi motosikal) emm orang boleh nampak ke?**

TBA: Itu nasib (bunyi motosikal) itu bergantung pada nasib kita (bunyi motosikal) yang cucu sa (gagap) saya kata tu [itu] dia betul-betul nasib. Dia boleh ambil lagi ayam tu [itu]. Tapi pun [juga] dia macam boleh mendatangkan apa buat pada dia, tu [itu] sebab dia malam mimpi orang kacau kacau kacau (ulangan) dia hantar balik. Mungkin ayam tu [itu] nak [mahu] bagi kecelakaan pada dia ke apa ke tak [tidak] tahu lah.

**Az: Tok sendiri pernah nampak tak [tidak] ayam tu [itu]?**

TBA: Aaa saya tak [tidak] tak [tidak] (ulangan) pernah nampak, bunyi saya pernah dengar. Bunyi kokok ayam, tapi tengok-tengok tak [tidak] ada. Bunyi pernah dengar, bunyi kokok dia.

**Az: Kira mitos kampung Segamat ni [ini] keramat tu [itu] lah. (suara mencelah) Keramat tu [itu] dah [sudah] lama kat [di] sini ke?**

TBA: Lama. Lama dah [sudah]. Saya yang saya heran tempat yang saya kata keramat ni [ini] (bunyi selak kertas) berlakunya banjir aaa dua ribu enam (2006) tu [itu], banjir besar tu [itu]. Sebelum tu [itu] saya, akak [kakak] akak [kakak] (ulangan) dekat depan kedai ni [ini] (sambil menunjukkan arah ke luar), dia lepaskan, orang sini panggil lepas niat, sebab dia sakit dulu, dia kena strok apa semua.



**Ai: Lepas niang?**

TBA: Aaa niat niat niat niat (ulangan) kita. Niat kita kalau (suara mencelah) aaa niat kita tu [itu] elok nak [hendak] pergi hantar apa-apa. Jadi kebetulan dia elok. Aaa sebab sebelum tu [itu] anak dia pergi situ, pergi minta kat [di] situ aaa minta lah. “Aku [saya] datang ni [ini] mak aku [saya] ni [ini] sakit gini [begini] gini [begini] gini [begini] (ulangan)”. Kalau esok dia ni [ini] elok, hantar apa, pulut kuning ke ayam panggang ke ke (ulangan) sana. Jadi aaa sebelum dua ribu enam (2006) tu [itu], kebetulan akak [kakak] ni [ini] elok, diorang [mereka] buat majlis dengan jogetnya apa sekali. Paginya hantar pulut kuning, ayam panggang ke sana. Jadi saya ni [ini], dalam saya duduk-duduk, saya pegang-pegang batu tu [itu], kalau nak [mahu] ikut kita kuis ni [ini] pun [juga] dah [sudah] usik aje [sahaja] dah [sudah] jatuh. Tapi ber (gagap) berlakunya banjir dua ribu enam (2006) tu [itu] saya pergi lagi tengok, tak [tidak] berubah. (bunyi motosikal) Dia macam ada (mendecit) acam [macam] kuasa tu [itu] dilindung.

**Az: Ooo ada satu kuasa.**

TBA: Aaa acam [macam] ada satu (1) kuasa melindungi masa masa (ulangan) banjir tu [itu] berlaku. Tebing tak [tidak] runtuh, batunya tak [tidak] jatuh, masih (bunyi motosikal) gitu [begini] aje [sahaja]. Tu [itu] masih di (gagap) dibersihkan. (bunyi motosikal) Tapi pun [juga] tempat tu [itu] macam memang acam [macam] ada orang yang bersihkan. Sentiasa dia anak-anak kayu pun [juga] tak [tidak] tak [tidak] (ulangan) nak [mahu] hidup tepi-tepi tu [itu]. –

**Az: Tapi sebenarnya ada orang bersihkan atau tidak?**

TBA: Tak [tidak]. Dulu ada sebulan sekali, bila tengok benda ni [ini] sentiasa, anak-anak kayu pun [juga] dah [sudah] tak [tidak] hidup lagi tu [itu], tinggal gitu [begitu].

**Az: Emm boleh saya tahu aaa apa keistimewaan keramat tersebut. Maksud saya aaa keramat tersebut aaa bagi kelebihan apa dekat orang kampung ni [ini]?**

TBA: Aaa selalunya itu lah dia ni [ini] kemungkinan dia banyak aaa apa nama ni [ini] menolong daripada sakit pening lah sebab aaa yang saya kata tadi, bila kita minta sembuhkan penyakit tu [itu], kebanyakannya memang sembuh. Sembuh sebab dah [sudah] dah [sudah] (ulangan) banyak, saya rasa kalau tempat ni [ini] apa nama ni [ini] dia (berfikir) tak [tidak] boleh menyembuh satu-satu benda tu [itu], mungkin orang tak [tidak] nak [mahu] pergi. Saya difahamkan dah [sudah] lama keramat ni [ini] aaa sebelum wujudnya kampung ni [ini] keramat tu [itu] dah [sudah] dah [sudah] (ulangan) ada. Aaa bukan saja [sahaja] masyarakat orang asli, andia [India] pun [juga] pernah pergi situ. Tapi andia [India] tu [itu] dia minta nombor, itu dia nyaris-nyaris nak [hendak] mampus [mati], jatuh sungai nak [hendak] mampus [mati] nak [hendak] lemas tu [itu]. (bunyi ketawa) Jadi kawasan tu [itu] sebab saya sebelum saya jadi batin pun [juga] saya dulu aaa saya pernah juga hantar kawan-kawan daripada Indonesia ni [ini] minta nombor, hantar lah orang tu [itu] pergi bertapa aaa du (gagap) (bunyi pen) tiga (3) hari dia bertapa. Jadi bila cukup hari ketiga (3) tu [itu] saya pergi mengambil dia, saya sa (gagap) sampai aje [sahaja] dia pun [juga] cerita “Aaa Pin, tempat ni [ini] tak [tidak] boleh minta nombor”, dia kata, “Tempat ni [ini], tempat ni [ini] (ulangan) bersih suci”, dia kata. Tempat ni [ini] kalau kita susah boleh minta tolong tapi kalau nak [mahu] nombor ke judi ke dia kata jangan, tempat ni [ini]. Orang ni [ini] tak [tidak] tak [tidak] (ulangan) bagi dia bawa balik. Baru, itu saya, selepas tu [itu] ada kawan tu [itu] pun [juga] hantar lagi seorang lagi. Ingat pun [juga] nak [mahu] minta nombor, sama, perkataan dia sama, tempat tu [itu] tak [tidak] tak [tidak] (ulangan) boleh minta nombor. Tu [itu] sebab andia [India] hari tu [itu] tak [tidak] tahu lah, tu [itu] pun [juga] nasib dia, orang tu [itu] bagi, tapi dia dia (ulangan) hampir-hampir nak [hendak] mati lemas

kat situ. Sempat ada pak cik saya dulu tarik rambut dia, kalau tak [tidak], dah [sudah] mampus [mati] dia.

**Az: Kalau nak [hendak] guna keramat tu [itu], perlukan keizinan dari tok tak [tidak]?**

TBA: Aaa nak [hendak] kena izin.

**Ai: Keramat tu [itu] digunakan oleh orang disekitar kampung sini ataupun orang luar?**

TBA: Aaa itu sebab kalau orang luar kita nak [mahu] kena ambil tahu aaa “Apa tujuan awak ke keramat ni [ini]”. Kita takut macam lah tadi, ada yang minta nombor, ada yang minta bukan-bukan. Perlu nak [hendak] kena minta izin lah. Lagi pun [juga] kalau tak [tidak], itu tak [tidak] melalui orang kampung ni [ini] mana tahu, mesti nak [hendak] melalui kalau tak [tidak] saya, jumpa lah orang kampung, minta lah izin.

**Ai: Apa yang terjadi kalau kalau (ulangan) orang yang nak [hendak] pergi tu [itu] tapi dia tak [tidak] minta izin, macam dia pergi sendirian tanpa kawan-kawan?**

TBA: Kalau dia dah [sudah] tahu, kalau dia dia (ulangan) dah [sudah] tahu tu [itu] nasib dia lah. Kalau niat dia tu [itu] pergi dengan baik mungkin dia dapat baik, kalau niat dia jahat. Kelebihan keramat ni [ini] situ, kita bila sebut tempat keramat, tempat yang diorang [mereka] panggil keras-keras ni [ini] nak [mahu] kena jaga. Masuk hutan ni [ini] keramat ke tak [tidak] keramat, bila sebut masuk hutan, mesti kita nak [hendak] kena salam dulu, minta dulu, kalau tak [tidak], adalah lah, tak [tidak] kata orang kalau tak [tidak] apa tak [tidak] hal besar-besar pun [juga], hal kecil-kecil mesti kena. Saya baru-baru ni [ini] bawa budak daripada Kolej Komuniti Segamat, ke mana tu [itu], Batu Pahat ke mana. Masa saya bagi keterangan situ, OK, sampai dalam hutan sana kemain

[bukan main] riuh, bising, (bunyi telefon bimbit berdering) angin tak [tidak] ada, apa tak [tidak] ada, pokok-pokok tu [itu] tumbang. Saya pun [juga] bagitahu dengan diorang [mereka] punya tu [itu] mana (bunyi meletakkan telefon bimbit) tempat, aaa ni [ini] lah tu [itu], “Kan tadi saya dah [sudah] cakap jangan bising masuk hutan, kayu ni [ini] angin tak [tidak] ada apa tak [tidak] ada, apa sebab dia boleh tumbang”. Tu [itu] nasib baik tak [tidak] kena budak-budak. Masuk hutan ni [ini] yang penting, kita nak [hendak] kena senyap. Bising tu [itu] boleh kalau setakat kita cakap-cakap biasa, tak [tidak] hal. Tapi jangan hu ha hu ha (ulangan), sebut yang bukan-bukan tu [itu] tu [itu] (ulangan) memang, jangan.

**Az: Tok boleh saya tahu macam mana kalau macam orang kampung ni [ini], macam tok kata kalau sakit keramat tu [itu] boleh menyembuhkan, macam mana nak [hendak] menggunakan keramat tersebut, apa cara?**

TBA: Aaa selalunya kalau orang asli dia bubuh [letak] air air (ulangan) dalam botol, bawa tempat keramat tu [itu] aaa kita dah [sudah] bakar kemenyan apa, kita tinggal, esok paginya ambil. (bunyi motosikal) Ambil terus mandikan, minum, mandi, minum, mandi (ulangan) gitu [begitu]. Esok petang aaa dia nak [mahu] kena tiga (3) petang pergi. Petang esok hantar lagi sebotol, esok pagi ambil lagi. Tu [itu] nasib, sebenarnya aaa saya rasa ini sebenarnya ada separuhnya agaknya per (gagap) pertolongan daripada aaa Tuhan yang maha Esa lah. Mungkin tak [tidak] semua keramat tu [itu] agaknya boleh menyembuhkan penyakit aaa kebetulan apa apa (ulangan). Tapi yang herankan sikit [sedikit] se (gagap) setiap yang pergi tu [itu] mesti sembuh. Setiap yang pergi tu [itu] akan sembuh. Cuma baru-baru ni [ini] lah saya, mungkin cucu saya tu [itu] apa nama ni [ini] cacat dia dah [sudah] daripada kandungan, saya pernah pergi, minta aaa cucu saya tu [itu]. Dia umur dah [sudah] tujuh (7) tahun, tak [tidak] apa tak [tidak] boleh bangun, tak [tidak] boleh jalan. Saya saya (ulangan) pernah pergi minta minta (ulangan) kalau dia boleh berjalan ke apa esok saya nak [hendak] buat kenduri besar-besaran, nak [mahu] belanja orang kampung makan. Tapi sekarang ni [ini] ada lah sikit [sedikit] perubahan, dulu dia dia dia (ulangan) tak [tidak] boleh nak [hendak] gini [begini],

sekarang dah [sudah] dah [sudah] (ulangan) boleh. Dah [sudah] mula sikit [sedikit] nampak nampak nampak nampak (ulangan). (suara mencelah) Cuma dia punya apa pinggang ni [ini] tak [tidak] apa tak [tidak] cantum (suara mencelah) aaa dia dia (ulangan) punya boleh tu [itu].

**Az: Kiranya tok kerap pergi ke tempat keramat tu [itu] lah untuk pulih kan?**

TBA: Aaa saya, nak [hendak] kata kerap tu [itu] tak [tidak] lah, saya bila ada apa yang saya (mendecit) fikir "Aaa ni [ini] (bunyi anjing) mungkin nak [hendak] pergi sana -- (bunyi anjing) bila saya terfikir oh ni [ini] dah [sudah] tak [tidak] boleh baik ni [ini], pergi. (bunyi anjing) Cucu saya tu [itu] saya pergi. Cucu saya tu [itu] memang saya rasa (bunyi anjing) pun [juga] sepa (gagap) separuh tu [itu] ada pertolongan tu [itu]. Dulu memang dah [sudah] pakai (bunyi anjing) oksigen pakai picit dah [sudah], bukan yang mesin-mesin lagi, yang pakai picit tu [itu]. Dah [sudah] masuk ICU tah [entah] berapa hari, penuh wayar semua. (suara mencelah) Mak [ibu] dia dah [sudah] nangis dah [sudah]. Saya sendiri pun [juga] dah [sudah] dah [sudah] (ulangan), memang dah [sudah] tu [itu].

**Ai: Sebab cucu.**

**Az: Boleh saya tahu umur cucu tok tu [itu] berapa?**

TBA: Sekarang ni [ini] masuk tahun ketujuh (7) dah [sudah].

**Az: Ooo. OK. Tok, macam keramat tu [itu] dia ada pantang larang tak [tidak]?**

TBA: Aaa kalau kita pergi (bunyi anjing) sana, cuma tu [itu] lah maki hamun tu [itu] lah. (suara mencelah) Aaa niat kita pergi biar (bunyi anjing) itu sebab kalau orang asli (bunyi anjing) ni [ini] kata biar pergi berniat aaa jadi niat tu [itu] niat yang (bunyi anjing) baik-baik aje [sahaja].

**Az: Ooo. OK. Aaa seterusnya habis pasal keramat mitos tu [itu] aaa saya nak [hendak] tanya tentang orang asli dulu-dulu lah. Mmm boleh tak [tidak] saya tahu, macam orang asli yang dulu-dulu dengan sekarang kan ada perbezaan dia kan, orang asli yang dulu-dulu tu [itu] apakah keistimewaan (bunyi anjing) yang ada pada mereka, aaa kelebihan?**

TBA: Dulu kalau orang tua-tua dulu, aaa kalau (bunyi anjing) masyarakat orang aslinya, dia kebanyakan kelebihan pada ilmu lah dulu, dulu memang orang asli dulu kelebihan dia pada ilmu. Aaa ilmu tu [itu] apa nama ni [ini] nak [hendak] baik pulih penyakit tu [itu] ada, ilmu dengki orang ni [ini] pun [juga] ma (gagap) masih masih (ulangan) masa dulu masih kuat saya pernah arwah aaa pak saudara [bapa saudara] cerita, dulu orang asli ni [ini] dia kalau nak [mahu] bunuh seorang-seorang tu [itu] dia tak [tidak] tak [tidak] tak [tidak] (ulangan) susah mana, dia pastikan telapak ka (gagap) kesan telapak kaki aje [sahaja]. Contoh aaa ni [ini] kesan telapak kaki tok batin, aaa dia buat pada situ, saya kat [di] rumah habis, aaa dulu. Dulu kelebihan masyarakat orang asli, ilmu lah. Dia tak [tidak] ada kelebihan daripada apa, memang kelebihan dia pada ilmu.

**Az: Mmm, macam ilmu tu [itu], aaa orang-orang tertentu sahaja yang ada ataupun semua orang (suara mencelah) boleh ada?**

TBA: Dia tak [tidak] lah semua.

**Az: Kena belajar?**

TBA: Aaa dia kena belajar. Tapi kalau, (bunyi anjing) dulu bila umur dah [sudah] empat puluh (40) tahun keatas memang orang yang berilmu. Itu sebab sekarang (bunyi anjing) sampai ke sekarang ni [ini] ada yang setengah kawan-kawan diluar sana dia ingat aaa, bila dia panggil tok batin tu [itu], tok batin ni [ini] penuh dengan ilmu (bunyi anjing), sebab ni [ini] tak [tidak] ada. Bila tok batin tu [itu] dia tarikh lahir dia daripada sembilan belas enam puluh dua (1962) ke atas memang kebanyakan tak [tidak] tahu lah soal-soal ilmu. Saya sendiri saya tak [tidak] tak [tidak] (ulangan) belajar. Padahal saya kadang-kadang tu [itu] ada juga orang yang sesat. “Tok saya (bunyi ketawa) nak [mahu] minta tolong gini [begini] gini [begini] gini [begini] (ulangan)”. “Ooo so (gagap) sorry [maaf] saya tak [tidak] belajar tu [itu] semua (suara mencelah) aaa. Saya pernah datangi oleh taukey [pemilik] kilang kari kat [di] Cha’ah tu [itu] datang rumah. Masa sa (gagap), ini rumah saya ni [ini], duduk, masa duduk sini ni [ini]. Datang, “Tok, aaa saya susah gini [begini] gini [begini] (ulangan)”, “Susah apa?” saya pun [juga] nyahut [sahut] lah. “Rumah kena, ka (gagap) kawan nak [mahu] kat [dekat] lari, boleh tak [tidak] tolong tengok [lihat]”. Saya tengok [lihat] saya boleh tengok [lihat], tapi saya (bunyi ketawa) tak [tidak] boleh agak balik, sebab saya tak [tidak] belajar.

**Az: Ooo kiranya keistimewaan orang asli dari segi ilmu perubatan lah (suara mencelah). OK, seterusnya saya nak [hendak] tanya aaa seperti yang sedia maklum, yang kami tahu orang asli ni [ini] handal bab-bab ilmu hutan, aaa boleh tak [tidak] tok jelaskan lagi macam mana orang asli ni [ini] menguasai ilmu hutan tu [itu], apa yang mereka buat dalam hutan tu [itu]?**

TBA: Orang asli ni [ini] kalau dalam hutan memang kebanyakannya aaa pakar. Maksud saya pakar tu [itu] dia tak [tidak] pernah sesat, aaa saya pun [juga] dulu sa (gagap) saya aaa saya heran, walaupun saya saya (ulangan) orang asli, aaa saya heran pada zaman-zaman arwah bapa saya dulu. Kenapa orang tua ni [ini] pergi ke hutan tak [tidak] sesat,

aaa dia dapat makan dari mana walaupun tak [tidak] bawa bekal daripada rumah. Dulu pun [juga] saya sering tertanya-tanya, masa tu [itu] saya kurang ke hutan ni [ini] masa kecil-kecil. Bila saya sendiri dah [sudah] keluar masuk keluar masuk (ulangan) hutan. Sa (gagap) saya baru saya tahu. Kita ke hutan ni [ini] aaa pertama, kita yang saya kata tadi pertama kita minta kebenaran, salam dulu, minta izin, aaa lepas tu [itu] aaa setiap kita berjalan tu [itu] mesti kita nak [hendak] cari satu penoman [peneman], atau kita buat tanda. Kalau kita aaa berjalan tu [itu] bawa parang, kita takuk pada kayu, aaa takuk, jarak tahu berapa, aaa lantai kita takuk, aaa jadi kita pusing memana [mana-mana] kita akan jumpa apa yang kita buat tu [itu] tadi.

**Az: Takuk tu [itu] sebagai penanda?**

TBA: Aaa sebagai penanda.

**Az: OK. Mmm macam pula mmm mereka kalau dalam hutan mereka cari makanan?**

TBA: Aaa dari segi makanan, diorang [mereka] ni [ini] banyak ambil pokok umbut payas. Umbut payas, aaa umbut apa nama ni [ini].

**Ai: Umbut?**

TBA: Umbut umbut.

**Az: Umbut.**



TBA: Umbut. Umbut payas. Dia umbut payas ni [ini] dia lebih kurang ni (gagap) nibong.

**Az: Nibong?**

TBA: Aaa nibong. Dia sama, umbut payas, umbut kelapa, umbut nibong aaa tapi yang sedap umbut payas. Aaa dia manis. Umbut langkang. Cuma masyarakat orang asli ni [ini] kalau dia masuk (bunyi pen) hutan aaa apa nama ni [ini] garam dengan dengan apa (berfikir) api tu [itu] dia dia (ulangan) bawa. (suara mencelah)

**Az: Kiranya mereka makan, mereka masak dulu lah? Bukan makan mentah?**

TBA: Aaa dia masak dulu, dia masak dulu.

**Az: Mmm mereka ada tak [tidak] buru haiwan dekat dalam hutan? (bunyi ayam)**

TBA: Ada. Di (gagap) dia buat jerat, buat perangkap apa semua.

**Ai: Contoh haiwan dia?**

TBA: Aaa dia tengok, kalau kata perangkap ni [ini] aaa dapat boleh dapat pelanduk, kancil. Kalau jerat, rusa, kijang, babi, landak. Itu boleh boleh (ulangan) dapat. Landak ni [ini] pula dia banyak jenis, boleh buat belantik pun [juga] untuk bunuh landak, jerat bunuh landak aaa perangkap pun [juga] boleh bunuh landak.

**Az: Belantik tu [itu] apa tok?**

TBA: Belantik tu [itu] dia dia (ulangan) macam mata tombak.

**Az: Mata tombak.**

TBA: Dia gunakan kayu sebagai spring, dia boleh mukul [pukul], dia boleh gi [pergi] macam nyucuk [cucuk] sendiri. Dia pa (gagap) pakai tali sawat lah tu [itu].

**Az: Ooo selepas mereka buru haiwan-haiwan tu [itu], (bunyi telefon bimbit berdering) aaa apa yang mereka buat, jual ke makan ke?**

TBA: Aaa kalau pada masa zaman dulu, kebanyakan makan. Bila aaa dalam tahun sembilan belas enam puluh tujuh (1967), enam puluh lapan (68) tu [itu] aaa mula jual. Sebab sini aaa apa cina-cina tu [itu] dah [sudah] mula kerja balak tu [itu] semua dulu aaa diorang [mereka] jual. Saya dulu pernah ikut abang saudara tu [itu] buat perangkap kancil, aaa sehari masa tu [itu] dapat dua puluh (20) ekor, tiga puluh (30) ekor. Dulu senang. Sekarang ni [ini] nak [hendak] dapat seekor huh. Aaa dulu senang. Masa tu [itu] jual seekor baru dua ringgit setengah, masa tu [itu].

**Ai: Sekarang?**

TBA: Sekarang ni [ini] seekor kancil dah [sudah] empat puluh (40) ringgit.

**Az: Seekor kancil?**

TBA: Seekor kancil. (bunyi ketawa). Pada masa saya tu [itu] baru dua ringgit setengah (RM2.50). Tapi barangnya murah. Dulu aaa beras tu [itu] masih belum ada dalam beg apa semua tu [itu], masih timbang. Masa tu [itu] sekati baru seringgit lapan puluh sen (RM1.80).

**Az: Tok sendiri masih memburu tak [tidak], sekarang?**

TBA: Aaa sekarang tak [tidak]. (suara mencelah) Saya pun [juga] sendiri dah [sudah] jarang ke hutan.

**Ai: Tapi penduduk kampung disini masih lagi?**

TBA: Aaa masih ada juga ke hutan. Itu lah diorang [mereka] cari burung, kadang-kadang dia suka-suka pergi berkelah ke Taman Negara Endau Rompin sana cari ikan kelah.

**Az: OK, mmm mengenai pemakaian orang asli yang terdahulu pula macam mana pemakaian mereka?**

TBA: Aaa kalau orang asli jakun ni [ini] dulu, kebanyakannya cawat lah, yang zaman dulu, cawat. Aaa selain cawat tu [itu], dengan ada juga saya dengar aaa pakai apa buat daripada kulit kayu ni [ini], kulit kulit keras.

**Az: Ooo sumber dia daripada sumber hutan juga lah?**

TBA: Aaa sumber-sumber hutan.

**Ai: Cawat tu [itu] dibuat daripada apa?**

TBA: Aaa dulu diorang [mereka] masa tu [itu] kain jugak saya tengok, dah [sudah] uncang aaa masa tu [itu] kan tepung dia dalam dalam (ulangan) uncang. Tak [tidak] tahu diorang [mereka] dapat dari (gagap) daripada mana. Saya sempat nengok [tengok] ada seorang dulu (bunyi telefon bimbit berdering) nengok [tengok] se (gagap) sempat.

**Az: (bunyi selak kertas) Perbualan diberhentikan seketika kerana tok batin menjawab panggilan telefon dan akan bersambung seketika nanti.**

**Az: Berikut adalah sambungan wawancara.**

**Az: OK, kita sambung balik [semula] (bunyi meletakkan telefon bimbit) tentang pakaian aaa orang terdahulu, tentang cawat tadi.**

TBA: Dia dia kalau daripada kulit kayu terap tu [itu], makan masa lama kalau nak [hendak] buat, tapi saya pernah tengok ada seorang pak cik tu [itu] dulu dia gunakan kain jugak, tapi sekali saya tengok macam uncang tepung. Dulu tepung kan tu [itu] pakai uncang. (bunyi ketawa)

**Az: OK.**

TBA: Tapi kebanyakannya dengar-dengar orang tua-tua dulu cerita daripada kulit kayu lah. Kulit kayu tu [itu] aaa pokoknya nama pokok terap tapi prosesnya lambat. Sama dengan baru-baru ni [ini] saya ke Sarawak, aaa sama pemprosesannya. Makan masa

tiga (3) empat (4) bulan baru siap. Itu pun [juga] kalau panas, musim panas. Kalau musim hujan tak [tidak] boleh buat.

**Ai: Untuk satu pakaian mengambil masa tiga (3) bulan?**

TBA: Aaa tiga (3) bulan. Kalau musim hujan tak [tidak] tak [tidak] (ulangan) boleh buat. Kita tak [tidak] dapat jemur. Dia proses apa nama itu lambat, dia kita nak [hendak] kena pukul pukul pukul pukul (ulangan), rendam, esok angkat jemur, pukul lagi, rendam. Sampai dia betul-betul lembut. Saya dekat rumah apa nama ni [ini] hari tu [itu] ada ada (ulangan) buat aaa mula buat hari tu [itu] elok, lama-kelamaan dia, bila dia dah [sudah] kering dia dia (ulangan) mula pecah, koyak koyak koyak (ulangan) dah [sudah] tak [tidak] elok. Kalau tak [tidak], masih ada. Sebab cara dia tak [tidak] tak [tidak] (ulangan) betul, orang yang kopek [kupas] hari tu [itu] tak [tidak] tak [tidak] (ulangan) betul buat. Masa saya buat program dengan pelajar Universiti Sains Islam Malaysia tu [itu] aaa ada buat sehelai baju daripada kulit tu [itu]. Masa buat tu [itu] elok, lama-kelamaan dia dia dia (ulangan) tak [tidak] elok. Sebab dia tak [tidak] cukup kering. Rupanya bila dah [sudah] kering dia pecah. Sebab dia keras. Dia nak [mahu] pukul betul-betul lembut, baru dia dia (ulangan) tak [tidak] pecah.

**Az: Pokok terap tu [itu] masih ada di kawasan ni [ini]?**

TBA: Masih banyak, sekarang ni [ini] banyak.

**Az: Masih banyak dan orang kampung menggunakan kam (gagap) pokok terap tu [itu]?**

TBA: Aaa sekarang aaa dia guna pun [juga] sekarang ni [ini] dia ambil getah. Getah terap tu [itu] dia untuk untuk menggetah burung.

**Az: Ooo untuk menggetah?**

**Ai: Burung.**

TBA: Getah dia dia dia dia (ulangan) ada jenis getah, dia ambil getah tu [itu] dia lilit-lilit pada kayu kecil dia pasang, agak-agak sini burung ni [ini] hinggap. Burung melekat lah.

**Az: Ooo untuk tangkap burung?**

TBA: Untuk tangkap burung.

**Az: Ooo, OK. OK, aaa so [jadi] kita beralih pula kepada mmm pencapaian kampung lah, kami nak [hendak] tahu tentang penacapaian kampung ni [ini]. Kampung ni [ini] ada menang apa-apa anugerah tak [tidak] tok?**

TBA: Aaa Segamat Kecil ni [ini] dah [sudah] dua (2) kali (bunyi selak kertas). Aaa pertama masa (bunyi pen) program dengan pelajar-pelajar (bunyi selak kertas) Universiti Islam tu [itu]. Ada kebanyakannya pelajar-pelajar (bunyi anjing) daripada negeri Johor sebenarnya, aaa dia (gagap) diorang [mereka] ni [ini] bawa bertanding dalam diorang [mereka] punya program aaa se (gagap) Segamat Kecil ni [ini] di (bunyi anjing) dianugerahkan aaa Kampung Komuditi Terbaik pada tahun (bunyi anjing) dua ribu tiga belas (2013) tak [tidak] silap saya. Gitu [begitu] lah (bunyi anjing). Aaa (bunyi selak kertas) lepas tu [itu] Kampung Segamat Kecil ni [ini] aaa dicalonkan oleh pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli menyertai aaa pertandingan aaa apa ni [ini] Anugerah Desa Sejahtera. (bunyi selak kertas) Saya pertama tu [itu] sebenarnya saya tolak, saya sebab aaa saya tengok [lihat] pada masa tu [itu] Segamat Kecil ni [ini] agak aaa teruk. Aaa dari segi aaa hiasanya apa kalau nak [mahu] dihias lah. Jadi apabila aaa saya bawa

perkara ni [ini] dalam mesyuarat aaa bulanan JKK, saya tanya dengan pengerusi, dengan ahli jawatankuasa aaa kebanyakan diorang [mereka] ni [ini] kata, aaa “Tok kita sahut cabaran ni [ini]”. Jadi pegawai JAKOA tu [itu] pun [juga] kata “Tok, kalau tak [tidak] cuba mana kita tahu”. Jadi pun [juga] saya fikir-fikir ah, terima lah juga. Didalam pertandingan tu [itu] aaa memang agak teruk lah penduduk-penduduk kampung ni berhempas-pulas. Dengan hiasannya, dengan pembersihan kawasan kampung. Bila dah [sudah] dihias-hias, saya saya (ulangan) sendiri sendiri (ulangan) saya tengok “Eh lawa, cantik pula kampung ni [ini] dah [sudah] sana bersih kan apa semua. Aaa keputusan tu [itu] tak [tidak] silap saya dulu, empat (4) bulan ke lima (5) bulan baru aaa ba (gagap) baru keputusan tu [itu] diumumkan aaa. Itu pun [juga] dah [sudah] dipanggil pergi ke apa nama ni [ini] (berdecit) dekat Serdang tu [itu] apa nama (mendecit) tu [itu] lupa lah saya. -- tempat pertanian tu [itu].

**Az: Apakah yang menyebabkan Kampung (bunyi bersin) Segamat Kecil ini aaa memenangi anugerah tersebut?**

TBA: Aaa mungkin saya rasa da (gagap) dari segi aaa landskapnya, dari segi kebersihannya, aaa saya, mungkin disitu, tapi aaa bila saya dah [sudah] sampai di Kolum (tersasult) di Serdang tu [itu], di tempat aaa tempat saya terima hadiah, sebelum tu [itu] saya bermalam di di (ulangan) aaa apa nama ni [ini] pu (gagap) pusat -- jadi disitu saya sempat bertanya dengan apa ni [ini] orang-orang yang mengadili tu [itu] lah. Saya tanya “Segamat kecil ni [ini] tok aaa dapat tempat ketiga sebenarnya”. Jadi saya (bunyi batuk) tanya apa sebab apa sebab (ulangan). “Aaa kampung tok ni [ini] dari segi aaa landskap OK, kebersihan OK. Aaa kerjasama tu [itu] OK, gotong-royongnya apa semua tu [itu] OK. Cuma tok kalah dari segi pendidikan”. Aaa bila dia dia (ulangan) tanya, pendidikan dah [sudah] berapa orang yang, mana-mana, belajar apa semua. Paling kurang Segamat Kecil. Aaa itu sebab saya dapat tempat ketiga. Kalau contohnya Segamat Kecil ni [ini] tujuh (7) lapan (8) orang doktor, tujuh (7) lapan (8) orang engineer [jurutera] tu [itu], kemungkinan nombor satu (1).

**Ai:** Boleh saya tahu kesan-kesan (bunyi batuk) anugerah tersebut kepada tok ataupun orang (bunyi batuk) kampung?

TBA: Aaa setakat ni [ini] saya nampak dah [sudah] mula diorang [mereka] ni [ini] dah [sudah] mula sedar. Aaa semasa saya mula menyahut cabaran ni [ini] hari tu [itu], banyak orang kampung saya sendiri yang mengatakan tak [tidak] yakin lah kita boleh menang. (bunyi motosikal) Apa nama ni [ini] siapa yang mengeluarkan belanja kalau kita perlukan belanja, aaa memang banyak aaa saya gunakan belanja. Tak [tidak] silap saya mencecah belasan ribu ni [ini] (bunyi motosikal) aaa beli pokok bunga, kita buat pintu gerbang, buat mercu tanda. Memang semua tu [itu] kewangan. Tah [entah] lima belas (15) ke enam belas (16) ribu belanja yang yang digunakan untuk bertanding. Habis sekali gotong-royong sa (gagap) saya kata tadi, sekali makan tak [tidak] cukup seribu (1000). Dah [sudah] hampir-hampir sekampung. Dah [sudah] macam kerja kahwin. (bunyi ketawa) Buat pula satu rumah aaa rumah tradisional. Sayang sekarang ni [ini] dah [sudah] dah [sudah] (ulangan) mula roboh tu [itu] dah [sudah], tak lama tak [tidak] tak [tidak] (ulangan) betulkan. Mula buat hari tu [itu] memang cantik, elok. Saya jadikan dia satu (1) galeri. Tempat aaa simpanan apa contoh kraf tangan apa semua. Kraf tangannya pun [juga] dah [sudah] habis kena beli apa semua hari tu [itu]. Dah [sudah] tak [tidak] ada orang nak [hendak] buat lagi. Kalau tak [tidak] hari tu [itu] ada, masa masa (ulangan) bertanding tu [itu] ada. Sekarang ni [ini] (suara mencelah) rumah dah [sudah] mula roboh.

**Az:** Kraf tangan orang beli? (suara mencelah) Maksudnya orang luar?

TBA: Orang luar beli.

**Az:** Ooo.



TBA: Sini ada yang boleh buat kraf tangan, cuma diorang [mereka] ni [ini] sekali saya cakap sekali buat. (bunyi ketawa) Saya suruh buat terus benda ni [ini] sebab benda ni [ini] aaa laku, hasilnya pun [juga] bukan untuk saya. Tapi diorang [mereka] ni [ini] bila sekali suruh buat, baru diorang [mereka] buat, kalau tak [tidak], tak [tidak]. (suara mencelah) Jadi setelah tu [itu] aaa diumumkan keputusan dapatlah nombor tiga (3). Dapat seratus dua puluh lima ribu (125000).

**Az: Banyak.**

TBA: Aaa dua puluh lima ribu (25000) tu [itu] diba (gagap) dibayar tunai untuk majlis, buat kenduri lah masa tu [itu]. (bunyi motosikal) Untuk sembelih seekor lembu. Nyambut [menyambut] kemenangan. Aaa lepas tu [itu] kitaorang [kami] dibawa ke Pulau Langkawi. Sini dua (2) bas pergi. (suara mencelah) Enam puluh (60) enam puluh (60) (ulangan) orang. Dua (2) bas, aaa Jabatan Kemajuan Orang Asli yang yang bawa. Masa tu [itu] baru lah yang penduduk kampung -- tu [itu] macam (mendecit) apa nama ni [ini] baru dia minda dia tu [itu] agak tu [itu] terbuka. Ooo dia kata ye [ya] lah hari tu [itu]. Tak [tidak] sia-sia jugak anu [itu] tok ni [ini] bawa masyarakat-masyarakat kampung ni [ini] gotong-royong untuk untuk, bukan sahaja menang, malahan kampung kita bersih.

**Az: Mmm betul. Tok ingat tak [tidak] berapa banyak kampung yang bertanding waktu tu [itu]?**

TBA: Aaa kampung banyak. Lapan (8) aaa lapan (8) (ulangan) lapan puluh (80) apa, buah kampung.

**Ai: Serata Malaysia?**

TBA: Aaa seluruh semenanjung. Yang Sabah Sarawak dia bertanding rumah panjang. Di peringkat aaa orang asli ni [ini] ada lapan puluh empat (84) kampung saya rasa yang bertanding.

**Az: Dikhaskan untuk kampung orang asli sahaja lah?**

TBA: Aaa untuk orang asli sahaja. Masa tu [itu] keputusannya dia dia (ulangan) umumkan sekali. Yang orang asli, yang Cina, yang kampung Melayu, rumah panjang Sabah Sarawak. Dia umumkan serentak sekali.

**Az: Ooo. Selain dari anugerah Desa Cemerlang ni [ini], ada tak [tidak] anugerah lain lagi yang kampung ni [ini] menang?**

TBA: Aaa sini cuma aaa pertama kita aaa Komuditi Kampung Terbaik aaa lepas tu [itu] anugerah aaa JKK terbaik, baru anugerah Desa Sejahtera ni [ini]. Kita dapat tiga (3) anugerah.

**Az: Ooo aaa dimasa akan datang, tok ada bercadang nak [mahu] aaa untuk join [sertai] mana-mana anugerah lagi tak [tidak], pertandingan?**

TBA: Aaa kalau ada dibagi [diberi] peluang, aaa memang saya rasa saya tak [tidak] lepas peluang. Sebab selain tu [itu] saya nak [hendak] menggalakkan penduduk kampung ni [ini] aaa biar diorang [mereka] ni [ini] apa ni [ini] pemikiran ni [ini] terbuka jauh. Bukan nak [mahu] mengharap kemenangan tapi biar diorang [mereka] ni [ini] sedar aaa bila kampung bersih apa faedahnya. Saya fikir ke arah tu [itu]. Ni [ini] dulu kalau tak dibersih, tak [tidak] kan lah orang nak [hendak] bagi [beri] kita nombor tiga (3) (suara mencelah) memang kita kampung kita nak [hendak] kena bersih, kena cantik.

Pada saya aaa dari segi apa nama ni [ini] jangan kita nak [hendak] tunggu masa hutan rimbun baru nak [hendak] bersihkan kampung. Saya selalu dalam mesyuarat saya selalu aaa cakap macam tu [itu]. Ha ini pun [juga] dah [sudah] nampak semak balik.

**Az: Macam tok kata tok mengadakan mesyuarat, berapa kerap tok mengadakan mesyuarat tu [itu]?**

TBA: Aaa saya sebulan sekali.

**Az: Sebulan sekali.**

TBA: Tiap-tiap [setiap] bulan.

**Az: Ahli dia satu (1) kampung ataupun?**

TBA: Aaa tak [tidak] saya libatkan tujuh belas (17) orang. Aaa ahli jwatankuasa termasuk seorang pegawai Jabatan Kemajuan. (suara mencelah) Dia tiap-tiap [setiap] bulan kena masuk.

**Az: JAKOA memang wajib datang sini setiap bulan?**

TBA: Aaa dia memang wajib datang. Aaa selepas tu [itu] kalau saya fikir aaa ada masalah keselamatan, aaa saya jemput polis, kadang-kadang tu [itu] saya jemput AADK, Antidadah Kebangsaan. Kadang-kadang saya panggil penghulu. Mana saya fikir saya ada masalah, apa yang saya nak [mahu] nu [itu] sa (gagap) saya panggil

penghulu. Kadang wakil rakyat pun [juga] saya panggil. Baru ni [ini], tak [tidak] lepas, tak [tidak] sampai seminggu ni [ini], wakil rakyat kitaorang [kami] masuk, dengan parlimen sekali masuk.

**Ai: Se (gagap) selain daripada JAKOA, ada lagi tak [tidak] jabatan-jabatan yang ambil (bunyi batuk) tahu tentang Segamat Kecil ni [ini]?**

TBA: Aaa selain daripada JAKOA, yang ambil berat aaa penghulu mukim.

**Az: Penghulu mukim.**

TBA: Aaa dia selalu masuk. (bunyi anjing) Aaa Jabatan Kebajikan Masyarakat pun [juga] kadang kadang dia (bunyi anjing) masuk, lepas tu [itu] Pejabat Daerah Segamat. (bunyi anjing)

**Az: Ooo berkenaan dengan keselamatan kampung tadi, (bunyi anjing) ada tak [tidak] masalah-masalah besar yang berlaku dekat keselamatam Kampung Segamat Kecil ni [ini]?**

TBA: Setakat ni [ini] tak [tidak] ada. (bunyi anjing) Belum pernah berlaku. Dari segi keselamatan yang besar-besar tak [tidak] ada, tapi kalau kecurian kecil-kecil tu [itu] ada la, contoh mencuri seke (gagap) sekerap getah, apa tu [itu] ada saya pun [juga] pernah tangkap orang curi pokok getah ni [ini] pun [juga] pernah. Tu [itu] kita selesai sama sendiri lah. Cuma kalau yang agak tak [tidak] boleh selesai tu [itu] baru lah saya report [lapor], ada sekali tu [itu] aaa sampai Felda Redong dengan Labis aaa tu [itu] saya terpaksa report [lapor]. Sebab dia dah [sudah] orang luar.

**Az: Ooo, untuk anak-anak muda dekat dalam kampung ni [ini], ada tak [tidak] masalah-masalah sosial diorang [mereka] ke?**

TBA: Aaa setakat ni [ini] tak [tidak] ada lagi. Dadahnya agak saya tak [tidak] pernah dengar lagi, tapi yang agak merisaukan saya aaa gejala minum arak. Tu [itu] agak macam agak (berdecit) berleluasa. Ini aaa saya punya pengerusi JKK tengah kempen dengan mak bapak diorang [mereka] ni [ini], berkenaan dengan minuman arak.

**Ai: Tu [itu] adalah satu-satunya tindakan untuk gejala tersebut, atau ada lagi tindakan lain?**

TBA: Aaa setakat ni [ini] saya arahkan saya punya pengerusi JKKK bagitahu mak bapak dulu. Suruh diorang [mereka] ni [ini] bagitahu anak-anak. Andai kata tak [tidak] boleh juga, esok baru saya nak [mahu] duduk bincang (bunyi meletakkan telefon bimbit) dengan aaa JAKOA.

**Az: Kiranya JAKOA pun [juga] ada hak juga lah untuk kalau ada masalah-masalah yang berlaku dekat kampung ni [ini]?**

TBA: Aaa dia cuma bagi [beri] pandangan.

**Az: Bagi [beri] pandangan. Yang ambil tindakan tu [itu] pihak mana?**

TBA: Aaa tindakan pa (gagap) pada saya, mak bapak [ibubapa] dia. JAKOA bagi pandangan, gini [begini] gini [begini] gini [begini] (ulangan). Saya kena fikirlah apa yang JAKOA cakap tu [itu]. Kalau kalau (ulangan) saya senang aje [sahaja], saya kalau

betul benda ni [ini] dah [sudah] tak [tidak] boleh diatasi, kalau perlu budak ni [ini] di tangkap, tangkap dulu. Contoh dia terlibat dadah, tangkap dulu, masukkan ke pemulihan kemana dulu. Saya dah [sudah] bagitahu [beritahu], sebelum ni [ini] pun [juga] saya dah [sudah] bagitahu mak bapak [ibubapa] dia, kalau dadah saya tak [tidak] nak [mahu] jumpa mak ayah [ibubapa] lagi, saya terus tangkap terus hantar ke pusat mana. Aaa kalau minuman ni [ini] minum arak ni [ini] aaa boleh lah kita duduk bincang saya kata. Tapi kalau dadah ni [ini] tak [tidak] boleh tunggu lama.

**Ai: Aaa pusat pemulihan tu [itu] dimana?**

TBA: Sini aaa setahu saya yang ada Johor Bharu kat [di] Tampoi, di Melaka, yang yang yang (ulangan) dekat lah. Melaka dekat mana tu [itu].

**Ai: Jadi yang bawa ke pusat pemulihan tu [itu] tok sendiri ataupun?**

TBA: Aaa, tak [tidak], saya report [lapor] aje [sahaja]. Kalau polis yang ambil, polis yang yang (ulangan) -- serah pada AADK ke, atau polis sendiri hantar ke pusat pemulihan, gitu [begitu].

**Az: Mmm begitu.**

TBA: Sebab sini belum pernah jadi lagi aaa dulu hisap gam ada. Hisap gam dulu bila aaa saya dah [sudah] acah-acah nak [hendak] report, terus sampai nijam [sekarang] senyap.

**Az: Sampai tak [tidak] sekarang tak [tidak] ada?**

TBA: Aaa sampai sekarang ni [ini] tak [tidak] ada. Sampai sekarang ni [ini] tak tak (ulangan) ada.

**Az: OK, kalau macam tu [itu] boleh tak [tidak] kami tahu apakah perbezaan Kampung Segamat Kecil ni [ini] dengan kam (gagap) kampung orang asli yang lain lain?**

TBA: Aaa saya nampak perbezaan tu [itu], nak [hendak] kata ada, macam tak [tidak] ada, tapi kalau saya nak [hendak] bezakan Segamat Kecil ni [ini] dengan Kampung Kudong tu [itu] kat Bekok, diorang [mereka] sana la (gagap) lagi lebih hebat. Dari segi kemajuan lah. Rumah diorang [mereka] sana tersusun, sebab diorang [mereka] sana aaa rancangan pengumpulan semula. Aaa saya sini tak [tidak], saya ni [ini] masih dipanggil kampung tradisional. Aaa bila sebut tradisional tu [itu] maknanya rumah dia masih berselerak senang cakap gitu [begitu] lah. Lagi rumah ni [ini] pun [juga] kebetulan masih ada jugak rumah tradisional lagi. Tak [tidak] semua dah [sudah] berumah macam ni [ini] lagi. Sini masih, saya rasa lebih sepuluh (10) buah yang rumah jenis lama dulu.

**Az: Ooo maksud tok rumah tradisional tu [itu] macam mana? Diorang [mereka] kekal kan yang bulu tu [itu] ke macam mana?**

TBA: Aaa sekarang ni [ini] kebanyakan kulit kayu aje [sahaja]. Bulu apa semua tu [itu] dah [sudah] dah [sudah] (ulangan) roboh. Aaa papan pun [juga] ada. Sebab diorang [mereka] boleh belah sendiri papan. Dulu diorang [mereka] ni [ini] kebanyakan memang buluh dengan kulit kayu. Sekarang ni [ini] belum ada perubahan.

**Az: Ooo jadi bezanya melalui kemajuan la. Aaa macam aaa jalanraya yang kami sedia nampak jalanraya bertar kan? Macam, aaa boleh tak [tidak] kami tahu sejak bila aaa kampung ni [ini] jalanraya dia dah [sudah] bertar?**

TBA: Aaa jalanraya ni [ini] baru, saya rasa lebih kurang dua (2) tahun lepas. (bunyi ayam) Baru siap sepenuhnya lah, buatnya memang dah [sudah] tujuh (7) lapan (8) tahun pem (gagap) lepas dah [sudah]. Oleh sebab dulu (bunyi ayam) tergendala aaa kontraknya aaa kata (berdecit) (bunyi ayam) gaduh lah apa lah. Benda ni [ini] terse (gagap) terhenti lah hampir tiga (3) tahun. (bunyi ayam) Sebelum se se (gagap) sebelum sebelum (ulangan) berjalan kontraktor baru. (bunyi ayam) Ha ni [ini] hari tu [itu] dah [sudah] lantik baru, terus siap. (bunyi ayam) Buat buat buat buat buat (ulangan), lebih kurang setahun lebih dah [sudah] siap.

**Ai: Daripada mana peruntukan jalan tar tu [itu] (bunyi ayam) dapat?**

TBA: Aaa ini ke (gagap) kemungkinan daripada kerajaan pusat lah saya ingat. (bunyi ayam) Di ba (gagap) aaa dibawah kendalian JKR Daerah Segamat.

**Az: OK. Aaa tok rasa pada masa (bunyi ayam) akan datang ada lagi tak [tidak] kemajuan-kemajuan yang akan ditambah selain jalan (bunyi ayam) tar ni [ini]?**

TBA: Aaa (bunyi ayam) saya fikir kemungkinana ada aaa terutamanya aaa (bunyi ayam) apa nama ni [ini] aaa rumah-rumah penduduknya lah sebab aaa sini masih aaa ada lagi ke (gagap) keluarga yang yang (ulangan) memerlu bantuan apa nama rumah PPRT. Selain daripada tu [itu] saya rasa aaa soal jalan ni [ini] tak [tidak] timbul sebab sekarang ni [ini] dah [sudah] tak [tidak] ada aaa jalan yang tuju kemana, cuma jalan dalam kebun tu biasa lah, kebun-kebun punya tu [itu] lah. Tapi kalau kerajaan nak [mahu] bantu pada saya lagi elok.

**Ai: Secara keseluruhannya jumlah rumah PPRT dekat Kampung Segamat Kecil ni [ini] berapa biji?**



TBA: Aaa tak [tidak] (bunyi selak kertas) silap saya ada empat puluh enam (46) gitu [begitu] lah. (bunyi selak kertas) (mencari maklumat dalam dokumen profil kampung) (bunyi ayam) lima puluh (50) buah aaa lima puluh (50) buah rumah.

**Az: Sekarang lima puluh (50) buah lah? Memang pada masa akan datang mungkin akan bertambah lagi lah?**

TBA: Aaa mungkin mungkin (ulangan) bertambah bertambah bertambah (ulangan).

**Az: OK. Mmm OK, Aimi ada apa apa lagi soalan nak [hendak] tambah sebelum kita?**

**Ai: Kategori-kategori yang akan mendapat rumah PPRT ni [ini] macam mana ya (bunyi selak kertas) penduduk dia?**

TBA: Dia kalau nak [mahu] ikut ni [ini] aaa pada saya aaa memang PPRT (bunyi selak kertas) tu [itu] yang maksudnya aaa Projek Perumahan Rakyat Termiskin memang aaa orang miskin yang layak dapat. Tapi aaa pada saya bila sampai contohnya Segamat Kecil ni [ini] aaa kerajaan bagi lima (5) buah rumah PPRT. Selalunya jadi rebutan rebutan (ulangan). Yang jadi mangsa, saya lah. Saya nak [mahu] mengatasi orang ni [ini] tanya, macam mana, macam mana (ulangan). Keputusan saya pula sendiri pula nak [hendak] kena buat (bunyi telefon bimbit berdering) siapa yang benar-benar layak. Ada yang yang (ulangan) tak [tidak] faham ni [ini], susah. Dia tak [tidak] tahu apa maksud PPRT tu [itu]. Jadi yang ada kereta, dua (2) kereta tiga (3) kereta satu (1) rumah pun [juga] nak [mahu]. Itu masalahnya. Saya ta (gagap) dua (2) tahun lepas saya dapat aaa apa buah, dua (2) buah. Last-last [akhir-akhir] saya dah [sudah] tak [tidak] hebohkan. Pergi siapa yang dapat, saya cakap dengan dia “Kak (kakak) sediakan tapak”. Dah [sudah], tak [tidak] nak [mahu] nak [mahu] (ulangan) heboh-hebohkan. Heboh kecoh. Orang ni [ini] nak [mahu], orang ni [ini] nak [mahu] (ulangan). Jadi sekarang ni [ini] keputusan pada saya sendiri. Saya dah [sudah] bagitahu [beritahu] dengan JAKOA

“Keputusan cik pada saya sendiri. Cik ikutlah cakap saya. Kalau saya kata i (gagap) penama ni [ini], inilah orangnya”. Ini kalau ada tak [tidak] puas hati dengan saya, di (gagap) diorang [mereka] mengadu keluar, dengan pegawai JAKOA sana. Dah [sudah] telefon sampai saya, “Tok kenapa dia ni [ini] tak [tidak] layak dapat?”. Saya nak [hendak] kena bagi terang pula dengan dia.

**Az: Kalau macam orang siapa yang layak dapat PPRT, diorang [mereka] kena ada tanah lah?**

TBA: Yang penting ada tapak.

**Az: Ada tapak dia.**

TBA: Tapak rumah. Tapi sekarang ni [ini] dah [sudah] disediakan aaa saya dah [sudah] mohon dengan aaa dengan FELCRA itu hari aaa minta enam (6) ekar untuk kawasan perumahan aaa kita nak [mahu] buat tersusun. Tak [tidak] nak [mahu] sana satu (1), sini satu (1).

**Ai: Rumah PPRT tu [itu] secara percuma lah?**

TBA: Aaa percuma aaa sekaraang ni [ini] sebuah nilai dia dah [sudah] lima puluh lima ribu (55,000).

**Az: Lima puluh lima ribu (55,000).**

TBA: Aaa dulu baru tiga puluh tiga (33). Yang dulu lagi murah, dulu tiga ribu (3000) aje [sahaja]. Tapi rumah boleh tolak. (bunyi ketawa) Sekarang ni [ini] dapat lagi [lebih] elok.

**Ai: OK aaa untuk akhir sekali saya nak [hendak] tanya pendapat tok, apakah cara yang tok ingin ketengahkan supaya sejarah asal usul kampung ni [ini] diketahui oleh ramai? Selain daripada penduduk sini, untuk orang luar sekali.**

TBA: Saya itulah saya pun [juga] tengah mikir [fikir] ni [ini] apa benda saya nak [mahu] nak [mahu] (ulangan) buat. Ada tak ada saya pemikiran saya dari segi kebersihan kampung, aaa kemudian tu [itu] aaa dari segi aaa tradisi-tradisi lama contoh apa nama ni [ini] rumah tu [itu] saya fikir rumah tradisional tu [itu] kalau buat elok-elok pun [juga] aaa salah satu aaa tarikan juga sebab saya baru-baru saya pergi ke Sarawak, aaa pergi ke melawat di kampung apa nama kampung lupa aaa memang diorang [mereka] ni [ini] aaa perkenalkan rumah-rumah diorang [mereka]. Rumah suku dayak macam ni [ini] bentuk dia, rumah suku apa ni [ini] macam ni [ini]. Jadi saya pun [juga] saya mikir-mikirkan [fikir-fikirkan] saya nak [mahu] ajak masyarakat kampung nak [mahu] kekalkan tradi (gagap) aaa dan nak [hendak] buat rumah tradi (gagap) tradisi tu [itu]. Dalam dua (2) buah ke tiga (3) buah. Aaa supaya bila masyarakat luar sana datang nak [mahu] nengok [lihat] “Tok mana rumah tradisional”. Saya boleh tunjukkan, contohnya yang tu [itu] dulu yang yang (ulangan) kata buat tu [itu]. Masa tu [itu] tiap-tiap [setiap] minggu ada orang datang tengok [lihat]. Tapi ini dah [sudah] lama, masa saya buat tu [itu], terlalu nak [hendak] cepat, gunakan bahan-bahan kayu-kayu yang tak [tidak] berkualiti. Dia sebenarnya rumah tu [itu] kita nak [mahu] buat daripada bahan-bahan hutan seperti kayu, kita nak [mahu] kayu tu [itu] pun [juga] kita nak [mahu] pilih yang elok-elok, yang yang (ulangan) tahan. Ini dulu nak [mahu] cepat, kita cari kayu yang mmm tak [tidak] terpilih dah [sudah] dan dia dah [sudah] mula reput. Itu pun [juga] saya dah [sudah] tengah mikir [fikir], pertamanya mikir [fikir] dari segi peruntukan, nak [hendak] dapat daripada mana, kalau ada peruntukan itu dulu enam ribu (6000) ke tujuh ribu (7000) buat.

**Az: Macam tok kata ada orang te (gagap) datang tengok [lihat] (bunyi bersin) aaa pameran kan, macam mana mereka boleh tahu tentang Segamat Kecil ni [ini] dan pameran tu [itu]?**

TBA: Aaa dia banyak dapat daripada apa nama internet, banyak daripada facebook, apa semua, sebab JAKOA dah [sudah] masuk, masa tu [itu] JAKOA dah [sudah] masuk ke dalam facebook. Gambar rumahnya, apa semua masa masa (ulangan) pertandingan tu [itu] dalam dalam (ulangan) facebook. Boleh katakan hari-hari gambar Kampung (bunyi ketawa) Segamat Kecil ni [ini] ada. (bunyi ketawa)

**Az: Kiranya cara untuk orang ramai tahu pasal [tentang] kampung ni [ini] melalui internet lah, facebook itu sendiri?**

TBA: Aaa.

**Az: OK, kami nak [hendak] tanya apakah harapan tok terhadap penduduk Kampung Segamat Kecil ni [ini]?**

TBA: Saya harapan saya tu [itu] lah, kalau boleh aaa terutamanya pada ibubapa yang punya anak-anak yang akan ke sekolah pada aaa tahun hadapan ni [ini]. Saya pun baru-baru ni [ini] saya buat berucap disekolah, supaya ibubapa ni [ini] dapat menghantar anak-anak ke sekolah dan ambil berat aaa tentang apa nama ni [ini] (bunyi selak kertas) pelajar eh tentang apa nama ni [ini] aaa sekolah anak-anak. Pelajaran anak tu [itu] ambil ambil ambil (ulangan) (bunyi selak kertas) berat. Sebab aaa sekarang ni [ini] kalau tanpa pelajaran memang susah untuk kerja. Jangan kata apa, kita nak [hendak] kerja apa nama ni [ini] ke restoran ke, ke kedai-kedai makan pun [juga] diorang [mereka]

tanya, awak perlu kelulusan mana. (bunyi motosikal) Itu sebab saya aaa menitikberatkan sangat lah aaa apa nama ni pendidikan ni [ini].

**Az: Pendidikan, harapan tok terhadap kampung ni [ini] aaa utamanya adalah terhadap pendidikan lah.**

TBA: Aaa pendidikan.

**Az: Aimi ada apa-apa nak [hendak] tambah?**

**Ai: Boleh saya tahu, guru-guru di kampung ataupun di sekolah tersebut adalah guru-guru daripada sini ataupun daripada luar?**

TBA: Aaa kebanyakannya daripada luar. Aaa memang masyarakat luar, daripada Felda Redong, Kemelah apa semua. Seorang aje [sahaja] aaa orang asli, daripada kampung mmm Bekok.

**Ai: OK. Apa harapan tok terhadap guru-guru yang mengajar (bunyi telefon bimbit berdering) penduduk-penduduk ataupun anak-anak di sss kampung ini?**

TBA: Aaa saya memang saya sering aaa duduk berbincang dengan cikgu, aaa bukan bukan (ulangan) sahaja harapan saya, malahan guru sendiri pun [juga] pernah cakap, ada seorang guru tu [itu] dia dah [sudah] berbelas tahun disini, memang saya saya (ulangan) tanya, "Aaa cikgu, apa sebab aaa cikgu tak [tidak] nak [mahu] bertukar kemana-mana?". "Gini [begini] tok", dia kata. "Selain aaa saya dekat dengan kampung saya, saya niat saya nak [mahu] aaa menolong aaa masyarakat orang asli disini. Aaa dia enam belas (16) ke tujuh belas (17) tahun dah [sudah], disekolah kebangsaan ni [ini].

**Az:** Lama. OK. OK, Aaa kami rasa setakat tu [itu] saja aaa maklumat-maklumat yang kami aaa nak [mahu] dapatkan daripada tok aaa jadinya kami nak [hendak] ucapkan terima kasih lah atas jasa baik tok aaa untuk terima, sudi terima kami untuk temuramah, temubual. Aaa sepanjang dua jam ni [ini] kami minta maaf lah jikalau ada terkasar, tersilap aaa kami amat-amat menghargai masa-masa tok luangkan bersama kami.

**Ai:** Kami nak [hendak] ucapkan ribuan terima kasih kepada tok Arifin.

TBA: Terima kasih, saya pun [juga] gitu [begitu] juga (bunyi selak kertas) aaa andai kata ada terkasar bahasa aaa tersilap kata mohon ampun dan maaf lah.

**Az:** Demikian tadi wawancara mengenai kampung Segamat Kecil bersama Encik Arifin yang merupakan ketua kampung di Kampung Segamat Kecil. Kami pelajar dari Ijazah Sarjana Muda Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Johor mengucapkan berbilang terima kasih atas kesudian Encik Arifin dalam memberi maklumat dan berkongsi tentang sejarah dan maklumat kampung. Semoga hasil rakaman ini akan memberikan manfaat kepada pendengar dan penyelidik serta generasi akan datang. Kami sudahi rakaman ini dengan ucapan ribuan terima kasih.

**TAMAT.**

# **6.0 LOG WAWANCARA**

**6.0 LOG WAWANCARA**

<b>Masa</b>	<b>Perkara</b>	<b>Maklumat</b>
00:00:41	Memperkenalkan diri	Aimi Fahana binti Md Ali Azura binti Amer
00:00:56	Nama orang sumber	Arifin bin Nong
00:01:13	Nama singkatan	Tok batin
00:01:26	Usia Tok Batin Arifin	55 tahun
00:01:35	Tarikh lahir beliau	23 Disember 1962
00:01:45	Tempat lahir beliau	Kampung Segamat Kecil
00:03:09	Tahun beliau berkahwin	23 November 1979
00:03:42	Nama isteri beliau	Cecas @ Rokiah binti Yen
00:04:08	Umur isteri	55 tahun
00:04:31	Agama	Tidak beragama (ethisme)
00:04:51	Pendidikan isteri beliau	Darjah 3 Jalan kaki
00:05:26	Spesifik anak-anak beliau	4 orang 3 perempuan 1 lelaki Zakiah binti Arifin (40) Zakilah binti Arifin (39) Zaidin bin Arifin (32) Zahrina binti Arifin (lepasan SPM)
00:06:15	Pekerjaan anak-anak beliau	Tidak bekerja Suri rumah Menternak Menunggu panggilan kerja bidang perhotelan
00:12:00	Hasil penternakan lembu oleh anak beliau	Dijual
00:12:53	Lokasi perternakan lembu	Kampung Orang Asli Segamat Kecil dan Persatuan Nelayan, Felda Redong
00:14:54	Ibu bapa	Meninggal



<b>00:15:31</b>	Pekerjaan ibu bapa	Memburu hasil hutan
<b>00:16:15</b>	Maksud dan kegunaan damar	bahan kaca bahan plastik dijual
<b>00:17:38</b>	Nama dan agama ibu bapa	Nong bin Sebong Aminah binti Altah
<b>00:19:18</b>	Adik beradik (bilangan, nama, pekerjaan)	6 tapi 1 meniggal Fatimah binti Nong Arifin bin Nong (beliau) Zain bin Nong Zainah binti Nong Sidek bin Mohamad Hanapiah
<b>00:23:50</b>	Pendidikan Tok Batin Arifin	Hingga tingkatan 1
<b>00:33:12</b>	Pekerjaan beliau sebelum menjadi tok batin	Adat resam dan
<b>00:37:46</b>	Tahun perlantikan tok batin	2003
<b>00:38:37</b>	Perkerjaan spesifik sebagai tok batin	Adat resam Perkahwinan Kematian Penceraian Keselamatan
<b>00:41:39</b>	Pendapatan	RM900.00 elaun tok batin Ahli dalam Jabatan FELCRA
<b>00:43:56</b>	Sumbangan kepada penduduk kampung	Tenaga Wang ringgit Kebajikan
<b>00:47:22</b>	Hubungan beliau bersama tok batin yang lain	Kursus Program anjuran kerajaan Program anjuran JAKOA
<b>00:47:54</b>	Jawatan lain bawah beliau	JKK, AJK Keselamatan, AJK

<b>00:51:42</b>	Perbezaan tok batin dengan pengerusi JKK	Tugas
<b>00:52:38</b>	Penglibatan di kampung	Dilihat oleh tok batin terdahulu Berdedikasi
<b>00:54:20</b>	Asal usul kampung	Tragedi Tok Batin Sebah menuang biji durian
<b>00:59:27</b>	Tahun banjir besar	1970, 2003, 2011, 2017
<b>01:02:49</b>	Trajedi penukaran nama kampung	Kejadian keluasan sungai semakin mengecil
<b>01:04:42</b>	Kemajuan kampung	Sekolah, Tadika, Surau, Balai Raya, Balai Keselamatan, PPRT,
<b>01:06:59</b>	Keluasan kampung	248.99 hektar
<b>1:10:35</b>	Agama penduduk	Islam, tiada agama dan Kristian
<b>1:12:59</b>	Kebenaran memasuki kampung	Memerlukan kebenaran dari JAKOA, bawa surat
<b>1:14:02</b>	Persatuan di Kampung Segamat Kecil	Persatuan Wanita Segamat Kecil dan Persatuan Kebajikan Segamat Kecil
<b>1:15:09</b>	Fungsi persatuan-persatuan di Kampung	Buat kutipan duit, beli perkakasan untuk masak, dan boleh digunakan untuh semua penduduk kampung
<b>1:17:37</b>	Lokasi mesyuarat	Balai raya
<b>1:18:31</b>	Pekerjaan penduduk kampung	Menoreh, berkebun, dan masuk ke hutan
<b>1:19:03</b>	Cara bergerak didalam hutan	Menaiki motosikal dan berjalan kaki
<b>1:19:13</b>	Pendidikan anak-anak di Kampung Segamat Kecil	Pencapaian terbaik UPSR 3A dan tiada pelajar yang gagal
<b>1:20:15</b>	Usaha YDP menitikberatkan pendidikan	Pergi dari rumah ke rumah mengingatkan ibubapa tentang pelajaran anak-anak

1:21:31	Lokasi sekolah menengah	Sekolah Menengah Tenang Station
1:21:44	Pengangkutan ke sekolah	Bas secara percuma
1:22:16	Bantuan kewangan untuk pelajar	RM80 sebulan dan duit poket RM2 sehari
1:22:51	Lokasi sekolah rendah	Sekolah Rendah Segamat Kecil
1:23:11	Asal guru-guru yang mengajar di Sekolah Rendah Segamat Kecil	Datang daripada Felda Redong, Felda Kemelah, Labis dan guru orang asli dari Bekok
1:23:42	Aktiviti anak-anak di Kampung Segamat Kecil selepas habis sekolah	Bagi yang lelaki kebanyakan mereka menganggur, dan yang perempuan bantu kerja-kerja di rumah
1:25:27	Kemudahan-kemudahan yang terdapat di Kampung Segamat Kecil	Sekolah, balai rawatan, lawatan dari pihak KEMAS, dan Kolej Komuniti Segamat
1:26:44	Tarikan utama di kampung	Tiada.
1:28:40	Proses perkahwinan dijalankan	Ada dua cara, meminang dan tangkap basah
1:33:42	Proses kematian dijalankan	Beritahu seluruh masyarakat kampung, beli kain putih, kafankan dan masukkan ke dalam lahad atau keranda
1:35:39	Tanah perkuburan terdekat	Dua kilometer dari kampung
1:36:03	Cara merawat jika berlaku kecemasan atau kemalangan	Bergantung pada kemalangan, sama ada rawat sendiri dan hantar hospital
1:36:34	Perubatan tradisional	Masih mempunyai bidan yang mengamalkan perunatan tradisional
1:37:11	Mitos kampung	Mitios kampung adalah tempat keramat
1:42:15	Keistimewaan keramat	Menyembuhkan penyakit
1:44:22	Keizinan untuk menggunakan keramat	Memerlukan keizinan dari tok batin ataupun penduduk kampung jikan ingin pergi ke tempat keramat tersebut
1:44:27	Siapa yang boleh menggunakan keramat?	Orang kampung dan juga orang luar

<b>1:44:57</b>	Kesan jika tidak minta izin untuk menggunakan keramat	Niat kesana perlu baik, jika tidak baik, akan ditimpa musibah
<b>1:46:29</b>	Cara menggunakan keramat	Letak air dalam botol, bawa ke tempat keramat, bakar kemenyan dan ambil air esoknya
<b>1:49:02</b>	Pantang larang keramat	Jangan maki hamun
<b>1:49:22</b>	Keistimewaan orang asli dulu-dulu	Kelebihan pada ilmu iaitu ilmu baik pulih penyakit dan juga hasad dengki orang
<b>1:51:46</b>	Cara orang asli menguasai ilmu hutan	Pakar dalam hutan dan tidak pernah sesat. Mereka membuat takuk pada pokok sebagai penanda
<b>1:53:17</b>	Makanan dalam hutan	Umbut payas, umbut kelapa, umbut nibong, umbut langkang
<b>1:54:08</b>	Buru haiwan di dalam hutan	Buat jerat, perangkap, dan belantik untuk buru rusa, kijang, babi, landak dan kancil
<b>1:54:52</b>	Apa yang dilakukan pada haiwan buruan	Makan dan jual
<b>1:56:16</b>	Pemakaian orang asli	Cawat dan pakaian yang diperbuat daripada kulit kayu
<b>1:59:59</b>	Pencapaian kampung	Mendapat tempat ketiga untuk anugerah Kampung Komuditi Terbaik pada tahun 2013
<b>2:02:23</b>	Penyebab kampung memenangi anugerah Kampung Komuditi Terbaik	Oleh kerana landskap, kebersihan, dan kerjasama dalam gotong-royong
<b>2:03:39</b>	Kesan anugerah terhadap penduduk kampung	Penduduk kampung mula sedar dan minda mereka terbuka
<b>2:07:09</b>	Anugerah lain yang dimenangi	Anugerah JKK terbaik dan Anugerah Desa Sejahtera
<b>2:08:26</b>	Kekerapan mengadakan mesyuarat	Sebulan sekali

<b>2:09:22</b>	Pihak yang mengambil berat tentang Kampung Segamat Kecil	JAKOA, penghulu mukim, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pejabat Daerah Segamat
<b>2:09:49</b>	Masalah berkaitan keselamatan kampung	Kecurian kecil-kecil
<b>2:10:33</b>	Masalah sosial anak-anak kampung	Gejala minum arak dan hisap gam
<b>2:13:09</b>	Perbezaan Kampung Segamat Kecil dan kampung orang asli yang lain	Perbezaan Segamat Kecil dengan Kampung Kudong adalah dari segi kemajuan kampung
<b>2:14:26</b>	Kemudahan jalan tar	Siap sepenuhnya dua tahun lepas (2015) dan proses menyiapkan jalan tar mengambil masa tujuh hingga lapan tahun
<b>2:15:15</b>	Peruntukan buat jalan tar	Diperoleh daripada kerajaan pusat dan dibawah kendalian JKR Daerah Segamat
<b>2:15:31</b>	Kemajuan-kemajuan yang akan ditambah pada masa akan datang	Rumah PPRT
<b>2:16:19</b>	Jumlah rumah PPRT di Kampung Segamat Kecil	50 buah rumah
<b>2:17:08</b>	Kategori penduduk yang layak mendapat rumah PPRT	Orang miskin
<b>2:19:37</b>	Cara untuk diketengah supaya sejarah Kampung Segamat Kecil diketahui ramai	Perkenalkan kampung dari aspek kebersihan kampung, dan perkenal rumah tradisi orang asli kepada orang luar
<b>2:21:37</b>	Cara orang luar tahu tentang Kampung Segamat Kecil	Melalui internet dan facebook Kampung Segamat Kecil
<b>2:22:15</b>	Harapan tok batin terhadap penduduk Kampung Segamat Kecil	Harapan terhadap ibubapa supaya mengambil berat tentang pendidikan anak-anak

<b>2:24:33</b>	Ucapan terima kasih	Ucapan ribuan terima kasih kepada tok batin dan sedikit penutup kata
----------------	---------------------	--

## **7.0 KRONOLOGI**

**7.0 KRONOLOGI**

<b>No.</b>	<b>Tarikh dan masa</b>	<b>Aktiviti</b>	<b>Orang yang terlibat</b>
1.	18/09/2017 10.00 pagi	Membentuk ahli kumpulan seramai 2 orang dan membuat pemilihan kampung 1. Aimi Fahana binti Md Ali 2. Azura binti Amer	Aimi dan Azura
2.	28/09/2017 11.00 pagi	Menentukan orang yang hendak ditemubual iaitu seramai tiga orang: 1. Encik Yazid 2. Encik Arifin bin Nong 3. Puan Zainah binti Nong	Aimi dan Azura
3.	06/10/2017 11.00 pagi	Berjumpa dengan penasihat bagi pengesahan RP sama ada boleh diteruskan atau tidak	En Zul Azmi, Aimi dan Azura
4.	24/10/2017 10.00 pagi	Menghubungi Encik Yazid untuk temuramah awal	Aimi dan Azura
5.	25/10/2017 2.00 petang	Temuramah awal telah berlansung di Jabatan Kemajuan Orang Asli bagi mengetahui selok belok kampung dan orang yang patut di temu ramah dan mendapatkan nombor telefon	Aimi, Azura dan Encik Mohd Yazid
6.	13/11/2017 12.00 tengah hari	Menghubungi ketua kampung tersebut untuk tujuan temu bual	Aimi dan Azura
7.	16/11/2017 11.00 pagi	Perjumpaan dengan penasihat untuk meminta pandangan dan nasihat dalam menyediakan soalan yang terbaik untuk temuramah yang sebenar	En Zul Azmi, Aimi dan Azura
8.	17/11/2017 9.00 pagi	Proses pra-temubual telah berjalan dengan lancar di kediaman Encik Arifin di Kampung Orang Asli Segamat Kecil	Aimi, Azura, Tok Batin Arifin dan Puan Zainah
9.	20/11/2017 10.00 pagi	Perjumpaan yang kedua bersama penasihat untuk memeriksa soalan yang kami sediakan untuk diajukan kepada Encik Arifin	En Zul Azmi, Aimi dan Azura



<b>10.</b>	27/11/2017 10.00 pagi	Perjumpaan terakhir bagi sesi pemeriksaan soal-an yang perlu dibetulkan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Soalan orientasi</li> <li>• Soalam umum</li> <li>• Soalan spesifik</li> </ul>	En Zul Azmi, Aimi dan Azura
<b>11.</b>	27/11/2017 2.00 petang	Menghubugi Encik Arifin untuk menetapkan tarikh dan masa bagi temuramah yang sebenar di jalankan	Aimi dan Azura
<b>12.</b>	30/11/2017 12.00 tengah hari	Temuramah yang sebenar telah diadakan di Kampung Orang Asli Segamat Kecil, No 51, Jalan Surau, 85111 Segamat, Johor.	Aimi, Azura dan En Arifin
<b>13.</b>	02/12/2017 10.00 pagi	Membuat transkrip	Aimi dan Azura
<b>14.</b>	07/12/2017 12.00 tengah hari	Membuat log temubual	Aimi dan Azura
<b>15.</b>	17/12/2017 3.00 petang	Membuat hard cover	Aimi dan Azura
<b>16.</b>	20/12/2017 2.00 petang	Menghantar transkrip kepada penyarah	Aimi, Azura dan Encik Zul Azmi

# **8.0 BIODATA PENGKISAH**

**8.0 BIODATA PENGKISAH**



*Nama* : Arifin Bin Nong  
*Umur* : 55 Tahun  
*Asal* : Kampung Orang Asli Segamat Kecil  
*Keturunan* : Orang Asli  
*Agama* : Tidak Beragama (Atheisme)  
*Alamat* : Kampung Orang Asli Segamat Kecil, Segamat, Johor.  
*Isteri* : Cecas @ Rokiah binti Yen  
*Anak-Anak* : 4 Perempuan 1 Lelaki  
*Adik-Beradik* : 5 Adik Beradik Dan Beliau Anak Yg Ke 2  
*Jawatan Sekarang* : Tok Batin Di Kampung Orang Asli Segamat Kecil, Segamat, Johor.

# **9.0 SENARAI SOALAN**

**9.0 SENARAI SOALAN**

1. Boleh kami tahu apakah nama penuh Encik?
2. Adakah Encik mempunyai nama singkatan atau gelaran?
3. Bolehkah kami panggil Encik dengan gelaran tersebut?
4. Boleh saya tahu berapa usia tok sekarang?
5. Boleh kah kami tahu bilakah tarikh lahir tok?
6. Dimanakah tok sebenarnya dilahirkan?
7. Tok dilahirkan di hospital atau di rumah?
8. Boleh tok nyatakan nama lokasi atau rumah tersebut?
9. Adakah tok sudah berkahwin?
10. Boleh saya tahu tok mendirikan rumah tangga pada tahun bila ya?
11. Sudah berapa lamakah tok dan isteri mendirikan rumah tangga?
12. Berapakah usia tok dan isteri tok ketika itu?
13. Boleh saya tahu siapakah nama isteri tok?
14. Berapakah umur beliau sekarang?
15. Adakah tok dan isteri tinggal di kampung yang sama?
16. Tok dan isteri beragama apa?
17. Isteri tok pula?
18. Boleh kami tahu serba sedikit tentang pendidikan isteri tok?
19. Adakah tok sudah mempunyai anak?
20. Bolehkah tok nyatakan nama anak-anak tok?
21. Boleh saya tahu dimakah tempat mereka bekerja atau belajar?
22. Adakah mereka sudah mendirikan rumah tangga?
23. Boleh tok ceritakan serba sedikit tentang keperibadian mereka?
24. Boleh saya tahu hasil penternakan anak tok itu dibawa ke mana ya?
25. Boleh kami tahu anak tok ternak haiwan haiwan tersebut dekat mana?
26. Adakah anak tok sahaja yang buat penernakan tu atau dia ada pekerja dia sendiri?
27. Boleh saya tahu adakah ibu dan bapa tok masih ada?
28. Boleh kami tahu semasa mereka masih ada apa pekerjaan mereka?
29. Tok boleh saya tahu, damar tu sebenarnya apa?
30. Apakah kegunaan damar ni sebenarnya?

31. Boleh saya tahu nama ibu dan ayah tok?
32. Mereka sebenarnya beragama apa?
33. Tok mempunyai berapa adik beradik?
34. Adakah ayah tok kahwin lain?
35. Keseluruhan adik beradik tok berapa lelaki berapa perempuan?
36. Tok anak yang ke berapa?
37. Apakah pekerjaan adik beradik tok sekarang?
38. Boleh saya tahu nama adik beradik tok?
39. Dimanakah mereka tinggal sekarang?
40. Adakah semua adik beradik tok ada dekat Segamat Kecil ni?
41. Boleh saya tahu bagaimanakah hubungan tok dan adik beradik?
42. Boleh tok nyatakan seba sedikit hubungan tok antara satu sama lain?
43. Bagaimakah tok mengekalkan hubungan silaturahim bersama adik beradik?
44. Seterusnya boleh saya tahu tentang pendidikan tok dari mula hingga ke akhir?
45. Masa tok balik sini itu umur tok berapa?
46. Tok duduk dengan abang sedara tok kawasan tu tempat dekat mana?
47. Maksud tok menumpang belajar tu tok belajar sendiri daripada diorang la bukan pergi sekolah dengan cikgu?
48. Boleh saya tahu nama spesifik sekolah rendah tok dan sekolah menengah tok?
49. Selepas menamatkan pengajian tok di sekolah apakah aktiviti yang tok lakukan?
50. Aktiviti yang tok jalankan tu memang dekat segamat?
51. Dekat Bekok tu tok duduk dengan siapa?
52. Oh abang sedara yang tadi tu?
53. Tok bekerja masuk hutan cari damar gaharu semua tu tok berseorangan atau dengan kawan-kawan?
54. Hasil daripada yang tok dapat daripada hasil hutan tu macam mana tok bahagikan duit ka apa ka?
55. Bekok tu dimana tok?
56. Boleh saya tahu tok pergi ke aa macam pergi bekok pergi tempat2 lain tu tok pergi naik apa?
57. Ramai-ramai naik motor?

58. Sebelum tok menjadi tok batin di kampung ini apa kah pekerjaan tok?
59. Kiranya tok jadi tok batin tu daripada ciri ciri yang ada pada tok lah, orang yang lantik tok tu nampak tok boleh memimpin kampung ni.
60. Tok ingat tak berapa beza undian tu?
61. Boleh saya tahu tok adalah tok batin yang keberapa di kampung ini?
62. Boleh saya tahu apakah pekerjaan spesifik tok?
63. Kiraya kalau mereka langgar pantang kena bayar?
64. Kena bayar pada siapa?
65. Adakah itu sebagai cagaran sahaja kemudian baru bagi duit?
66. Jika tok tak keberatan boleh tak tok berkongsi tentang pendapatan tok sebagai tok batin di kampung ni?
67. Itu untuk apa tok getah ka apa?
68. Macam mana tok boleh join FELCRA tu?
69. Memang pendapan tok adalah daripada FELCRA dan alaun JKK?
70. Apakah sumbangan tok sebagai tok batin di kampung ini?
71. Tok memegang jawatan sebagai ketua kampung di sini di keseluruhan kampung ataupun di mukim mukin?
72. Maksud tok satu kampung satu batin?
73. Tok boleh saya tahu macam mana hubungan tok batin sini dengan tok batin tok batin dekat kampung orang asli lain?
74. Apakah lagi jawatan lain yang wujud di bawah tok?
75. Adakah tok telah menetapkan pelapis sebagai ketua kampung di masa akan datang?
76. Jadi ciri ciri sebagai pelapis tok batin tu ada pada beliau?
77. Jadinya tok tak buat aa pemilihan secara undian lah mcm pengalaman tok dulu tu?
78. Tok boleh saya tahu kalau ada sebarang masalah orang kampung cari tok dulu kan, kalau sibuk pergi keluar ada urusan siapa pengganti tok untuk selesaikan masalah?
79. Encik Zamri tu bekerja tetap?
80. Encik Zamri sebagai pengerusi JKK tok sebagai tok batin apa perbezaan tok batin punya taraf dengan pengerusi JKK?

81. Bagaimana tok boleh melibat kan diri untuk aktif dalam hal perkampungan ni. Tercetusnya minat daripada mana?
82. Boleh tak tok ceritakan tentang sejarah asal susul kampung Orang Asli Segamat Kecil ini?
83. Kiranya peristiwa yang tok ceritakan tu lah terciptanya kampung segamat kecil? Waktu tu Tok tahu tak berapa ramai yang ada dekat kampung ni?
84. Kawasan Tuang Kajangtu di kawasan Segamat Kecil nil ah ya?
85. Di Segamat Kecil?
86. 1970 tu di Tuang Kajang?
87. Waktu tu jalan masih tanah merah atau pun tar?
88. Tok dekat Tuang Kajangtu sekarang ni ada orang ka dah taka da?
89. Tok pernah cakap tadi yang Segamat Kecil pernah banjir empat (4) kali. Boleh kami tahu daripada bila tarikh dia?
90. Jadinya tok kalau yang banjir mangsa mangsa banjir ni tok hantar kat mana?
91. Adakah tempat Tuang Kajangitu masih di panggil Tuang Kajangatau dah tukar nama?
92. Kiranya orang lama lama lah dipanggil Tuang Kajang
93. Projek macam mana tu tok?
94. Boleh saya tahu tak tok mcm mana nama Tuang Kajangtu boleh hilang selepas itu timbul nama Segamat Kecil?
95. Boleh saya tahu tak tok.mcm mana proses pertukaran nama kampung ni dibuat atas persetujuan siapa?
96. Seterusnya kita beralih pada kemajuan kampung ini, tok apa yang tok nampak tentang kemajuan yang ada dekat kampung Segamat Kecil ni.
97. Apakah faktor faktor yang menyebabkan Kampung Segamat ini maju apakah sebab sebab dia?
98. Tok boleh saya tahu berapa jumlah keseluruhan penduduk Kampung Segamat Kecil yang sekarang yang terkini.
99. Berapakah keluasan Kampung Segamat Kecil ini? Tok tahu tidak?
100. Mereka semua berasal daripada sini atau ada daripada luar?
101. Kalau yang tak berasal dari Segamat Kecil ini mereka berasal daripada mana tok tahu tidak?



102. Kenapa mereka datang ke Segamat Kecil ni?
103. Adakah jalan yang mereka lalu itu jalan hutan?
104. Orang kampung daripada luar yang menetap disisni mereka berdaftar atau tidak?
105. Kebanyakan orang di Segamat Kecil ini beragama apa?
106. Selain daripada agama islam, mereka beragama apa?
107. Kiranya ada dua sajalah, agama islam dan yang tidak beragama?
108. Sebelum nak masuk ke kampung ni kena rujuk ke JAKOA dahulu?
109. Perkara tersebut memang wajib dilakukan untuk masuk ke kampung ini?
110. Di kampung ni ada apa-apa persatuan tak tok?
111. Apakah fungsi-fungsi persatuan wanita di kampung ini?
112. Duit yang beli perkakasan kenduri kahwin dapat daripada mana?
113. Satu keluarga?
114. Sekarang masih dijalankan?
115. Jadi perkakasan tersebut tu dibahagi mengikut keluarga ataupun ada tempatnya yang khas?
116. Jadi semua penduduk boleh guna?
117. Sewa kena ada bayaran atau tidak?
118. Tempoh sewaan tu berapa lama?
119. Bagaimana kalau ada barang hilang?
120. Kebanyakan penduduk di kampung ini apakah pekerjaan mereka?
121. Mereka pergi ke taman negara tersebut bagaimana? Jalan kaki ke naik motor?
122. Saya nak tanya bagaimana pula dengan pendidikan anak-anak di kampung ini?
123. Siapakah YDP yang menjadi orang kuat dikampung ini yang menitikberatkan pendidikan anak-anak disini?
124. Boleh saya tahu sekolah rendah dan sekolah menengah mereka bersekolah dimana?
125. Bas yang disediakan untuk menghantar pelajar kesekolah dikenakan bayaran atau tidak?
126. Seorang pelajar dapat peruntukan belanja berapa sebulan?
127. Guru-guru yang mengajar di Segamat Kecil ini guru daripada dalm atau luar?

128. Boleh tak saya tahu, bila anak-anak di kampung ni mereka sudah habis sekolah, apa yang mereka lakukan?
129. Itu kalau yang lelaki, kalau yang perempuan biasa apa yang mereka lakukan?
130. Tok boleh saya tahu, apakah kemudahan-kemudahan yang ada dikampung ini selain sekolah tersebut?
131. Progam-program tersebut diuruskan oleh pihak JAKOA?
132. Tok boleh saya tahu, ada tak tarikan utama di kampung ini yang membuatkan orang luar nak datang?
133. Berbalik pada tok kata aaa kerja tok batin tu khusus kepada adat resam dekat kampung ni kan, boleh saya tanya, bagaimana adat perkahwinan di kampung ini dijalankan?
134. Kiranya kalau mereka ditangkap basah, mereka memang perlu kahwin ataupun bagaimana?
135. Kalau mereka tak nak kahwin?
136. Tadi tok ada cakap yang perisik kan, perisik tersebut daripada ahli keluarga sendiri ataupun siapa-siapa sahaja?
137. Kiranya jika berlaku perkahwinan tok batin perlu ada di majlis tersebut?
138. Kalau tok tiada, akan diwakilkan kepada siapa?
139. Itu bab perkahwinan, kita beralih kepada kematian, kalau berlaku kematian, apa yang keluarga si mati buat?
140. Bagaimana proses bagitahu tersebut?
141. Boleh saya tahu macam mana proses mayat si mati tu diuruskan?
142. Tanah perkuburan terdekat terletak dimana?
143. Jika ada berlaku kecemasan atau kemalangan, selalunya orang kampung disini ke hospital atau pun ada cara tersendiri?
144. Disini ada tok bidan ataupun tradisional punya cara ubatan?
145. Adakah dia masih lakukan perubatan tradisional tersebut?
146. Seterusnya kita beralih kepada mitos kampung. Boleh saya tahu, dikampung ni ada mitos atau tidak?
147. Tempat mitos tersebut masih wujud lagi?
148. Kiranya ayam putih yang tok kata tu, adakah orang boleh nampak dia?
149. Tok sendiri pernah nampak tak ayam tu?

150. Apakah maksud lepas niang?
151. Tapi sebenarnya ada orang bersihkan atau tidak kawasan keramat tersebut?
152. Boleh saya tahu apakah keistimewaan keramat tersebut. Maksud aaa keramat tersebut bagi kelebihan apa kepada orang kampung?
153. Kalau nak gunaksn keramat tersebut, perlukan keizinan dari tok tidak?
154. Keramat tu digunakan oleh orang disekitar kampung ini ataupun orang luar?
155. Apa yang terjadi jika orang pergi tanpa mintak izin?
156. Bagaimana cara menggunakan keramat tersebut?
157. Kiranya tok kerap pergi ke tempat keramat tersebut untuk pulih kan cucu tok?
158. Boleh saya tahu umur cucu tok tu berapa?
159. Tok, keramat tersebut ada pantang larang atau tidak?
160. Seterusnya habis tentang keramat dan mitos, saya nak tanya tentang orang asli dulu-dulu. Orang asli dulu-dulu dan sekarang ada perbezaannya yang tersendiri, Boleh saya tahu, orang asli yang dulu-dulu tersebut apakah keistimewaan yang ada pada mereka?
161. Orang-orang tertentu sahaja yang boleh ada ilmu, ataupun semua orang boleh ada?
162. Perlu belajar ilmu tersebut?
163. Seperti yang sedia maklum, yang kami tahu orang asli handal bab-bab ilmu hutan, boleh tak tok jelaskan lagi bagaimana orang asli menguasai ilmu hutan tersebut, apa yang mereka buat dalam hutan?
164. Takuk tersebut sebagai penanda?
165. Bagaimana pula mereka cari makanan didalam hutan?
166. Kiranya mereka makan makanan yang dimasak dahulu, dan bukan makan makanan mentah?
167. Mereka ada buru haiwan di dalam hutan atau tidak?
168. Contoh haiwan tersebut?
169. Belantik itu apa tok?
170. Selepas mereka buru haiwan-haiwan tersebut, apa yang mereka lakukan, mereka jual atau makan?
171. Seekor kancil berharga berapa?
172. Sekarang tok sendiri masih memburu tidak?

173. Penduduk kampung disini masih lagi memburu?
174. Bagaimanakah pemakaian orang asli terdahulu?
175. Sumber pakaian tersebut daripada mana?
176. Cawat diperbuat daripada apa?
177. Untuk satu pakaian menganbil masa berapa lama?
178. Pokok terap masih ada di kawasan sini?
179. Orang kampung menggunakan pokok terap tersebut?
180. Kita beralih pula kepada pencapaian kampung, kampung ini ada menangi apa-apa anugerah?
181. Apakah yang menyebabkan Kampung Segamat Kecil ini memenangi anugerah tersebut?
182. Boleh saya tahu kesan-kesan anugerah tersebut kepada tok ataupun orang kampung?
183. Kraf tangan yang dibeli tersebut, dibeli oleh siapa?
184. Tok ingat tak berapa banyak kampung yang bertanding waktu itu?
185. Serata Malaysia menyertai pertandingan tersebut?
186. Pertandingan itu dikhususkan untuk kampung orang asli sahaja?
187. Selain dari anugerah Desa Cemerlang ini, ada lagi anugerah-anugerah lain yang kampung ini menang?
188. Dimasa akan datang, tok ada bercadang untuk menyertai mana-mana anugerah atau pertandingan?
189. Macam tok kata tok mengadakan mesyuarat, berapa kerap tok mengadakan mesyuarat tersebut?
190. JAKOA memang wajib datang sini setiap bulan?
191. Selain daripada JAKOA, ada lagi tak jabatan-jabatan yang ambil tahu tentang Segamat Kecil ini?
192. erkenaan dengan keselamatan kampung, ada tak masalah-masalah besar yang berlaku di Kampung Segamat Kecil ini?
193. Anak-anak muda di kampung ini pula, ada tak masalah-masalah sosial mereka?
194. Apakah tindakan tok selain tok laporkan kepada pihak berkuasa?

195. Kiranya JAKOA juga ada hak juga jika ada masalah-maslah yang berlaku di kampung ini?
196. Pihak mana yang mengambil tindakan?
197. Pusat pemulihan terletak dimana?
198. Jadi siapa yang bawa ke pusat pemulihan tersebut?
199. Jadi, sehingga sekarang masih tiada masalah yang membawa ke pusat pemulihan?
200. Boleh kami tahu perbezaan kampung Segamat Kecil dan kampung orang asli yang lain?
201. Bagaimana maksud tok untuk mengekalkan rumah tradisional? Kekalkan rumah buloh?
202. Seperti yang kami lihat, jalanraya disini bertar. Boleh tak kami tahu sejak bila kampung ni jalanraya sudah bertar?
203. Daripada mana peruntukan untuk membuat jalan tar tersebut?
204. Tok rasa pada masa akan datang ada lagi tak kemajuan-kemajuan yang akan ditambah selain jalan tar ini?
205. Secara keseluruhannya jumlah rumah PPRT di Kampung Segamat Kecil ini berapa buah?
206. Pada masa akan datang adakah rumah PPRT ini akan bertambah lagi?
207. Apakah kategori-kategori penduduk yang layak mendapat rumah PPRT ini?
208. Bagi yang layak mendapat rumah PPRT, adakah mereka perlu sediakan tanah?
209. Adakah rumah PPRT tersebut diberi secara percuma?
210. Saya nak tanya tentang pendapat tok, apakah cara yang tok ingin ketengahkan supaya sejarah asal usul kampung ini di ketahui oleh ramai selain daripada penduduk sini?
211. Seperti yang tok kata, kampung mengadakan pameran untuk orang ketahui lebih dalam tentang kampung Segamat Kecil ini, melalui cara apa mereka boleh tahu tentang kampung ini dan pameran tersebut?
212. Kiranya cara untuk orang ramai tahu tentang kampung ni melalui internet dan facebook itu sendiri?
213. Kami nak tanya apakah harapan tok terhadap penduduk Kampung Segamat Kecil ini?

214. Boleh saya tahu, guru-guru di kampung ataupun di sekolah tersebut adalah guru-guru daripada sini ataupun daripada luar?
215. Apa harapan tok terhadap guru-guru yang mengajar penduduk-penduduk ataupun anak-anak di kampung ni?

# **10.0 RALAT**

## **10.0 RALAT**

Ketika temubual ini dijalankan, terdapat beberapa jenis ralat yang tidak dapat dielakkan sepanjang sesi temubual dijalankan. Berikut adalah beberapa jenis ralat yang telah kami rakamkan secara tidak langsung:-

- Bunyi kipas syiling
- Bunyi helaian kertas diselak
- Bunyi batuk
- Bunyi ketawa
- Bunyi bersin
- Bunyi kenderaan bermotor
- Bunyi haiwan seperti anjing dan ayam
- Bunyi telefon bimbit berdering berdering
- Bunyi getaran telefon bimbit
- Bunyi meletakkan telefon bimbit
- Bunyi loceng
- Bunyi tepuk tangan
- Bunyi pintu
- Bunyi ketukan meja
- Bunyi pen
- Bunyi berjalan kaki
- Bunyi suara tetamu salam dan berbual
- Bunyi berdecit

Walaupun bagaimanapun, temubual kami bersama Tok Batin Arifinbin Nong berjalan dengan baik dan lancar. Ralat tersebut agak mengganggu kami kerana ralat tersebut agak berampiran dengan kami tetapi ianya tidak terlalu memberi kesan dalam sesi temubual kami. Suara Tok Batin Arifin juga masih jelas didengari.



## **11.0 RUMUSAN**

## **11.0 RUMUSAN**

Dikenali sebagai sorang yang berpengaruh dan mempunyai pelbagai perancangan untuk kemajuan kampung nya sendiri iaitu Tok Batin Arifinbin Nong. Beliau dipilih sebagai pengkisah dalam penulisan kami yang merupakan salah seorang tok batin yang ke-lima (5) di Kampung Orang Asli Segamat Kecil di Segamat, Johor. Tok Batin Arifin telah dilahirkan di Kampung Orang Asli Segamat Kecil atau lebih dikenali sebagai Kampung Tuang Kajang pada tahun Sembilan belas enam puluh dua (1962). Beliau kini berumur lima puluh lima (55) tahun. Tok Batin Arifin kini menetap di tanah tumpah darahnya iaitu Kampung Orang Asli Segamat Kecil bersama isteri dan anak-anak beliau. Isteri beliau bernama Rokiah binti Yen. Tok Batin Arifin bernikah dan berkahwin pada tahun sembilan belas tujuh puluh Sembilan (1979). Isterinya kini merupakan suri rumah tetap di rumahnya. Beliau mempunyai empat (4) orang anak dimana dua sudah mendirikan rumah tangga dan manakala lagi dua belum berkahwin. Tok Batin Arifin telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Segamat Kecil dan melanjutkan di peringkat sekolah menengah di Cha'ah. Nama sekolah tersebut telah ditukar tetapi masih tidak dikenal pasti akan nama sekolah tersebut. Beliau menamatkan pengajiannya di tingkatan satu (1) kerana pengaruh oleh abang saudaranya untuk melakukan pekerjaan di hutan. Sepanjang beliau melakukan pekerjaan di hutan beliau telah mendapat pendapatan sendiri seawal tiga belas (13) tahun dan menyara hidupnya dan serba sedikit membantu keluarga beliau. Pada tahun-tahun berikutnya, beliau mula menampakkan diri oleh masyarakat kampung dan tok batin kampung tersebut atas dasar keperibadian beliau yang begitu menitik beratkan perihal kampung. Oleh yang demikian, beliau diantara empat (4) orang telah tercalon untuk menjadi tok batin yang ke-lima (5) oleh masyarakat kampung dengan melalui proses demokrasi iaitu beliau mendapat undian tertinggi daripada tiga calon yang tercalon. Hingga ke hari ini beliau telah mentadbir kampung orang asli tersebut selama lebih kurang empat belas tahun (14) tahun dan dikenali sebagai tok batin yang terlalu berdedikasi.

Melalui temubual ini kami dapat tahu serba sedikit informasi tentang asal usul kampung ini oleh Tok Batin Arifintersebut. Kampung Orang Asli Segamat Kecil ini telah ditadbir oleh beliau dan demikianlah kami menjadikan beliau sebagai pengkisah bagi penulisan kami. Kampung Orang Asli Segamat Kecil merupakan kampung yang tua usianya yang dulunya diberi nama atau lebih dikenali sebagai Kampung Tuang Kajang. Asal usul Tuang Kajang ini bermaksud memasuk atau mencurahkan sesuatu benda ke dalam acuan atau bekas manakala kajang adalah daun mengkuang yang dianyam untuk dijadikan atap rumah atau dinding sebagai

pelindung penduduk. Nama ini diambil apa bila berlaku peristiwa tok batin menuang atau mencurah biji durian dengan banyaknya ke dalam bekas tersebut. Nama tersebut masih dikenali sehingga hari ini. Kampung ini merupakan kampung yang penduduknya sangat aktif akan setiap aktiviti yang dilakukan oleh organisasi yang lain. Terdapat lebih kurang lapan kampung orang asli di Johor ini, tetapi melalui temubual ini kami mengetahui bahawa Segamat Kecil ini terkenal kerana kisah kawasan keramat yang mampu menyembuhkan penyakit atau apa jua permintaan yang dihajati oleh setiap penduduk. Selain daripada itu, kami mendapati bahawa Kampung Orang Asli Segamat Kecil ini sebenarnya pernah mengalami bencana banjir yang terbesar sekali yang meragut ketenangan penduduk kampung tersebut. Selain itu juga, kami mendapati penduduk-penduduk di kampung ini adalah berketurunan orang asli lama yang dari generasi-generasi terdahulu.

# **12.0 SENARAI RUJUKAN**

**12.0 SENARAI RUJUKAN**

Encik Arifin bin Nong, Temubual Sejarah Kampung Orang Asli Segamat Kecil, 30 November, 2017

Encik Mohd Yazid bin Beram, Pra-temubual Sejarah Kampung Orang Asli Segamat Kecil, 25 Oktober, 2017

Puan Zainah binti Nong, Temubual Sejarah Kampung Orang Asli Segamat Kecil, 17 November, 2017

## **13.0 LAMPIRAN**

**13.0 LAMPIRAN**



*Gambar 1: Bersama Tok Batin Arifin*



*Gambar 2: Perumahan penduduk Kampung Orang Asli Segamat Kecil*



*Gambar 3: Perumahan penduduk Kampung Orang Asli Segamat Kecil*






*Gambar 4: Rumah bantuan “Perumahan Penduduk Miskin Tegar (PPRT)”*



*Gambar 5: Pintu gerbang Kampung Orang Asli Segamat Kecil*



*Gambar 6: Papan tanda*



*Gambar 7: Balai Kawalan Keselamatan Kampung*

## **14.0 INDEKS**

**14.0 INDEKS**

**A**

Al-Quran, 20, 49  
Animisma, 12  
Asahan, 38, 39, 51,  
Ayam putih, 69, 70, 116

**B**

Balai rawatan, 7, 61, 104  
Banjir, 41, 42, 43, 70, 71, 103, 114, 123  
Bekok, 12, 18, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 48, 51, 56, 59, 60, 93, 99, 104, 112  
Belantik, 79, 80, 105, 117

**C**

Cawat, 81, 82, 105, 118  
Cecas, 11, 101  
Cha'ah, 24, 26, 28, 77, 122  
Cincang, 15

**D**

Damar, 19, 24, 27, 28, 29, 48, 102, 111, 112  
Demokrasi, 30, 38

**E**

Elaun, 34, 102  
Endau Rompin, 56, 81  
Ethiesme, 13

**F**

Facebook, 98, 106, 119  
FELCRA, 2, 15, 33, 34, 44, 96, 102, 113  
Felda, 6, 17, 47, 58, 59, 90, 99, 101, 104,

**G**

Gaharu, 27, 28, 29, 112  
Gotong-royong, 62, 85, 86, 87, 105  
Group, 18

**H**

Handphone, 25, 42  
Harmoni, 6, 40  
Hektar, 6, 17, 47, 103  
Hospital, 9, 15, 18, 35, 67, 104, 111, 116

**I**

Ilmu dengki orang, 76  
Ilmu hutan, 77, 105, 117  
Infrastruktur, 46  
Internet, 5, 98, 106, 119,

**J**

JAKOA, 2, 22, 34, 51, 61, 62, 85, 89, 90, 91, 95, 96, 98, 102, 103, 106, 108, 115, 116, 118,  
119  
Jakun, 6, 40, 81,  
Jaman, 20, 59, 65,  
JKK, 2, 37, 38, 39, 43, 55, 66, 85, 88, 91, 102, 103, 105, 113  
Johor Bahru, 59

**K**

Kajang, 6, 10, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 48, 114, 122  
Kaum, 6, 40  
Keladah, 45  
KEMAS, 2, 7, 32, 61, 104,  
Kemelah, 59, 99, 104  
Keramat, 69, 70, 72, 73, 74, 75, 76, 104, 105, 117, 123  
Kristian, 50, 51, 103

**L**

Labis, 26, 59, 90, 104  
Landskap, 15, 85, 105  
Lembing, 33  
Lepas niat, 70

**M**

Meminang, 63, 65, 104  
Mesyuarat, 37, 39, 52, 55, 85, 89, 103, 105, 118  
Mitos, 68, 69, 70, 76, 104, 116, 117

**N**

Nasib, 27, 28, 70, 72, 73, 74

Nasihat, 5, 57, 108,

**O**

**P**

Perahu, 42, 45

Perhotelan, 14, 101

Perkahwinan, 31, 63, 65, 66, 102, 104, 116

Persatuan, 17, 18, 47, 51, 52, 54, 55, 101, 103, 115

Premis, 47

**Q**

**R**

RISDA, 2, 15, 34

Rumah panjang, 68

**S**

Sabah, 88

Sarawak, 51, 82, 88, 97

Sawit, 17, 34, 42, 43, 56,

Suku Dayak, 97

Swasta, 16

**T**

Takuk, 78, 105, 117,

Taman Negara, 28, 29, 56, 81, 115

Tampoi, 92

Tangkap basah, 35, 63, 64, 104, 116,

Tenang Station, 58, 104

Tradisional, 68, 86, 93, 97, 104, 116, 119

**U**

Umbut langkang, 79, 105

Umbut nibong, 79, 105

Umbut payas, 78, 79, 105

UMNO, 2, 52

Uncang tepung, 82

**V**

**W**

Wajib, 33, 51, 65, 89, 115, 118

Waris, 48, 66

Wayar, 75

Wiring, 61

Wujud, 36, 45, 69, 70, 72, 113, 116

**X**

**Y**

YDP, 2, 57, 103, 115

**Z**

Zamri, 37, 38, 39, 57, 113